

ANALISIS MAKNA PERIBAHASA DALAM LAMAN  
SOSIAL *FACEBOOK*

HURAIZAH ABD SANI

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2017

**ANALISIS MAKNA PERIBAHASA DALAM LAMAN  
SOSIAL *FACEBOOK***

**HURAIZAH ABD SANI**

**LAPORAN PENYELIDIKAN DISERAHKAN KEPADA  
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU UNIVERSITI  
MALAYA SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA  
PENGAJIAN MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2017**

**UNIVERSITI MALAYA  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Huraizah Abd Sani**

No. Matrik: **JGA160005**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Melayu**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**Analisis Makna Peribahasa Dalam Laman Sosial *Facebook***

Bidang Penyelidikan: **Semantik**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama  
Jawatan

# ANALISIS MAKNA PERIBAHASA DALAM LAMAN SOSIAL *FACEBOOK*

## ABSTRAK

Peribahasa Melayu menghasilkan fenomena terkini dalam kehidupan masyarakat dengan medium penyampaian yang berbeza dalam masyarakat dahulu dengan sekarang. Melihat kepada perkembangan dan penggunaan peribahasa yang sedikit tenggelam mewujudkan kajian ini dijalankan bagi melihat perubahan dan kerelevanan peribahasa dalam masyarakat hari ini. Kajian ini memberi tumpuan kepada pengguna *Facebook* kerana ia memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan masyarakat dan mampu betoleransi ke seluruh dunia dengan pantas. Walaupun penggunaan peribahasa agak suram, namun ia masih tegap dalam pemikiran masyarakat kini dan seringkali digunakan dalam kehidupan seharian dan fungsi penyampaian peribahasa masih utuh serta mengandungi makna yang implisit dan eksplisit. Penelitian yang dibuat berdasarkan kepada 50 daripada peribahasa yang dikutip dalam laman sosial *Facebook* dengan memberi tumpuan terhadap perubahan kepada aspek makna dalam peribahasa dan ia berhubung kait dengan kognitif, kolokasi, leksikal dan juga kerelevanan peribahasa dalam masyarakat hari ini. Berdasarkan kepada teori Relevans dan Relativiti Linguistik, kajian ini dijalankan bagi melihat perubahan makna dan juga kerelevanan penggunaan peribahasa dalam masyarakat hari ini. Hasil kajian yang diperolehi, mendapati bahawa peribahasa Melayu kerap digunakan untuk menyatakan pandangan, sindiran, didikan dan juga protes kepada pihak tertentu dan melalui ungkapan peribahasa, masyarakat mampu melahirkan idea yang kritis untuk menyampaikan pandangan yang terdapat dalam fikiran.

**Kata kunci:** Peribahasa, leksikal, kolokasi, kognitif, *Facebook*.

# PROVERB MEANING ANALYSIS IN SOCIAL MEDIA FACEBOOK

## ABSTRACT

Malay proverbs have developed latest phenomenon within today's community with different style of presentation compared to before. Noticed that there is lacking in the use of proverbs among community these days is the starting point of this study. This study was carried out to explore the changes and relevance in practicing proverbs among current community. This study focus on Facebook users because it plays an important role in connecting people and it is spread across the whole world rapidly. Despite the fact that communicating using proverbs is not trending, it is still unforgotten among our community nowadays and widely used in daily life. The main purpose in the use of proverbs is still intact by providing implicit and explicit values. A sample of 50 proverbs were taken from social media Facebook was reviewed and analyzed. The focus of this study was to review the changes in meaning of proverbs and its correlation to cognitive, collocation, lexical, and relevance of proverbs among current community. Based on the Relevance and Relativity Linguistics Theory, this study was conducted to see the changes in interpretation and the relevance of proverbs utilization within the community nowadays. The outcome of this study found that Malay proverbs was often used to describe point of view, sarcasm, to teach, and also as a protest against certain group of people. People develop great ideas in order to express thoughts in mind by using proverbs.

**Keywords:** Proverbs, lexical, collocation, cognitive, Facebook.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Segala puji dipanjatkan ke hadrat Ilahi, selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, bersyukur saya kepada-Nya kerana memberikan rezeki, peluang, kekuatan dan kesabaran untuk teruskan perjuangan dalam pelajaran sehingga ke peringkat ini. Terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti Malaya dan Fakulti Bahasa dan Linguistik yang memberikan keizinan untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Salinah Jaafar yang sudi menyelia saya hingga berjaya menghabiskan penulisan ini. Buat ibunda yang disayangi, Halijah Chin yang tidak putus-putus mendoakan kesejahteraan anakanda dan sentiasa memberi kata-kata semangat sepanjang tempoh pengajian ini. Tidak dilupakan juga buat keluarga, terima kasih kerana memberikan dorongan dan saranan sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan. Selain itu, dikalungkan juga ucapan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan sepengajian dan individu yang turut membantu dalam memberi galakan, sumbangan dan bantuan sepanjang penulisan ini dijalankan. Akhir kalam, saya mendoakan agar Allah S.W.T membalas segala pertolongan dan kebaikan ke atas mereka yang terlibat dalam membantu saya dalam menyiapkan penulisan ini.

*Huraizah Abd Sani*

Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya

## JADUAL KANDUNGAN

Abstrak .....	iii
Abstract .....	iv
Penghargaan .....	v
Jadual Kandungan .....	vi
Senarai Rajah .....	x
Senarai Jadual.....	xi
Senarai Lampiran .....	xii
<b>BAB 1: PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Permasalahan Kajian .....	3
1.4 Persoalan Kajian.....	3
1.5 Objektif Kajian.....	4
1.6 Bidang Kajian.....	4
1.7 Skop Kajian.....	5
1.8 Kepentingan Kajian.....	5
1.9 Konsep Operasional .....	6
1.9.1 Media Sosial.....	6
1.9.2 Peribahasa .....	6
1.9.3 Simpulan Bahasa .....	8
1.9.4 Bidalan .....	9
1.9.5 Pepatah.....	9
1.9.6 Perumpamaan .....	10

1.9.7	Perbilangan .....	12
1.9.8	Kiasan .....	13
1.9.9	Tamsil .....	13
1.9.10	Ibarat .....	14
1.10	Rumusan.....	15
 <b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN .....</b>		<b>16</b>
2.1	Pendahuluan .....	16
2.2	Kajian Peribahasa di Malaysia.....	16
2.2.1	Kajian Peribahasa dan pemikiran .....	17
2.2.2	Kajian Peribahasa Adab dan Budi .....	21
2.2.3	Kajian Peribahasa dan Budaya .....	22
2.2.4	Kajian Peribahasa dan Komunikasi .....	26
2.2.5	Kajian Peribahasa, Fungsi Leksikal dan Kolokasi .....	26
2.2.6	Kajian Kajian Perbandingan Peribahasa Melayu .....	28
	Dengan Peribahasa Bahasa Lain	
2.3	Kesimpulan .....	31
 <b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN .....</b>		<b>32</b>
3.1	Pendahuluan .....	32
3.2	Kerangka Teoretis.....	33
3.3	Teori Relevans .....	35
3.4	Teori Relativiti Linguistik .....	36
3.5	Reka Bentuk Kajian.....	42
3.5.1	Kajian Keperpustakaan.....	42



3.5.2	Kajian Konteks .....	42
3.6	Kaedah Pengumpulan Data.....	43
3.6.1	Pemilihan Data .....	44
3.6.2	Pembahagian Data .....	45
3.7	Kaedah Analisis Data .....	46
3.7.1	Kaedah Kualitatif .....	46
3.8	Rumusan .....	48
<b>BAB 4: PERUBAHAN MAKNA PERIBAHASA DALAM <i>FACEBOOK</i>.....</b>		<b>49</b>
4.1	Pendahuluan .....	49
4.2	Apakah Perubahan Peribahasa Mengikut Peredaran Zaman .....	52
4.2.1	Perubahan Dari Aspek Leksikal .....	53
4.2.1.1	Perubahan Aspek Makna Leksikal .....	55
4.2.1.2	Perubahan Aspek Bentuk Leksikal.....	57
4.2.2	Perubahan Dari Aspek Makna Kolokasi .....	71
4.2.3	Perubahan Dari Aspek Semantik Kognitif.....	80
4.2.4	Penciptaan Peribahasa Baharu.....	88
4.3	Kesimpulan.....	93
<b>BAB 5: KERELEVANAN PERIBAHASA PADA HARI INI .....</b>		<b>95</b>
5.1	Pendahuluan .....	95
5.2	Sejauh Manakah Peribahasa Masih Relevan Dengan Generasi Pada Hari Ini .....	98
5.2.1	Peribahasa Berperanan Menyampaikan Pesanan Dan Nasihat .....	99
5.2.2	Peribahasa Berperanan Menyampaikan Didikan .....	101
5.2.3	Peribahasa Berperanan Menyampaikan Sindiran.....	104

5.2.4	Peribahasa Berperanan Menyampaikan Larangan .....	107
5.2.5	Peribahasa Berperanan Menyampaikan Rasa Protes.....	109
5.2.5	Peribahasa Berperanan Sebagai Jenaka.....	110
5.3	Kesimpulan.....	113
<b>BAB 6: RUMUSAN.....</b>		<b>117</b>
6.1	Pendahuluan .....	117
6.2	Rumusan Dapatan Kajian .....	117
6.2.1	Perubahan Peribahasa Mengikut Zaman .....	118
6.2.2	Kerelevanan Peribahasa Dengan Generasi Hari ini .....	120
6.3	Cadangan Kajian Akan Datang .....	122
6.4	Kesimpulan.....	123
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>		<b>125</b>
<b>LAMPIRAN.....</b>		<b>131</b>

## SENARAI RAJAH

Rajah 3.1: Model Kerangka Teoretis Semantik Sistem Penuh .....	34
Rajah 3.2: Model Kerangka Teoretis Teori Relativiti Linguistik .....	35

University of Malaya

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1: Pembahagian Sampel Berdasarkan Jenis Peribahasa.....	45
Jadual 4.1: Perubahan Makna Leksikal.....	55
Jadual 4.2: Perubahan Makna Dan Bentuk Leksikal (a).....	57
Jadual 4.3: Perubahan Makna Dan Bentuk Leksikal (b).....	59
Jadual 4.4: Perubahan Makna Dan Bentuk Leksikal (c).....	60
Jadual 4.5: Perubahan Bentuk Leksikal .....	62
Jadual 4.6: Perubahan Makna Kolokasi.....	73
Jadual 4.7: Makna Kolokasi Peribahasa Baharu .....	78
Jadual 4.8: Perubahan Kognitif Dalam Peribahasa.....	82
Jadual 4.9: Peribahasa Baharu.....	89

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Senarai Data Analisis Peribahasa <i>Facebook</i> .....	131
Lampiran B: Kebenaran Mengutip Data Dari <i>Facebook</i> .....	137
Lampiran C: Senarai Kutipan Data Dari <i>Facebook</i> .....	138

University of Malaya

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Peribahasa telah wujud dalam kehidupan masyarakat sejak zaman berzaman lagi. Peribahasa bukan sahaja wujud dalam masyarakat Melayu, malah semua bangsa turut memiliki peribahasa yang tersendiri dengan cara penyampaian yang juga tersendiri. Penyampaian peribahasa secara berkias dan halus bagi melambangkan dan membawa sesuatu maksud tertentu secara tersirat. Secara umumnya peribahasa mempunyai usia yang sama dengan bangsa tetapi usia sebenar kewujudan peribahasa ini tidak dapat dikenal pasti, begitu juga dengan penciptanya. Peribahasa lahir dengan kewujudan bangsa dan hadir dengan kesusasteraan Melayu lama yang tidak direkodkan secara bertulis. Peribahasa disampaikan melalui bibir atau lisan dari mulut ke mulut hingga ke anak cucu.

Peribahasa berkait rapat dengan pemikiran dan kehidupan masyarakat dan ia diciptakan berdasarkan daripada pengalaman hidup dan panduan hidup kepada anak-anak yang akan datang. Melalui peribahasa masyarakat dahulu mampu meninggalkan pesanan, nasihat dan panduan secara berkias kepada masyarakat mengenai sesuatu kejadian atau peringatan.

Peribahasa yang telah dihasilkan melambangkan bahawa akal pemikiran masyarakat Melayu ketika dahulu sentiasa berusaha untuk membentuk dan mendidik anak-anak melalui kata-kata yang mudah diingati dan sebagai peraturan, panduan dan nasihat dalam kehidupan seharian. Perkataan yang digunakan dengan berpandukan

kepada unsur alam flora, fauna dan alam semesta menjadikan sebuah peribahasa tersebut sentiasa mekar dalam masyarakat hingga ke hari ini.

Namun begitu, penyampaian peribahasa kini lebih meluas jika dibandingkan dengan zaman dahulu. Kewujudan teknologi kini yang kian berkembang seiring dengan kemajuan dunia tanpa wayar telah berjaya menghubungkan masyarakat di seluruh dunia. Media sosial merupakan salah satu teknologi internet yang berjaya menjalin dan menghubungkan masyarakat seluruh dunia dengan lebih pantas. Penggunaan media sosial kini kian meningkat dari hari ke hari tanpa mengira usia dan juga golongan pengguna.

Di samping itu, internet dan juga komunikasi dalam talian ini memainkan peranan yang amat penting dalam menyampaikan maksud dan idea. Media sosial sering mendapat perhatian dalam penyampaian maklumat dengan cepat dan pantas tanpa ditapis atau disekat oleh mana-mana pihak. Penyampaian yang cepat dan berkesan ini menjadikan media sosial sebagai satu keperluan dalam kehidupan masyarakat pada hari ini.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Kajian ini menumpukan sepenuhnya penggunaan peribahasa dalam media sosial, dengan mengambil laman *Facebook* sebagai asas pengumpulan data. Kajian ini turut melihat jenis-jenis peribahasa yang digunakan oleh pengguna di laman *Facebook*. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti perubahan peribahasa dalam *Facebook*.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Penggunaan peribahasa dalam media sosial adakalanya seperti tidak disedari oleh pengguna lain dan ianya bersifat bersahaja tanpa pengguna menyedari bahawa wujudnya peribahasa di sebalik bait-bait ayat yang dibaca oleh mereka. Selain itu, pada masa kini telah berlaku perubahan penggunaan peribahasa Melayu yang turut memperlihatkan juga perubahan pada makna dan juga motif penyampaian peribahasa tersebut. Penggunaan peribahasa yang diselaraskan dengan perkembangan zaman ini sebenarnya turut mempengaruhi pemikiran generasi hari ini mengenai peribahasa. Perkara inilah yang akan dikaji bagi memastikan kesinambungan dan kelestarian peribahasa dapat diteruskan.

Media sosial seperti *Facebook* merupakan wadah penyampaian yang paling berkesan dan paling pantas menyebarkan sesuatu perkara terutamanya pada golongan remaja. Golongan remaja kerap menggunakan peribahasa dalam menyampaikan isi hati atau pesanan melalui rangkaian *Facebook* supaya pesanan yang ingin disampaikan berjaya dan memberikan kesan terhadap pembaca.

### 1.4 Persoalan Kajian

Pada awal pemantauan yang telah dijalankan terhadap laman *Facebook*, terdapat banyak penggunaan peribahasa yang telah diselitkan dengan ayat-ayat yang gramatis, selain itu ia turut digunakan sebagai wadah supaya dapat melariskan perniagaan. Oleh yang demikian, kajian ini dibuat bagi menjawab persoalan seperti berikut:

- a) Adakah peribahasa telah berubah mengikut zaman?
- b) Sejauh manakah peribahasa relevan dengan generasi hari ini?



Persoalan ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang peribahasa yang digunakan oleh golongan remaja dalam media sosial.

### **1.5 Objektif Kajian**

Fungsi peribahasa adalah untuk menyampaikan sesuatu maksud secara tersembunyi agar ia tidak menyentuh perasaan pihak lain. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti perubahan peribahasa dalam kalangan remaja akibat penggunaan media sosial dengan menghuraikan proses perubahan yang berlaku dan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan tersebut. Selain itu, kajian ini turut dijalankan untuk menganalisis kerelevanan peribahasa pada hari ini.

### **1.6 Bidang Kajian**

Kajian ini menumpukan terhadap semantik iaitu makna dalam peribahasa yang digunakan dan turut menumpukan perhatian terhadap penggunaan peribahasa dalam sosial media iaitu *Facebook*.

Teori Relevans merupakan sebuah teori pragmatik yang turut mengambil ilmu semantik serta berupaya untuk menghasilkan analisis yang terbaik. Teori ini membincangkan tentang komunikasi dan perhubungannya dengan kognisi. Sperber dan Wilson berpandangan bahawa makna mempunyai hubungannya dengan bahasa dan budaya. Bahasa merupakan sebahagian daripada budaya yang menjadi perantara dalam pemikiran sesebuah masyarakat. Kesan kognitif akan berubah-ubah mengikut input baharu yang diterima dan ia akan disesuaikan dengan andaian sedia ada pendengar

melalui tiga cara iaitu penggabungan, pengukuhan dan juga pertentangan (Hasmidar Hassan & Jafiah Jaafar, 2016:105).

Teori Relativiti Linguistik pula telah didasari oleh Hipotesis Sapir-Whorf yang melihat hubungan antara bahasa, budaya dan juga pemikiran manusia. Teori ini berpendapat bahawa setiap perbicaraan yang terhasil adalah dari cara pemikiran yang berbeza. Sehubungan dengan itu, mereka menjelaskan penggabungan linguistik iaitu bahasa dapat menentukan pemikiran penutur dengan relativiti linguistik dan ia tidak mempunyai batas terhadap kepelbagaian struktural sesuatu bahasa. Oleh yang demikian, mereka berpendapat bahawa setiap struktur bahasa yang dilahirkan merupakan bukti yang telah mempengaruhi cara kelakuan seseorang tersebut serta pemikirannya (Zaitul Azma & Ahmad Fuad 2011:37).

### **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap penggunaan peribahasa oleh golongan remaja dalam media sosial terutamanya iaitu *Facebook*. *Facebook* merupakan media sosial yang paling popular dan telah digunakan oleh masyarakat di seluruh dunia. Selain itu, *Facebook* merupakan media sosial yang paling mudah dicapai oleh masyarakat umum.

### **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini memperlihatkan kelestarian penggunaan peribahasa Melayu dari dahulu hingga sekarang. Selain itu, kajian ini turut akan melihat perubahan-perubahan yang berlaku dalam peribahasa Melayu yang digunakan sekarang.

## **1.9 Konsep Operasional**

### **1.9.1 Media Sosial**

Media sosial ialah teknologi yang berasaskan kepada komputer dan internet yang membolehkan pengguna mencapai dan berhubung antara satu sama lain secara di atas talian serta dapat berkongsi pelbagai maklumat melalui alat mudah alih (Siti Ezaleila, 2015).

Media sosial merupakan media yang bebas untuk melakukan segala bentuk perbincangan awam (Khusnul Hanafi & Mohd. Helmi Abd. Rahim, 2017:88).

### **1.9.2 Peribahasa**

Peribahasa berangkap atau peribahasa berirama merupakan salah satu bentuk puisi yang sederhana dan dianggap sebagai permulaan kepada bentuk puisi yang telah berkembang. (Harun Mat Piah, 1997).

Peribahasa adalah kelompok kata atau kalimat yang tetap susunannya dan biasanya mengisahkan maksud tertentu. Peribahasa mengandungi nilai luhur berisi nasihat, penggambaran kehidupan, dan petuah yang bermanfaat bagi hidup dan kehidupan (Agnes Adhani, 2016).

Peribahasa merujuk kepada kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu, bidal, pepatah. Kadang-kadang sebuah peribahasa memberi satu atau mempunyai makna ‘dua lapis’ atau lebih (T. Thyrhaya Zein, 2009).

Peribahasa Melayu merupakan satu susunan bahasa yang menarik, indah, berlapik, dan memiliki ciri kehalusan budi pekerti pencipta dan penuturnya. (Zaitul Azma dan Ahmad Fuad, 2011).

Kamus Tatabahasa Bahasa Melayu (2003), menakrifkan peribahasa sebagai urutan kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi makna yang tertentu.

Peribahasa merupakan ayat atau kelompok kata yang mengandungi susunan yang tetap dan mempunyai pengertian yang tertentu seperti bidalan, pepatah: ~ “biar mati anak, jangan mati adat” cukup untuk menerangkan mengenai kebudayaan mereka. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015:1185).

Peribahasa ialah ungkapan yang terdiri daripada kata-kata bijak dan disusun indah lahir daripada pengalaman dan pemerhatian orang Melayu terhadap peristiwa-peristiwa sekeliling (Alias Sidek, 1999).

Za’ba (2002:170) menyatakan peribahasa merupakan segala susunan cakap yang pendek yang telah meletak di mulut orang sejak sekian lama kerana mempunyai tuturan kata yang sedap dan perkataannya yang bijak, luas dan bertujuan benar. Peribahasa mempunyai sifat yang sama berat.

Oleh yang demikian, peribahasa merupakan kata-kata yang puitis, berseni, berirama yang melahirkan maksud-maksud yang tersirat dalam membentuk ideologi dan pandangan masyarakat.

Peribahasa mengandungi beberapa jenis iaitu, Simpulan bahasa, Perumpamaan, Pepatah, Bidalan, Perbilang, Kiasan, Tamsil dan Ibarat.

### 1.9.3 Simpulan Bahasa

Rangkai kata yang terdiri daripada frasa yang singkat, mempunyai bentuk yang mantap serta melambangkan maksud tertentu (Salinah Jaafar, 2005). Simpulan bahasa ialah ungkapan yang biasanya terdiri daripada dua ataupun tiga perkataan dan mempunyai makna yang berlainan sama sekali daripada makna asal perkataan-perkataan itu (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2006).

Kata-kata ringkas yang terkandung dalam susunan tertentu, membawa maksud yang tertentu dan ia mengandungi maksud yang tersirat. (Tengku Azezeen, 2008).

Za'ba (2000) simpulan bahasa ialah rangkaian perkataan yang telah tetap susunannya, cantik dan halus.

Contoh simpulan bahasa ialah *kaki bangku* yang membawa maksud seseorang yang tidak pandai bermain, *berat tulang* bermaksud seorang yang pemalas dan *khabar angin* yang bermaksud berita yang tidak sahih kebenarannya.

#### 1.9.4 Bidalan

Bidalan membawa maksud dua lapis dan terdapat perbandingan dalam bentuk ungkapan yang digunakan (Salinah Jaafar, 2005). Kata-kata yang sering kali disebut dan mengandungi nasihat, peringatan dan sebagainya (Kamus Dewan edisi Keempat, 2015:181). Bidalan didefinisikan sebagai pepatah atau peribahasa yang berfungsi sebagai nasihat (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2006).

Bahasa kiasan yang digunakan melahirkan buah fikiran yang tajam, tepat dan mengandungi kata-kata perbandingan, teladan, pengajaran, nasihat serta kata-kata hikmat (Tengku Azeezeen, 2008).

Za'ba (2002:172) menyatakan bidalan mesti mengandungi pengajaran dan fikiran yang benar.

Contoh bidalan ialah *sesal dulu berpendapatan, sesal kemudian tidak berguna* yang membawa maksud fikir masak-masak dalam membuat sesuatu supaya tidak menyesal. Selain itu, *sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit* yang bermaksud setiap usaha yang gigih akan membuahkan hasil walaupun dalam kepayahan.

#### 1.9.5 Pepatah

Satu bentuk peribahasa yang mempunyai struktur yang hampir sama dengan kiasan dan bidalan cuma ia lebih bersifat puitis, disusun dalam satu rangkap yang

panjang. Susunan perkataan yang dicipta bagi sesuatu adat istiadat, hukum atau undang-undang atau peraturan yang perlu dipatuhi. (Salinah Jaafar, 2005).

Pepatah atau perbilangan ialah ungkapan-ungkapan yang berasal-usul daripada pusaka adat resam. Pepatah berfungsi sebagai pedoman hidup anggota masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat resam (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2006).

Susunan kata yang mengandungi rima yang mudah menjadi sebutan ramai serta dihayati dalam perbualan harian. (Tengku Azeezeen, 2008).

Za'ba (2002: 172) menyatakan pepatah sebagai perkataan yang patah-patah dan tidak mengandungi unsur pengajaran.

Contoh bagi peribahasa jenis pepatah ialah *diam ubi berisi, diam besi berkarat* yang membawa maksud diam orang berilmu berfikir, diam tetapi diam orang bodoh sia-sia sahaja.

### **1.9.6 Perumpamaan**

Perumpamaan merupakan salah satu peribahasa Melayu yang mengandungi maksud yang tersirat dan tersurat di sebaliknya. Perumpamaan tersurat ialah ungkapan yang melambangkan perbandingan kepada sesuatu benda dan ia didahului dengan perkataan seperti laksana, seperti, bagai, ibarat, bak dan

umpama. Manakala perumpamaan yang tersirat pula bertujuan bagi menyatakan maksud tanpa melibatkan perbandingan (Salinah Jaafar, 2005).

Perumpamaan ialah perbandingan makna yang sangat jelas kerana didahului oleh perkataan *bagai*, *bak*, *ibarat*, *macam*, *seolah-olah*, *seperti*, dan *umpama*. Perumpamaan menerangkan penilaian terhadap sesuatu perkara yang didasari oleh emosi yang kuat (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2006).

Susunan kata dalam sesuatu ayat yang membawa makna khas dan berlainan daripada apa yang dikatakan. Selain itu, ia juga membandingkan sesuatu benda dengan benda yang lain selalu menggunakan ungkapan *laksana*, atau *seperti*. (Tengku Azeezeen, 2008).

Za'ba (2002:178) memberi maksud perumpamaan sebagai peribahasa yang menyatakan maksud dengan tidak jelas iaitu apa yang dimaksudkan adalah berlainan dengan apa yang diucapkan.

Contoh perumpamaan ialah *seperti katak bawah tempurung* yang menyampaikan maksud seseorang hidup dengan dunianya sendiri sahaja atau hidup dalam lingkungannya sahaja. Peribahasa ini adalah untuk menyindir golongan tertentu yang tidak mahu bergaul atau keluar dari kelompoknya sendiri dan menolak kepada perubahan.

Selain itu, ungkapan *bagai aur dengan tebing* yang membawa maksud hubungan yang akrab. Perumpamaan ini digunakan bagi menunjukkan sebuah



perhubungan yang saling memerlukan antara satu sama lain. *Aur* merupakan akar pohon buluh yang sentiasa mengikat tebing daripada terhakis oleh arus sungai.

### 1.9.7 Perbilangan

Susunan perkataan secara berbilang-bilang dengan ditentukan oleh bait-bait. (Tengku Azeezeen, 2008).

Za'ba (2002:176) perbilangan seakan-akan bidalan dan pepatah yang berbezanya ialah perkataan dan berenggan-rogangan dua atau lebih, disebut satu per satu seperti orang yang sedang membilang. Kandungannya pula berisi seperti adat atau undang-undang yang telah ditetapkan.

Peribahasa yang melahirkan kata-kata yang sudah menjadi seperti peraturan atau undang-undang atau nasihat yang dapat dijadikan pegangan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2013:185).

Contoh perbilangan ialah *hidup dikandung adat, mati dikandung tanah* yang membawa maksud selagi hidup, kita tidak dapat lari daripada adat (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2006:69). Selain daripada itu, contoh peribahasa yang tergolong dalam perbilangan ialah *bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat* yang diungkapkan untuk menyampaikan maksud kata sepakat yang diperolehi melalui rundingan. (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2006:129)

### 1.9.8 Kiasan

Sejenis frasa yang digunakan untuk membuat perbandingan sesuatu perkara lain yang mempunyai keadaan yang sama. (Tengku Azeezeen, 2008:19). Kiasan seperti peribahasa dalam sesuatu bahasa mempunyai peranannya yang istimewa, bukan sahaja memperkaya khazanah bahasa, bahkan lebih penting daripada itu memancarkan pandangan hidup, nilai, sikap, cara berfikir, dan kepekaan akal budi masyarakat pengguna bahasa itu sendiri (Awang Sariyan, 1992).

Za'ba (2002:195) memberikan perincian bahawa kiasan merupakan bahasa yang diucapkan secara berkias kepada perkara yang lain sama ada dengan menyebutnya secara perbandingan ataupun tidak. Za'ba mengasingkan bahasa kiasan kepada empat bahagian iaitu, kiasan asal, kiasan berpindah, kiasan perikemanusiaan dan kiasan berkacau.

Contoh bahasa kiasan ialah *sudah gaharu cendana pula* yang bermaksud sudah tahu bertanya pula. Selain itu, *sebab pulut santan binasa* yang membawa maksud sebab mulut badan binasa.

### 1.9.9 Tamsil

Za'ba (2002:205) menyatakan bahawa tamsil adalah sejenis bahasa kiasan yang membandingkan sesuatu secara terang-terangan dan mempunyai ayat yang panjang serta mengandungi pengajaran dan juga teladan.

Merupakan kiasan asal yang telah diperluaskan dengan lebih panjang lebar serta mengandungi pengajaran, nasihat, teladan dan terkandung pemikiran yang bernas. (Tengku Azeezeen, 2008:18).

Contoh tamsil yang diberikan oleh Za'ba ialah *kayu mati berpunggur, manusia mati biar bernama*. Ungkapan ini memberikan maksud hidup manusia hendaklah meninggalkan jasa yang baik. (Abdullah Hussain, 2006:105). Selain itu, ungkapan *bawa resmi padi, semakin berisi semakin menunduk* pula membawa maksud orang yang berilmu selalu merendah diri (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2006:162).

#### **1.9.10 Ibarat**

Za'ba (2002:205), menakrifkan ibarat sebagai pelbagai perkataan yang digunakan dalam bahasa Melayu dengan membawa maksud yang lebih biasa.

Merupakan sebuah kiasan yang sering menggunakan perkataan ibarat dalam membandingkan sesuatu perkara dan bertujuan untuk menyatakan sesuatu supaya ia bertambah nyata. (Tengku Azeezeen, 2008:19).

Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:556) menakrifkan ibarat sebagai contoh yang terbaik dan mengandungi pengajaran dalam sesebuah cerita, bahasa bunga-bunga yang mempunyai erti dua lapis dan mempunyai maksud di dalamnya.

Contoh ibarat yang diperincikan oleh Za'ba ialah *pagi-pagi berkaki empat, tengahari berkaki dua, petang-petang berkaki tiga* yang membawa maksud manusia di zaman kana-kanak yang berjalan dengan merangkak, manusia semasa sudah besar dan juga semasa tua (Za'ba, 2002:206).

### **1.10 Rumusan**

Peribahasa dalam kehidupan masyarakat dahulu dan kini tidak dapat dipisahkan walaupun telah berlalunya zaman yang kaya dengan sastera lisan, unsur alam yang berbeza dan corak kehidupan yang kian berubah dari masa ke masa serta corak pendidikan yang lebih mementingkan penggunaan teknologi kini.

Peribahasa tetap menjadi buah mulut masyarakat hari ini walaupun terdapat penggunanya yang tidak memahami atau mengetahui akan maksud di sebalik penyampaiannya, namun ia masih digunakan oleh masyarakat tanpa mengira peringkat usia.

## **BAB 2: SOROTAN KAJIAN**

### **2.1 Pendahuluan**

Kajian terhadap peribahasa Melayu telah dilakukan oleh ramai pengkaji namun kebanyakan penulisan mereka menjurus kepada kajian aspek semantik atau makna, lambang, simbol, penghuraian peribahasa yang berfokus kepada data bertulis atau buku tatabahasa. Sehingga hari ini kajian yang meneliti penggunaan peribahasa dalam laman sosial masih belum ditemui.

Hasil penelitian kajian-kajian lalu yang telah dijalankan mengenai peribahasa, terdapat ramai pengkaji yang melihat peribahasa Melayu dari pelbagai sudut yang mencerminkan pemikiran, budaya dan minda masyarakat sezaman. Melihat daripada kajian awal yang telah dijalankan oleh para pengkaji peribahasa seperti Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011), yang menganalisis bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu, Ismail Ali (2016), melihat dari sudut pembudayaan elemen-elemen maritim dalam peribahasa Melayu manakala Ahmad Fuad Mat Hassan (2016) pula mengkaji mengenai warisan budaya pemikiran dalam peribahasa Melayu.

### **2.2 Kajian Peribahasa di Malaysia**

Pelbagai kajian yang telah dibuat mengenai peribahasa memperlihatkan peranan peribahasa dalam pelbagai aspek dalam masyarakat Melayu. Peribahasa bukan sahaja dikatakan sebagai alat untuk mendidik, malah menggambarkan pemikiran masyarakat lalu yang sentiasa menjana pemikiran yang berlandaskan kepada pelbagai unsur supaya

dapat berkomunikasi secara halus dan berkias dalam masyarakat. Antara kajian peribahasa yang menjadi fokus ialah:

- a) Kajian peribahasa dan pemikiran
- b) Kajian peribahasa, adab dan budi
- c) Kajian peribahasa dan budaya
- d) Kajian peribahasa dan komunikasi
- e) Kajian peribahasa, fungsi leksikal dan kolokasi
- f) Kajian Perbandingan Peribahasa Melayu Dengan Peribahasa Bahasa Lain

### **2.2.1 Kajian Peribahasa dan Pemikiran**

Peribahasa Melayu dan pemikiran dalam masyarakat Melayu seringkali mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji bahasa. Melalui kajian-kajian yang lalu, ramai pengkaji melihat peribahasa sebagai cerminan terhadap pemikiran masyarakat sezaman.

Perkara ini dapat dilihat melalui kajian yang telah dijalankan oleh Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011), melihat bahawa pemikiran Melayu disampaikan kepada umum secara tersurat dan tersirat melalui peribahasa. Pemikiran dalam peribahasa Melayu telah menyerlahkan gambaran nilai sosial, nilai moral, dan fungsi adat dalam kehidupan masyarakat sekali gus telah menonjolkan falsafah bangsa Melayu yang berkaitan dengan metafizik, epistemologi, etika, logik, dan estetika hasil interaksi mereka terhadap alam benda, alam flora dan fauna.

*“Bangsa Melayu membina sesuatu konsep hasil daripada pengamatan mereka terhadap fenomena alam yang berlaku seperti hujan, ribut, kilat dan sebagainya.”*

(Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011:39)

Dengan berpandukan empat buah teks peribahasa iaitu Kitab Kiliran Budi, Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, 1001 Peribahasa Melayu dan Peribahasa SPM, mereka melihat hubungan antara bahasa dan pemikiran yang terdapat dalam peribahasa dengan menggunakan hipotesis Sapir-Whorf.

Selain daripada itu, Noraini Abdul Shukor dan Tengku Intan Marlina (2016) mengkaji *Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu*. Mereka menggunakan buku *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai* sebagai sumber bagi memilih unsur padi yang terdapat dalam peribahasa. Unsur padi dipilih sebagai bahan untuk dikaji kerana padi merupakan sumber ekonomi dan sumber makanan utama masyarakat Melayu. Mereka telah menemui 119 buah peribahasa yang menggunakan unsur padi daripada 590 peribahasa yang dikumpul. Daripada jumlah tersebut hanya 41 buah peribahasa sahaja yang digunakan untuk dianalisis dan diperbincangkan dengan lebih lanjut.

Selain daripada itu, mereka turut memberi tumpuan terhadap makna dan peranan padi dalam kehidupan orang Melayu dan berpendapat bahawa padi telah memainkan peranan sebagai tanda hubungan persaudaraan dan kekeluargaan selain pembinaan akhlak yang baik, sifat rendah diri serta melambangkan sebagai sumber rezeki dalam peribahasa Melayu. Kajian mereka turut menyimpulkan bahawa pembentukan sesebuah masyarakat yang baik dilihat daripada perlakuan, pertuturan dan pemikiran yang baik dan waras.

*“Bagi membina masyarakat yang baik itu, unsur dalaman dan unsur luaran perlu bersatu supaya dapat dilihat hasilnya melalui perlakuan, pertuturan dan pemikiran yang waras. Faktor inilah yang akan membuatkan matlamat kebajikan, ketakwaan dan kesusilaan akan tercapai”.*

(Noraini Abdul Shukor dan Tengku Intan Marlina, 2016:47)

Berdasarkan kepada Pendekatan Firasat yang membawa kepada makna di sebalik kejadian atau peristiwa yang telah menzahirkan daripada pengalaman hidup dengan menggunakan metafora sebagai tanda kepada keadaan tertentu.

Di samping itu, Ding Choo Ming (2009), pula melihat peribahasa dari sudut sifat, asal usul dan kepengarangan peribahasa Melayu. Beliau menyatakan bahawa peribahasa Melayu mempunyai identiti budaya Melayu kerana pemikiran, falsafah, akal budi dan isi yang ditonjolkan dalam bahasa yang indah dan dalam bentuk yang tetap. Peribahasa merupakan salah satu cara untuk pengarang meluahkan perasaan, isi hati, fikiran dan khayalan mereka dengan menggunakan bahasa dan idea yang bernas, pendek, berisi serta padat.

Beliau turut berpendapat bahawa metafora digunakan supaya sesuatu topik dapat digambarkan dan dinyatakan dengan lebih baik, berkesan dan komprehensif. Metafora membawa maksud yang mendalam dalam peribahasa tidak kira sama ada peribahasa tersebut mengandungi ungkapan dua patah kata, satu frasa ataupun ayat yang lengkap, tidak sahaja untuk memperkayakan peribahasa malah ia turut memberi lapisan makna tambahan dalam peribahasa tersebut.



*“Metafora itu ditentukan budaya bahasa yang berkenaan, maka memahami metafora dalam bahasa itu sangat-sangat diperlukan untuk memahami peribahasa dalam bahasa itu”.*

(Ding Choo Ming, 2009:4).

Hasmidar Hassan dan Jafizah Jaafar (2016), pula melihat peribahasa dari sudut kemampuan berfikir di kalangan pelajar pendidikan guru. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan peribahasa jenis bidalan sebagai data kajian kerana ia berkemampuan bagi menginterpretasikan serta memahami peribahasa dari sudut pragmatik di samping melihat kemampuan berfikir di kalangan pelajar pada tahap yang lebih tinggi. Beliau menyimpulkan bahawa bahasa merupakan sebahagian daripada hidup manusia dan peribahasa yang diungkapkan menunjukkan terdapat hubungan dalaman antara bahasa dan sikap, pemikiran dan perilaku bangsa yang diidentifikasikan melalui penggunaan bahasa termasuklah peribahasa.

*“Dalam peribahasa, terpancarnya hubungan antara bahasa dengan pemikiran bangsa Melayu. Cara bangsa Melayu memandang dunia tersimpul dalam peribahasa yang dicipta mereka”*

(Hasmidar Hassan dan Jafizah Jaafar, 2016:99).

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan teori Relevans dan Kemahiran Berfikir Aras tinggi (KBAT) serta Taksanomi Bloom. Mereka melihat bahawa pelajar tidak mempunyai pengetahuan berfikir yang tinggi kerana terdapat ramai pelajar yang gagal menginterpretasikan maksud bidalan yang diberikan dengan betul.

### 2.2.2 Kajian Peribahasa Adab dan Budi

Hashim Haji Musa dan rakan-rakan (2012), mengkaji mengenai hati budi Melayu melalui gambaran Puisi Melayu Lama. Menurut mereka, puisi Melayu lama seperti gurindam, syair, simpulan bahasa, pepatah dan pantun Melayu mengandungi nilai-nilai murni dalam budi bahasa, budi pekerti dan budi bicara dan beberapa teras hati budi Melayu.

*“Secara umumnya, peribahasa, pepatah dan pantun Melayu lama berdasarkan fungsi dan amanat, boleh digolongkan ke dalam tiga jenis yang berbeza dan ketiga-tiga jenis itu tidak boleh dicampur adukkan dari segi fungsi dan mesejnya, iaitu a) jenis tunjuk ajar (suruhan), b) jenis tegahan (larangan), dan c) jenis pernyataan suasana, keadaan atau realiti”*

(Hashim Haji Musa, 2012:168)

Mereka mengeluarkan dan menganalisis setiap puisi yang terkandung peribahasa bagi melihat mesej yang hendak disampaikan dalam peribahasa tersebut. Melalui puisi Melayu tradisional yang berkait dengan simpulan bahasa telah mewujudkan 26 jenis teras hati dan budi orang Melayu yang mempunyai nilai etika yang tinggi dan dipandang mulia dalam masyarakat.

Nor Hashimah Jalaluddin (2015) pula melihat peribahasa Melayu sebagai cerminan akal dan budi masyarakat. Melalui penulisan beliau *Peribahasa ‘Parasit’ dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisif* telah melihat tumbuhan parasit (tumbuhan yang bergantung hidup atau menumpang dengan tumbuhan lain) yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Menurut beliau, peribahasa tidak dapat lari daripada unsur-unsur alam dan budaya kerana

peribahasa lahir dari pemerhatian dan pengalaman hidup masyarakat yang menciptanya. Beliau turut melihat peribahasa tersebut dari segi semantik skrip, semantik resonan dan semantik inkuisif.

Beliau menumpukan kajian terhadap peribahasa yang dianggap belum mati dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif iaitu yang menggabungkan data, teori, kognitif dan falsafah dalam peribahasa.

*“Kebijaksanaan masyarakat Melayu ditambah pula dengan aspek kesopanan yang dititikberatkan membuatkan masyarakat Melayu lebih mudah berkias dalam meluahkan sesuatu hasrat.”*

(Nor Hashimah Jalaluddin, 2015:293).

### **2.2.3 Kajian Peribahasa dan Budaya**

Melihat peribahasa dari sudut kognitif semantik dan menumpukan perhatian terhadap unsur anjing dalam peribahasa Melayu, Imran Ho-Abdullah (2011) telah menghasilkan penulisan *Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing (Canis Familiaris)*. Beliau melihat aspek budaya dalam peribahasa haiwan berdasarkan kepada metafora RUM (Rantaian Utama Makluk) yang telah diperkenalkan oleh Lovejoy (1936) dalam konteks sejarah falsafah barat. Dengan berpandukan kepada 56 buah peribahasa yang dipetik daripada Pusat Rujukan Persuratan Melayu DBP dan dari jumlah tersebut hanya 35 buah peribahasa sahaja yang dipilih dan diteliti serta memastikan kerangka semantik kognitif benar-benar diterapkan dan mampu menghuraikan struktur semantik peribahasa.

“...haiwan tertentu mungkin memainkan peranan yang berbeza dalam masyarakat yang berlainan. Anjing menjadi haiwan peliharaan kegemaran masyarakat barat tetapi bukan dalam masyarakat Melayu”

(Imran Ho-Abdullah, 2011:130).

Hasil daripada kajian beliau mendapati unsur ‘anjing’ dalam peribahasa Melayu dikaitkan dengan makna yang lemah, hina, dan jahat serta tidak berilmu. Hal ini bermakna lambang ‘anjing’ dalam peribahasa Melayu membawa makna yang negatif dalam kehidupan manusia.

Alias sidek (1999), pula telah mengkaji *Penglihatan Dunia Orang Melayu Dalam Peribahasa*. Beliau melihat bahawa Peribahasa Melayu mempunyai fungsi sebagai pemberi nasihat, sindiran atau cacian halus dan pujian. Beliau turut melihat peribahasa berkait sebagai lambang dalam masyarakat Melayu sebagai Petani, Nelayan, Peniaga dan Pedagang serta etos orang Melayu. Selain daripada itu, beliau berpendapat bahawa sistem nilai dalam kehidupan masyarakat Melayu telah lama wujud dan ia diamalkan secara bersama.

Kajian beliau telah memberi tumpuan terhadap penglihatan dunia orang Melayu dengan berpandukan kepada 60 ungkapan pepatah hasil penulisan Abdul Samad Idris iaitu *Dengan 300 Pepatah* (1989). Berdasarkan kepada teks tersebut, beliau telah menerangkan tentang penggunaan lambang-lambang alam yang ditemui disamping turut menerangkan tentang hubungan antara sistem leksis dengan masyarakat penutur.

Berdasarkan kepada teori hipotesis Sapir-Whorf, beliau telah memetik pendapat Sapir-Whorf yang menyatakan bahawa manusia hidup di bawah belaskasihan bahasanya dengan membawa maksud bahawa pemikiran manusia memerlukan bahasa bagi mewujudkan buah fikiran dan melalui bahasa, manusia mampu untuk mengungkapkan pengalaman yang telah dan bakal dilalui dalam kehidupan seharian.

Beliau berpendapat bahawa walaupun peribahasa ini telah diciptakan oleh masyarakat Melayu terdahulu, namun ianya masih relevan untuk digunakan oleh masyarakat kini dan yang akan datang.

*“Biarpun peribahasa tersebut telah tercipta lama dahulu, namun falsafah yang dikandungnya masih boleh diterima dan diguna pakai oleh masyarakat kini. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sebahagian besar pemikiran dan falsafah yang terkandung dalam peribahasa Melayu tersebut sesuai untuk dimanfaatkan oleh manusia pada abad mendatang.”*

(Alias Sidek, 1999:143-144).

Manakala, Saidatul Nornis dan Mohd Rasdi (2013), melihat unsur haiwan yang terdapat dalam peribahasa suku kaum Semai. Mereka menjalankan kajian dengan meneliti terhadap responden dan memberi tumpuan terhadap empat perkara iaitu pokok, pemakaian, struktur dan fungsi aktiviti terhadap pertuturan tersebut. Dengan memberi tumpuan terhadap masyarakat Orang Asli suku kaum Semai di Kampung Kuala Koyan, Kuala Lipis Pahang, mereka mendapati bawa orang Semai banyak menggunakan unsur haiwan dalam peribahasa dan haiwan melambangkan ruang lingkup kehidupan orang Semai.

Sebanyak 35 peribahasa berunsurkan haiwan yang terdiri daripada simpulan bahasa dan perumpamaan. Daripada jumlah tersebut, 22 jenis haiwan telah dikenal pasti digunakan dalam peribahasa tersebut yang terdiri daripada anjing, anai-anai, ayam, babi, beruk, burung, kera, beruk, ikan, kura-kura dan lain-lain. Berdasarkan peribahasa tersebut, sebanyak 6 perlambangan telah dijumpai yang terdiri daripada sifat atau keadaan, warna, ukuran, bentuk dan juga pancaindera. Sifat terdiri daripada positif dan juga negatif.

Mereka berpendapat bahawa walaupun terdapat perbezaan penggunaan unsur haiwan dalam peribahasa namun tujuan wujudnya peribahasa tersebut adalah sama iaitu untuk memberi nasihat, peringatan, sindiran dan juga pedoman hidup.

*“Persamaan tafsiran terhadap lambang yang serupa ini menunjukkan bahawa dalam situasi tertentu terdapatnya corak pemikiran yang hampir sama antara orang Semai dan masyarakat Melayu.”*

(Saidatul Nornis & Mohd Rasdi, 2013:96).

Mereka menyimpulkan bahawa melalui peribahasa, ia mampu memperlihatkan bahawa orang Semai menjalinkan hubungan yang baik dengan alam dan ia menunjukkan bahawa nilai norma masyarakat orang Semai yang berasaskan kepada alam sekitar dan alam sekitar merupakan guru yang baik kepada mereka. Selain itu, mereka berpendapat bahawa masyarakat umum perlu menyedari bahawa pentingnya memahami bahasa dan budaya masyarakat lain amnya, dalam aspek peribahasa kerana ia dikatakan inti kepada nilai-nilai budaya yang terungkap dalam sesuatu bahasa tersebut. (Saidatul Nornis & Mohd. Rasdi (2013:97).

#### **2.2.4 Kajian Peribahasa dan Komunikasi**

Hishamuddin Isam (2001) dalam penulisan kertas projek beliau melihat peribahasa sebagai kaedah dalam masyarakat Melayu untuk merealisasikan komunikasi antara satu sama lain. Beliau menyatakan bahawa, penyampaian peribahasa terdiri daripada dua iaitu secara langsung dan tidak langsung.

Komunikasi langsung adalah meminta atau memberikan sesuatu maklumat secara berterus terang manakala komunikasi secara tidak langsung pula ialah yang tidak dinyatakan secara berterus terang iaitu berselindung di sebalik kata-kata yang dipertuturkan. Beliau turut melihat peribahasa sebagai gambaran sikap dan pengangan hidup, gambaran persekitaran, peribahasa yang memainkan peranan dan aspek-aspek kesopanan dalam berbahasa.

#### **2.2.5 Kajian Peribahasa Fungsi Leksikal dan Kolokasi**

Salinah Jaafar (2005) iaitu *Fungsi Leksikal "Bunga" dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Bahasa Melayu*. Beliau melihat unsur bunga yang terkandung dalam Simpulan bahasa dan Peribahasa bahasa Melayu yang membawa maksud yang pelbagai dalam pemikiran masyarakat sezaman. Fungsi perkataan bunga yang terkandung dalam peribahasa dan Simpulan bahasa membawa maksud yang pelbagai iaitu, bunga sebagai perlambangan kepada seorang perempuan atau gadis, budi dan jasa, nasib, nyawa seseorang.

*"Penggunaan perkataan bunga dalam peribahasa dan simpulan bahasa bertujuan untuk menunjukkan bahawa setiap perbuatan atau perkara yang berlaku mempunyai hikmah yang tersendiri."*

(Salinah Jaafar, 2005:62)

Beliau telah menyenaraikan 52 peribahasa yang berunsurkan 'bunga' dan menganalisis setiap satu maksud penyampaian peribahasa tersebut.

Manakala Hishamudin Isam dan Masetoh Abd Mutalib (2015) telah mengkaji lexis darah dalam peribahasa. Hasil penelitian mereka melihat penggunaan unsur darah yang terdapat dalam peribahasa, sebanyak 116 peribahasa telah dijumpai menggunakan unsur darah dengan mengikut kategori-kategori tertentu berdasarkan kepada prinsip kognitif.

Mereka berpendapat bahawa masyarakat Melayu sangat kreatif dalam merangkakan makna darah bagi menyampaikan maksud yang berbeza. Mereka berpendapat bahawa nilai keindahan dalam peribahasa sama ada tersurat atau tersirat merupakan satu warisan yang diwarisi sejak turun temurun dan warisan ini perlu dipelihara. Mereka turut berpendapat bahawa setiap lambang dan simbol memberikan makna dalam kategori kata sifat dan berupaya menonjolkan potensi kata sifat itu yang tersendiri sama ada ia bersifat positif ataupun negatif.

Bagi mereka, peribahasa mempunyai tiga lapisan iaitu lambang atau simbol, makna dan falsafah. Lambang atau simbol yang mempunyai sama maksud dan ia berupaya menonjolkan makna bagi menggantikan makna yang sebenar. Manakala makna merupakan bahagian yang terlindung di sebalik simbol atau lambang yang mengandungi makna yang tidak difahami atau sukar untuk difahami. Sebaliknya falsafah pula ialah pemikiran yang berada di sebalik makna peribahasa yang diungkapkan dengan menggunakan lambang atau simbol tersebut.



*“Dalam konteks ini pula, peribahasa tersebut juga boleh membawa maksud, sesuatu falsafah berkenaan peribahasa tidak mungkin dapat difahami sekiranya kita cuba memahami maknanya, dan makna peribahasa hanya akan dapat difahami sekiranya kita dapat merungkai makna tersirat di sebalik penggunaan lambang atau simbol yang digunakan dalam peribahasa.”*

(Hishamudin Isam & Masetoh Abd Mutalib, 2015:199)

Mereka menyimpulkan bahawa lexis *darah* merupakan satu gaya komunikasi orang Melayu yang memberikan gambaran tentang kehalusan dan ketajaman akal, budi, falsafah dan pemikiran dalam berbahasa.

#### **2.2.6 Kajian Perbandingan Peribahasa Melayu Dengan Peribahasa Bahasa Lain**

Salina Husain (2007) telah membuat perbandingan antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Sepanyol berdasarkan kepada makna dan amalan. Penulisan disertasi beliau yang bertajuk *“Peribahasa Bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol: Satu Perbandingan Makna dan Amalan”* memperlihatkan peribahasa yang menggunakan unsur seperti makanan, haiwan, tubuh badan, perwatakan dan juga cuaca. Beliau menganalisis dan memberikan tumpuan terhadap makna detonasi dan konotasi yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan juga peribahasa Sepanyol.

Selain itu, beliau turut melihat persamaan dalam kedua-dua peribahasa ini. Beliau berpendapat bahawa peribahasa Melayu dan Sepanyol mempunyai perbezaan kerana peribahasa hadir melalui pemikiran dan budaya serta kehidupan masyarakat. Oleh yang demikian, dapat dibuktikan bahawa peribahasa telah

tercipta hasil dari corak pemikiran masyarakat, budaya yang diwarisi dan juga amalan. Beliau menyatakan bahawa budaya yang diwarisi oleh orang Melayu tidak sama dengan budaya orang Sepanyol.

Tengku Azeezeen Tengku Shamsudden (2008), mengkaji perbandingan Unsur Haiwan dalam Peribahasa Melayu dan Cina. Kajian ini bagi mengenal pasti jenis haiwan yang kerap digunakan dalam peribahasa Melayu dan Cina serta melihat persamaan dan perbezaan penggunaan unsur haiwan dalam peribahasa Melayu dan Cina. Beliau melihat konsep dan persepsi penggunaan unsur haiwan dalam peribahasa Melayu dan Cina serta menggunakan metod kualitatif dan kuantitatif bagi memperlihatkan perbandingan tersebut.

Hasil daripada kajian tersebut, beliau mendapati bahawa 80 jenis unsur haiwan telah digunakan daripada 5000 peribahasa yang terdapat dalam peribahasa Melayu manakala peribahasa cina pula didapati 38 jenis haiwan berbanding 2460 peribahasa yang terdapat dalam peribahasa cina. Walau bagaimanapun kajian beliau lebih memberi tumpuan kepada unsur haiwan harimau dan anjing dari persepsi pandangan masyarakat Melayu dan Cina. Oleh yang demikian, beliau menyimpulkan bahawa unsur haiwan harimau dan anjing kerap digunakan dalam peribahasa Melayu dan Cina walaupun mempunyai dua pandangan pemikiran dan budaya yang berbeza.

Mohd Rasdi dan Abu Hassan (2015) telah menjalankan kajian bagi melihat persamaan peribahasa Semai dan peribahasa Melayu dari aspek penggunaan lambang dan juga makna. Mereka telah menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah temubual masyarakat Orang Asli suku kaum Semai di

Kampung Kuala Koyan, Kuala Lipis, Pahang. Kaedah penterjemahan bahasa pula dilakukan dengan menggunakan peribahasa yang sama bentuk dan sama makna, peribahasa yang sama makna tetapi lain bentuk, parafrasa, pengguguran dan juga penggantian.

Kajian mereka yang bertajuk “*Persamaan Lambang dan Makna Dalam Peribahasa Semai dan Peribahasa Melayu*” telah meneliti 150 peribahasa Semai mereka mendapati bahawa terdapat 78 peribahasa yang mempunyai persamaan dari sudut lambang dan juga pengertian makna. Selain itu, peribahasa yang mempunyai makna yang sama tetapi berbeza lambang turut ditemui dengan sebanyak 49 peribahasa. Mereka mengkaji dengan melihat persamaan lambang dan makna dari sudut penggunaan kata nama, kata kerja dan kata adjektif dalam kedua-dua peribahasa tersebut. Sementara itu, mereka menyimpulkan bahawa:

*“...dalam kebanyakan aspek wujudnya cara pengamatan dan cara berfikir yang hampir sama antara masyarakat Orang Asli suku kaum Semai dan masyarakat Melayu.”*

(Mohd Rasdi dan Abu Hassan, 2015: 317)

### **2.3 Kesimpulan**

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, dapat dilihat bahawa peribahasa bukanlah sesuatu yang baru untuk dijadikan bahan kajian. Pengkajian bidang peribahasa ini sangat meluas dan memerlukan pemerhatian yang mendalam bagi mendalami maksud yang tersurat dan juga tersirat dalam penyampaian. Dilihat bahawa pengkaji-pengkaji berusaha untuk melihat penciptaan peribahasa melibatkan tahap pemikiran dan ideologi yang tinggi dalam penghasilannya bagi tujuan mendidik, menegur, menyindir dan sebagainya. Selain

pemikiran, budaya, akal dan budi turut melambangkan kehidupan sesebuah masyarakat dalam terciptanya peribahasa.

Oleh kerana tiada lagi kajian-kajian lalu yang membuat penelitian terhadap penggunaan peribahasa dalam laman sosial, maka pengkaji telah tertarik untuk meneroka pengkajian peribahasa dari sudut yang berbeza dengan memberi tumpuan terhadap penggunaan peribahasa di kalangan remaja di laman sosial *Facebook*. Kajian ini juga dilakukan bagi melihat perubahan penggunaan peribahasa yang terdapat dalam laman tersebut serta melihat pemikiran golongan remaja kini dalam melahirkan idea bagi menyampaikan sesuatu perkara. Walaupun kaedah penyampaian peribahasa kini telah berubah, iaitu dari mulut ke mulut kepada medium penyampaian yang lebih pantas, namun pemikiran masyarakat dalam melahirkan idea untuk mengungkapkan sesuatu secara halus wajar dikaji. Di samping itu, pengkajian ini perlu bagi melihat perubahan yang berlaku dalam pemikiran masyarakat melalui ungkapan peribahasa.

## BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

### 3.1 Pendahuluan

Penelitian terhadap penggunaan peribahasa dalam kalangan pengguna media sosial ini memberi tumpuan terhadap penggunaan peribahasa dalam laman *Facebook*. Kajian ini telah memberi perhatian sepenuhnya terhadap penulisan peribahasa oleh pengguna *Facebook* dan memberi padanan makna peribahasa tersebut dengan merujuk buku kamus peribahasa oleh Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2001), Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2006) dan Abdullah Hussien (2006).

Bahagian ini akan membincangkan mengenai metod atau kaedah kajian yang meliputi dari aspek pemilihan sampel, kerangka teoretis, teori, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

Kajian ini memerlukan pemahaman yang tinggi dalam aspek makna dan maksud yang tersirat di sebalik kata-kata atau peribahasa yang digunakan. Setiap kata-kata yang digunakan mempunyai maksud yang tersendiri. Walaupun gaya penyampaian peribahasa kini sedikit berubah, namun motif penggunaannya tetap sama iaitu menyampaikan maksud yang tersirat atau berkias dalam menyampaikan sesuatu pesanan, nasihat, sindiran dan sebagainya.

### 3.2 Kerangka Teoretis


Kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana penggunaan peribahasa oleh kalangan pengguna laman sosial terutamanya *Facebook*. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Relevans dan Teori Relativiti Linguistik bagi melihat aspek makna dan pemikiran dalam peribahasa *Facebook*. Teori Relevans diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson manakala Teori Relativiti Linguistik pula telah diperkenalkan oleh Sapir dan Whorf.

Teori Relevans merupakan teori pragmatik yang turut mengambil ilmu semantik serta berupaya untuk menghasilkan analisis makna yang terbaik. Teori ini membincangkan tentang komunikasi dan perhubungannya dengan kognisi. Pandangan beliau mempunyai hubungannya dengan bahasa dan budaya. Bahasa merupakan sebahagian daripada budaya yang menjadi perantara dalam pemikiran sesebuah masyarakat. Teori Relevans turut mencadangkan penggunaan konsep *ad hoc* dan Rangka Rujuk Silang (RRS) secara serentak bagi menghasilkan satu interpretasi makna yang jitu.

Teori Relativiti Linguistik pula telah didasari oleh Hipotesis Sapir-Whorf yang melihat hubungan antara bahasa, budaya dan juga pemikiran manusia. Teori ini berpendapat bahawa setiap perbincangan yang terhasil adalah dari cara pemikiran yang berbeza. Sehubungan dengan itu, mereka menjelaskan penggabungan linguistik iaitu bahasa dapat menentukan pemikiran penutur dengan relativiti linguistik dan ia tidak mempunyai batas terhadap kepelbagaian struktural sesuatu bahasa. Oleh yang demikian, mereka berpendapat bahawa setiap struktur bahasa yang dilahirkan

merupakan bukti yang telah mempengaruhi cara kelakuan seseorang tersebut serta pemikirannya.


Berikut merupakan kerangka teoretis yang akan diaplikasikan dalam analisis perubahan makna peribahasa dalam *Facebook*:



**Rajah 3.1: Model Kerangka Teoretis Semantik Sistem Penuh** (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992:20).

Berdasarkan kepada rajah di atas, menggambarkan bahawa terdapat interaksi antara semantik dengan pragmatik. Oleh yang demikian, setiap ayat bahasa semula jadi akan diterjemahkan ke dalam bentuk logik bagi menghasilkan makna. Teori Semantik Sistem Penuh ini telah dirangka oleh Sperber dan Wilson bagi menunjukkan perhubungan antara ilmu semantik dan pragmatik yang menghasilkan makna dengan sempurna (Nor Hashimah, 1992:21).

Kerangka teoritis bagi teori Relativiti Linguistik pula akan melihat aspek pemikiran yang terdapat dalam peribahasa *Facebook*.



**Rajah 3.2: Model Kerangka Teoretis Teori Relativiti Linguistik**

Berdasarkan kepada rajah 3.2 di atas, dapat dilihat bahawa terdapat perhubungan antara tatabahasa dengan peristiwa atau persekitaran yang mendorong berlakunya pemikiran. Oleh yang demikian, tutur kata atau peribahasa lahir melalui pemikiran yang dipengaruhi oleh persekitaran atau peristiwa manakala tatabahasa merupakan penentu kepada pemikiran yang dihasilkan tersebut (Mangantar Simanjuntak: 169-170).

### **3.3 Teori Relevans**

Teori Relevans telah diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986. Teori ini menekankan aspek perbualan lisan dengan menitikberatkan kesan penggunaan bahasa dari segi deskriptif dan interpretif, literal dan juga metafora. Teori Relevans



menyatakan bahawa setiap kata-kata mampu memberikan kesan dan ia seimbang untuk memproses dan menghasilkan maklumat yang ingin dihasilkan.

Teori ini menekankan prinsip komunikasi yang dapat difahami antara penutur dengan pendengar di samping ujaran itu mempunyai kesan yang maksimum. Speber dan Wilson telah menyangkal pendapat yang diutarakan oleh Grice bahawa perkara yang hendak lihat bukan sekadar apa yang dipertuturkan, malah lebih daripada itu dengan memberi perhatian kepada ujaran yang eksplisit dan implisit. yang mengandungi makna (Nor Hashimah, 1992:29-30).

Terdapat tiga perkara yang sering digandingkan dalam teori Relevans bagi mendapatkan kesinambungan untuk mendapatkan kesan makna iaitu, penggabungan, pengukuhan dan penguguran. Kesan ini akan berubah mengikut maklumat baharu yang diterima dan ia akan menghasilkan interpretasi yang berbeza (Nor Hashimah, 1992:35-37).

### **3.4 Teori Relativiti Linguistik**

Teori Relativiti Linguistik telah dipelopori oleh Boas, Sapir dan Whorf (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011:37) yang menyatakan bahawa terdapat perhubungan antara bahasa, budaya dan juga pemikiran manusia. Mereka turut berpendapat bahawa orang berbicara dengan cara yang berbeza akan turut berfikir dengan cara yang berbeza. Selain itu, pemikiran penutur juga dapat dilihat menerusi penggunaan perkataan-perkataan yang lebih meluas kerana penutur cuba untuk memaksimumkan fungsi sesuatu perkataan tersebut semasa mengungkapkan idea yang hendak disampaikan seperti yang terdapat dalam peribahasa.

Menurut Whorf yang dipetik dari Mangantar Simanjuntak (2016:169-170) tatabahasa bukan sahaja sebagai alat pengeluaran idea-idea, tetapi merupakan pembentuk kepada idea-idea tersebut dan tatabahasa juga merupakan penentu kepada pemikiran. Selain itu, pengguna tatabahasa yang berbeza telah ditentukan oleh sistem tatabahasanya ke arah pengalaman dan pengamatan yang turut berbeza, maka mereka akan melahirkan pandangan yang berbeza berdasarkan kepada penglihatan dunia (*world view*) mereka yang tersendiri.

Oleh yang demikian, kedua-dua teori ini akan digunakan dalam menganalisis bentuk dan fungsi peribahasa serta mengupas mengenai perubahan makna dan juga pemikiran yang terdapat dalam peribahasa yang digunakan dalam *Facebook*. Peribahasa yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada bentuk selapis dan berlapis. Perbincangan bentuk peribahasa ini adalah seperti berikut:

**a) Peribahasa Berbentuk Selapis**

Peribahasa yang membawa makna selapis ini mengandungi perkataan yang jelas, tetapi mempunyai bahasa yang sukar difahami, ringkas, jelas bahasanya dan menggunakan perkataan-perkataan lama serta mengandungi maksud yang tersurat.

Selain itu ia turut mengandungi nilai-nilai didikan, pengajaran, sindiran dan sebagainya. Peribahasa berbentuk selapis ini terdiri daripada dua bentuk iaitu yang menyatakan perbandingan secara terang-terangan dan tidak menyatakan

berbandingan secara terang-terangan serta mengandungi maksud yang tersirat disebalik ungkapan tersebut.

Menurut Za'ba (2002:171) peribahasa berbentuk selapis ini mempunyai perkataan yang terus dan langsung dengan maksud yang hendak disampaikan. Walau bagaimanapun, terdapat peribahasa yang berbentuk selapis ini membawa makna dua lapis tetapi kebanyakannya memberi maksud selapis sahaja. Peribahasa berbentuk selapis ini terdiri daripada bidalan, perbilang, pepatah dan simpulan bahasa yang akan dijelaskan seperti berikut:

**i) Bidalan**

Za'ba (2002 : 170), menyatakan bahawa bidalan bersifat bandingan dan teladan yang terkandung di dalamnya dan ia bersifat langsung dengan apa yang hendak disampaikan.

*“bidalan itu mesti berisi pengajaran dan fikiran yang benar”*  
(Za'ba, 2002:172).

Suraiya Chapakiya (2014:112), pula menyatakan bahawa bidalan merupakan peribahasa berbentuk selapis dan mengandungi maksud yang sebenar dengan apa yang diujarkan. Bidalan merupakan sebuah kata-kata yang ringkas yang mengandungi nilai-nilai pengajaran dan teladan. Terdapat dua bahagian dalam bidalan iaitu mengandungi maksud yang hendak disampaikan dan unsur pematah dalam dalam maksud peribahasa tersebut.

Oleh yang demikian, contoh ungkapan yang tergolong dalam jenis bidalan ialah *sikit-sikit, lama-lama jadi bukit, buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali dan alah bisa tegal biasa*.

## ii) Perbilangan

Perbilangan pula terdiri daripada dua baris atau lebih dan ia disebut satu persatu seperti membilang. Perbilangan ini mengandungi hukum adat atau undang-undang bagi memberi panduan kepada masyarakat.

Suraiya Chapakiya (2014:113) menyatakan bahawa lazimnya perbilangan terdiri daripada dua baris atau lebih dan ia disebut seperti membilang serta isinya mengandungi peraturan, undang-undang, nasihat atau teladan. Beliau menyenaraikan perbilangan seperti berikut:

- i) Perbilangan satu baris – *biar mati anak, jangan mati adat*
- ii) Perbilangan dua baris – *Kecil jangan disangka anak*  
*Besar jangan disangka bapa*
- iii) Perbilangan tiga baris – *ke bukit sama didaki*  
*ke lurah sama dituruni*  
*ke laut sama direnangi*

Za'ba (2002:176), pula menakrifkan perbilangan sebagai perkataan yang mempunyai perenggan antara dua atau lebih dan ia disebut satu per satu seperti membilang.

Beliau turut menyenaraikan contoh-contoh perbilangan seperti *hidup dikandung adat, mati dikandung tanah, alah bisa tegal biasa, alah adat tegal muafakat* dan *Lemah menangis, condong menumpang*.

### iii) Pepatah

Pepatah pula mengandungi bahasa yang ringkas dan padat tetapi tidak mempunyai unsur pengajaran di dalamnya.

Za'ba (2002:171) menyifatkan pepatah sama seperti bidalan yang bererti selapis dan membawa maksud yang terus dengan apa yang hendak diperkatakan.

*“pepatah itu ada juga terpakai bagi yang tida berisi apa-apa pengajaran. Asalnya pepatah itu “patah-patah” yakni patah-patah perkataan”* (Za'ba, 2002:172).

Contoh ungkapan pepatah ialah seperti *biar lambat asal selamat, takut kerana salah, berani kerana benar, sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna* dan *orang mahu seribu daya, orang tidak mahu seribu dalih*.

### iv) Simpulan Bahasa

Simpulan bahasa merupakan ungkapan yang mempunyai bentuk yang mantap dan tetap serta mengandungi maksud yang khusus. Simpulan bahasa terdiri dari kata-kata yang ringkas dan ia dirumuskan dalam susunan yang tertentu dengan maksud yang tertentu. Simpulan bahasa

terbentuk dengan menggunakan kata nama am, kata kerja, kata adjektif, kata nama khas. Selain itu, ia juga terbentuk dari kata-kata yang mempunyai nilai kebudayaan.

Za'ba (2002:157) menyatakan bahawa simpulan bahasa terdiri daripada rangkaian-rangkaian perkataan yang telah tetap sifatnya dan tersimpul dengan susunan yang khas serta menggunakan maksud yang berlainan dengan apa yang diungkapkan. Perkataan yang digunakan dalam simpulan bahasa ini berbentuk tetap dan tidak boleh diubah-ubah dan ungkapan tersebut mempunyai makna yang berbeza dari perkataan asalnya.

Bentuk Simpulan Bahasa dapat dilihat melalui ungkapan seperti *beri muka, akal kancil, buruk siku, khabar angin, kepala angin, busuk hati* dan *air muka*.

#### **b) Peribahasa Berbentuk Berlapis (Dua Lapis)**

Peribahasa berbentuk berlapis (dua lapis) terdiri daripada perumpamaan. Za'ba (2002:178) menyatakan bahawa peribahasa berbentuk dua lapis ini mempunyai maksud yang berbeza dengan apa yang diungkapkan.

Perumpamaan kebiasaannya menggunakan ungkapan *seperti, umpama, bak, bagai dan ibarat*. Dapat dilihat contoh perumpamaan adalah seperti *seperti katak di bawah tempurung, seperti sirih pulang ke ganggang, seperti pahat dengan pemukul* dan *seperti kaca jatuh ke batu*.

### **3.5 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan sepenuhnya terhadap keperpustakaan dan juga kajian pemerhatian yang dibuat melalui tinjauan dan pemerhatian pada laman sosial *Facebook*.

#### **3.5.1 Kajian Keperpustakaan**

Sepanjang kajian ini dijalankan, kajian perpustakaan merupakan kaedah yang paling penting bagi memperolehi dan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan bidang kajian. Selain itu, kajian ini turut dijalankan secara terperinci bagi membolehkan kajian-kajian lepas dapat dikumpul serta memetik pendapat dan pandangan pengkaji-pengkaji lalu.

Bahan kajian berbentuk penulisan ilmiah seperti buku, jurnal, kertas kerja, majalah, rencana dan tesis yang berkaitan dengan tajuk kajian dirujuk dan diteliti dengan mendalam. Walau bagaimanapun, kajian yang sama seperti yang sedang dijalankan tidak dapat diperolehi kerana belum ada lagi pengkaji yang membuat kajian mengenai penggunaan peribahasa dalam laman sosial. Oleh itu, penelitian terhadap penulisan-penulisan lalu hanya ditinjau bagi memperolehi pandangan dan pendapat tentang peribahasa Melayu.

#### **3.5.2 Kajian Konteks**

Kajian konteks dijalankan dengan menyelidik dan membuat pemerhatian terhadap status dan komen yang dimuat naik oleh pengguna laman *Facebook*. Status dan komen yang berkaitan dengan peribahasa akan dipetik dan dijadikan sampel kajian.

Kaedah pemerhatian ini melihat kepada sampel-sampel yang mengalami perubahan bentuk, leksikal dan juga makna akan diambil bagi menganalisis makna dari sudut situasi yang berlainan.

### **3.6 Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah kajian meliputi kaedah kualitatif dengan memperincikan jenis-jenis peribahasa yang digunakan oleh pengguna *Facebook*. Sebanyak 50 telah dipilih daripada 112 sampel peribahasa yang dikutip melalui pemerhatian dari laman *Facebook*.

Selain daripada itu, kajian ini turut melihat dari segi persamaan dan perubahan peribahasa yang digunakan sama ada ia kekal sama seperti peribahasa asal atau telah berlaku perubahan berikutan peredaran zaman dan juga pertumbuhan tahap pemikiran masyarakat kini. Di samping itu, pengkaji turut memaklumkan pemilik akaun *Facebook* mengenai kutipan data ini dengan memuat naik status bagi mendapatkan kebenaran memetik penulisan mereka yang berkaitan dengan peribahasa.

Sehubungan dengan itu, kajian ini turut mengasingkan jenis-jenis peribahasa yang digunakan di samping meneliti maksud yang tersurat dan tersirat serta melihat proses dan faktor perubahan peribahasa tersebut berlaku dalam kalangan pengguna *Facebook*.



### 3.6.1 Pemilihan Data

Bagi melihat penggunaan peribahasa yang digunakan dalam laman sosial, laman *Facebook* telah dipilih kerana ia merupakan sebuah laman sosial yang sering digunakan oleh masyarakat terutamanya golongan remaja. *Facebook* juga merupakan sebuah laman sosial popular dan telah digunakan hampir 500 juta pemilik akaun atau pengguna berdaftar (Siti Ezaleila, 2015).

Status-status pemilik akaun Facebook telah diteliti dan pengkaji memetik status yang telah menggunakan peribahasa untuk dijadikan bahan kajian. Oleh yang demikian, kajian ini memberi tumpuan kepada peribahasa yang digunakan dalam laman sosial tersebut serta melihat sekiranya peribahasa yang digunakan mengalami perubahan atau masih kekal seperti asal.

Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan laman *Facebook* sebagai bahan kutipan data yang utama kerana *Facebook* merupakan medium penyampaian maklumat yang paling pantas di dunia ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini dibuat dengan memilih laman sosial *Facebook* untuk mendapatkan data kerana ia merupakan ruang yang paling mudah dicapai oleh golongan remaja dalam menyatakan sesuatu perkara. Selain daripada itu, kajian ini turut memilih *Facebook* sebagai bahan kutipan data utama kerana pencapaiannya yang pantas dan mencapai ruang lingkup yang lebih besar.

Status pemilik akaun *Facebook* telah diteliti dan pengkaji memetik status yang telah menggunakan peribahasa untuk dijadikan bahan kajian. Oleh yang demikian, kajian ini memberi tumpuan kepada peribahasa yang digunakan dalam

laman sosial tersebut serta melihat sekiranya peribahasa yang digunakan mengalami perubahan atau masih kekal seperti asal.

### 3.6.2 Pembahagian Data

Kajian ini akan menggunakan sebanyak 50 sampel yang telah dipilih untuk dibincangkan mengenai bentuk perubahan yang berlaku dalam media sosial *Facebook*. Kemudian, pembahagian sampel dibuat dengan mengasingkan peribahasa mengikut jenis dan mengenal pasti maksud penyampaian peribahasa tersebut. Pembahagian sampel adalah seperti berikut:

**Jadual 1.1: Pembahagian Sampel Berdasarkan Jenis Peribahasa**

Bil	Jenis	Jumlah sampel
1.	Simpulan bahasa	4
2.	Pepatah	8
3.	Perumpamaan	9
4.	Peribahasa	13
5.	Bidalan	14
6.	Perbilangan	2

Peribahasa yang dikutip dari laman *Facebook* akan diteliti tanpa mengira jenis atau bentuk peribahasa tersebut dan pembahagian sampel akan dibuat setelah pengkaji meneliti aspek-aspek perubahan yang berlaku dalam peribahasa tersebut. Oleh yang demikian, sampel peribahasa yang dikutip dalam laman sosial mempunyai jumlah pembahagian yang tidak sama rata mengikut jenis peribahasa. Perkara ini adalah

berikutan daripada pengguna laman sosial *Facebook* hanya menggunakan peribahasa yang telah terkenal atau popular dalam masyarakat kini.

### **3.7 Kaedah Analisis Data**

Bagi menganalisis sampel pengkaji perlu membuat penelitian laman sosial dengan meluas bagi membantu membuat pemilihan sampel yang sesuai untuk dikaji. Sampel-sampel dikaji dari segi makna dan hubungannya atau peristiwa yang berlaku dengan penulis sehingga melahirkan pemikiran yang membentuk sebuah makna dalam ungkapan peribahasa tersebut.

#### **3.7.1 Kaedah Kualitatif**

Kajian perpustakaan dijalankan dengan meneliti kajian-kajian lepas sebagai rujukan dan meneliti konsep-konsep serta hasil kajian yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun, *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* yang telah disusun oleh Abdullah Hussain (2006), telah digunakan bagi mengenal pasti maksud setiap peribahasa yang telah dipetik dari laman *Facebook*.

Selain daripada itu, *Kamus Peribahasa kontemporari* hasil susunan Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2001), dan *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu (Edisi Kemas Kini)* yang juga susunan Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2006) turut digunakan bagi membantu pengkaji mengenal pasti maksud yang tersirat dan tersurat dalam peribahasa yang terdapat di laman *Facebook*.

Kaedah kualitatif sesuai digunakan dalam kajian ini bagi mendalami dan memahami mengenai maksud penyampaian sampel peribahasa serta menghuraikan maknanya dengan lebih jelas dan teliti. Kajian ini turut mengkaji faktor yang mempengaruhi penggunaan peribahasa tersebut bagi membolehkan motif dan maksud di sebalik penulisan tersebut dapat dikenal pasti.

Di samping itu, pada bahagian analisis iaitu bab 4 dan 5, dapatan kajian akan dianalisis dengan berpandukan kepada teori yang telah diasaskan oleh Sperber dan Wilson iaitu Teori Relevans dan Teori Relativiti Linguistik yang diasaskan oleh Sapir dan Whorf.

Teori Relevans akan menekankan ujaran yang dikomunikasikan harus mempunyai sifat-sifat yang jelas dan nyata. Oleh yang demikian, apabila andaian yang diterima daripada ujaran dapat ditangkap oleh seseorang serta mempunyai bukti maka ujaran tersebut dianggap sebagai ujaran yang bermanifestasi. Teori ini akan digunakan untuk melihat aspek-aspek perubahan makna yang berlaku dalam peribahasa *Facebook* yang digunakan pada hari ini. Maka, teori ini digunakan bagi melihat makna yang terkandung di dalam penyampaian peribahasa yang akan dianalisis dalam bab 4.

Di samping itu, analisis dalam bab 5 pula akan berpandukan kepada Teori Relativiti Linguistik yang telah diasaskan oleh Sapir dan Whorf bagi melihat kerelevanan peribahasa dan pemikiran masyarakat yang mengungkapkan peribahasa dalam kehidupan harian. Oleh itu, teori ini akan digunakan untuk melihat pemikiran masyarakat melalui penggunaan peribahasa yang akan diterangkan secara lanjut dalam bab 5.

Teori Relativiti Linguistik dipilih bagi mendasari kajian ini kerana teori ini berpendapat bahawa manusia mampu untuk berfikir dan mengucapkan sesuatu ungkapan dengan batasan Bahasa yang diperolehinya. Oleh yang demikian, manusia boleh menzahirkan ungkapan yang berbeza-beza kerana pemikiran mereka yang turut berbeza. Selain daripada itu, teori ini turut memandang realiti yang dipengaruhi oleh bahasa pertama dan budaya setempat iaitu realiti pemikiran bagi melihat cara penutur memandang dunianya (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011:37).

Pengkaji memilih dua teori ini sebagai landasan kajian kerana teori ini akan memperlihatkan kepada pemikiran dan juga makna yang ingin disampaikan oleh penutur dalam sesuatu ujaran. Oleh yang demikian, kedua-dua teori ini amat sepadan digunakan untuk menganalisis pemikiran dan makna dalam peribahasa yang terdapat dalam *Facebook*.

### **3.8 Rumusan**

Kajian ini memberi tumpuan kepada kaedah analisis kualitatif kerana ia berupaya untuk mendapatkan maklumat dan data yang dikehendaki. Secara keseluruhannya, kajian ini lebih menumpukan kepada aspek makna dengan menggunakan teori Relevan dan Teori Relativiti Linguistik sebagai panduan bagi menganalisis perubahan makna dan pemikiran dalam peribahasa Melayu yang terdapat dalam *Facebook*. Oleh yang demikian, kajian ini lebih menumpukan kepada kaedah kualitatif kerana ia memperlihatkan kedalaman maksud di sebalik penyampaian peribahasa.

## BAB 4: PERUBAHAN MAKNA PERIBAHASA DALAM *FACEBOOK*

### 4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini akan membincangkan secara menyeluruh tentang perubahan makna dapatan hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Berdasarkan kepada kajian peribahasa terhadap penggunaan peribahasa dalam laman sosial *Facebook* memperlihatkan penggunaan peribahasa masih relevan dan kerap kali digunakan dalam pelbagai bentuk komunikasi harian. Data yang telah dikumpul dan dianalisis bagi menjawab persoalan kajian pertama seperti yang dinyatakan dalam bab 1.

Penggunaan peribahasa tanpa sedar sering kali ditemui dan turut berlaku terutamanya dalam status atau komen yang berunsur perniagaan. Contohnya simpulan bahasa *harga runtuh*, *cuci mata* dan *jatuh hati* telah menunjukkan bahawa peribahasa sering digunakan dalam urusan perniagaan bagi menarik perhatian pengguna *Facebook* untuk mengetahui dengan lebih lanjut barangan jualan tersebut. Pengaruh daripada penggunaan bahasa amat penting dalam memikat atau mempengaruhi orang lain untuk terus tertarik dalam mencari maklumat lanjut tentang sesuatu produk atau perkara yang sedang diperkatakan.

Hassan Ahmad (2016:84), menyatakan bahawa pengaruh kata-kata yang tidak bersifat kepada linguistik tetapi lebih kepada psikologi boleh menghasilkan kepercayaan orang lain sama ada ianya boleh memberikan kesan yang baik atau pun buruk terhadap diri sendiri atau orang lain.

*Pengaruh bahasa terhadap fikiran dan kepercayaan pengguna bahasa ialah bahasa boleh mempengaruhi fikiran manusia jikalau seseorang itu percaya bahawa bahasa atau kata-kata tertentu boleh mendatangkan kesan yang baik atau yang buruk kepada dirinya atau kepada diri orang lain.*

(Hassan Ahmad, 2016 : 84).

Peribahasa dalam laman *Facebook* turut diguna untuk menyatakan sesuatu perasaan sama ada marah, benci, peringatan, motivasi dan juga sindiran. Ungkapan-ungkapan seperti *habis madu sepah dibuang, biawak hidup, iri hati* dan *ukur baju di badan sendiri* menunjukkan bahawa peribahasa ini memainkan peranan yang tersendiri dalam menyampaikan maksud yang tertentu kepada masyarakat. Penggunaan peribahasa ini melambangkan bahawa masyarakat sekarang masih lagi mengekalkan penggunaan bahasa kiasan dalam berbicara dan motif penggunaan bahasa kiasan ini tetap sama iaitu menyampaikan makna yang tersirat di sebalik penggunaan peribahasa.

Menurut Kramsh (2001) yang dipetik dari Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011), bahasa merupakan sebuah alat yang menjadi asas kepada tindakan manusia dalam kehidupan sosial. Bahasa turut terikat dengan budaya secara berlapis dan rumit di samping mengungkapkan elemen budaya serta melambangkan identiti sesebuah bangsa dan budaya. Perkara ini dapat dilihat melalui perubahan penulisan pengguna *Facebook* yang turut mengubah bentuk perkataan, pertukaran perkataan awal atau akhir dalam peribahasa, dan penggunaan perkataan baharu dalam peribahasa Melayu. Contohnya adalah seperti ungkapan *harga runtuh* dan *kaki gosip*. Walau bagaimanapun perubahan leksikal dalam peribahasa tersebut tetap menghasilkan makna dan bahasa yang disampaikan itu dapat difahami oleh orang lain.

Oleh yang demikian, bab ini akan mengaplikasikan teori Relevans sepenuhnya sebagai asas analisis. Tujuan pengkaji mengaplikasikan teori Relevans adalah kerana mendapati sebahagian besar data dapat menepati teori ini dengan memberi penekanan terhadap perubahan bentuk dan makna leksikal, kolokasi, kognitif dan juga penciptaan peribahasa baharu yang terdapat dalam *Facebook*.

Berdasarkan kepada teori Relevans yang telah diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986), menerangkan tentang proses yang berlaku oleh mental yang terlibat secara langsung dalam penginterpretasian maklumat atau pun ujaran (Nor Hashimah, 1992:9). Teori ini memproses ujaran dan berusaha untuk mencapai interpretasi yang relevans secara menyeluruh dan ia harus mencapai kesan kognitif untuk menarik perhatian pendengar. Oleh yang demikian, pendengar tidak perlu mencari maksud yang ingin disampaikan kerana ia sedia difahami dengan mudah.

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992:39), terdapat tiga perkara yang selalu berganding dengan konteks teori Relevans iaitu penyahtaksaan, pemilihan rujukan dan juga pengayaan. Setiap konteks ini penting bagi mendapatkan makna ujaran yang tepat dan sebenar. Terdapat tiga maklumat yang mampu berinteraksi dengan maklumat lama dan ia menjadi relevan dalam bentuk andaian yang sedia ada iaitu dengan menggabungkan maklumat baru bagi konteks dan menghasilkan kesan konteks, menguatkan lagi kesan andaian yang telah wujud dan menggugurkan andaian yang sedia ada setelah berlakunya pertentangan maklumat (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992:35).

Oleh yang demikian, sepanjang kajian ini dijalankan, teori Relevan digunakan untuk menjawab persoalan kajian satu bagi melihat bagaimana perubahan makna



peribahasa laman sosial *Facebook* mampu menghasilkan kesan bagi menyampaikan fungsinya kepada masyarakat dan perubahan tersebut mengikut peredaran zaman.

#### **4.2 Apakah Perubahan Peribahasa Mengikut Peredaran Zaman?**

Berdasarkan teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson yang menekankan bahawa komunikasi yang dapat difahami oleh penutur dan juga mendengar bagi menjamin ungkapan yang diujarkan tersebut benar-benar relevans yang optimal dan dapat dirumuskan oleh pendengar dengan mudah. Selain itu, teori ini turut menyarankan bahawa penutur harus memilih konteks yang bersesuaian dan dapat mengembangkan maklumat baru yang ditambah (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992:33-34).

Asmah Hj. Omar (1993:2), pula menyatakan bahawa lambang merupakan pengwujudan konsep dan ia hasil dari persepsi iaitu kesedaran melalui pancaindera mengenai alam sekeliling dan menghasilkan penggolongan atau pengkategorian yang disaksikan. Penggolongan dan pengkategorian ini tidak akan wujud tanpa adanya bahasa. Persepsi pula boleh dipengaruhi oleh pelbagai perkara yang terdiri daripada bahasa, kebudayaan, agama dan sebagainya. Maka penghasilan bahasa ini mencerminkan kebudayaan, cara hidup persekitaran fizikal dan sosial mereka.

Hasil penelitian yang telah dijalankan, didapati bahawa sedikit sebanyak peredaran zaman membawa perubahan terhadap penggunaan peribahasa. Perkara ini berlaku adalah susulan daripada perkembangan ilmu pengetahuan dan juga corak pemikiran masyarakat kini yang kian berkembang ke arah arus kemodenan. Namun,

peribahasa dan fungsinya tetap utuh walaupun terdapat perubahan dari sudut makna dan bentuk leksikal, kognitif, kolokasi dan juga penciptaan peribahasa baharu.

Oleh yang demikian, bahagian ini akan membincangkan mengenai perubahan peribahasa dari aspek seperti berikut dengan menggunakan landasan yang telah diterapkan dalam Teori Relevans:

- i. Perubahan Dari Aspek Leksikal
  - i.i. Perubahan Makna Leksikal
  - i.ii. Perubahan Bentuk Leksikal
- ii. Perubahan Dari Aspek Makna Kolokasi
- iii. Perubahan dari Aspek Semantik Kognitif
- iv. Penciptaan Peribahasa Baharu

#### **4.2.1 Perubahan Dari Aspek Leksikal**

Perubahan peribahasa dari aspek leksikal telah memperlihatkan bahawa pemikiran masyarakat sekarang telah berubah dan ia adalah selaras dengan perubahan persekitaran yang dilalui oleh masyarakat kini. Perubahan peribahasa dari aspek makna turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran yang sentiasa pantas berubah seiring dengan perkembangan teknologi dan arus kemodenan.

Perubahan aspek leksikal ini telah membawa banyak perubahan makna yang ketara dalam peribahasa Melayu dan ia memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan sesuatu maksud yang tersirat dan tersurat. Kaedah ini telah berjaya ditonjolkan oleh pengguna *Facebook* yang memainkan peranan dalam

menyampaikan mesej kepada masyarakat walaupun, pada hakikatnya ia mengandungi unsur-unsur seperti sindiran sinis, didikan, pesanan, ajaran dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, peribahasa yang telah digunakan tetap berjaya menarik perhatian umum dengan membawa ke arah fenomena yang baharu tentang pemikiran masyarakat kini.

Perubahan leksikal yang berlaku dalam peribahasa *Facebook* seperti ungkapan *seperti katak di bawah tempurung* yang berubah kepada *seperti katak di bawah kaca*. Peribahasa tersebut mengalami perubahan leksikal *tempurung* kepada leksikal *kaca* dan perubahan ini memperlihatkan bahawa pemikiran masyarakat yang telah berubah ke arah kemodenan.

Selain daripada itu, peribahasa yang turut berubah dari aspek leksikal adalah seperti ungkapan *siapa makan cili dia terasa pedas* telah berubah kepada *siapa makan cili dia sentap*. Perubahan leksikal *pedas* kepada *sentap* memperlihatkan perkembangan bahasa Melayu yang berkait rapat dengan perkembangan dan perubahan aktiviti sosial masyarakat hari ini.

Penelitian yang telah dibuat dengan melihat perubahan dari aspek leksikal yang merupakan salah satu perubahan yang kerap berlaku terhadap peribahasa dalam laman *Facebook*. Leksikal ditakrifkan sebagai sesuatu kata yang berfungsi atau memainkan peranan dari sudut penggunaan kata dalam sesebuah bahasa tanpa menghiraukan peraturan atau pun sistem bahasa. Oleh itu, bahagian ini akan melihat dan membincangkan perubahan dari aspek makna leksikal dan juga bentuk leksikal.

#### 4.2.1.1 Perubahan Aspek Makna Leksikal

Perubahan makna leksikal merupakan perubahan ialah yang membawa kepada perbezaan makna dalam sesuatu kata. Makna leksikal dapat ditentukan berdasarkan kepada kefahaman terhadap keseluruhan konteks ayat yang diujarkan atau ditulis.

Perubahan makna leksikal ini boleh diperhatikan melalui peribahasa *Bagai menatang minyak yang penuh* dengan *Menatang sungguh isi minyak tak penuh-penuh*. Perubahan maksud secara terperinci dapat dilihat seperti jadual berikut:

**Jadual 4.1: Perubahan Makna Leksikal**

	Asal	Baharu
Peribahasa	Bagai <i>menatang</i> minyak yang penuh	<i>Menatang</i> sungguh isi minyak tak penuh-penuh
Maksud	Sangat dikasihi dan dipelihara dengan sempurna	Mengisi minyak yang tak dapat penuhkan tangki

Berdasarkan kepada peribahasa tersebut, dapat dilihat bahawa makna leksikal *menatang* telah membawa kepada perubahan maksud yang ingin disampaikan oleh penutur atau penulis.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:1615), memberi maksud *menatang* sebagai membawa sesuatu di atas telapak tangan. Manakala maksud *menatang* bagi peribahasa baharu tersebut merupakan kata basahan atau bahasa kasar yang digunakan untuk mencaci atau menghina

sesuatu. Leksikal *menatang* ini diperolehi dari perkataan *binatang* dan ia merupakan bahasa pasar yang sering kali digunakan bagi menyatakan sesuatu yang tidak enak. *Menatang* adalah variasi dialek yang digunakan di Malaysia Timur seperti Kelantan dan Terengganu.

Peribahasa ini diujarkan bagi menyuarakan isi hati masyarakat tentang kenaikan harga minyak. Walaupun pada dasarnya peribahasa ini melucukan, namun penyampaian maksud peribahasa itu amat telus dan tajam bagi menyatakan isi hati tentang kenaikan harga minyak.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa terdapat perubahan makna leksikal dalam peribahasa tersebut dalam menyampaikan sesuatu ungkapan secara berbeza tetapi dapat difahami akan motif dan maksud penyampainnya. Berikutan itu, Teori Relevans yang digunakan bagi analisis ini bersesuaian kerana ia menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami.

Sejajar dengan kenyataan Nor Hashimah Jalaluddin (1992:33), Teori Relevans turut memberikan jaminan bahawa leksikal yang diungkapkan tersebut benar-benar relevan, sesuai dan dapat difahami oleh pendengar atau audiens. Dengan maksud yang lain, penutur dapat menentukan bahawa apa yang diujarkannya mempunyai ciri-ciri yang relevans yang optimal iaitu ujaran tersebut dapat memberikan kesan konteks yang maksimum serta audiens dapat merumuskan ujaran tersebut dengan pantas.

#### 4.2.1.2 Perubahan Aspek Bentuk Leksikal

Perubahan peribahasa laman sosial *Facebook* turut berlaku dari bentuk leksikal yang membawa kepada perubahan yang ketara dalam peribahasa asalnya. Setiap peribahasa yang dihasilkan tetap bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud yang sama dengan peribahasa asal. Berikut disenaraikan peribahasa yang mengalami perubahan bentuk leksikal.

Peribahasa *Mendengar guruh di langit air tempayan dicurahkan* berlawanan dengan peribahasa asal iaitu *Mendengar guruh di langit segala tempayan baldi dikeluarkan*. Perbezaan bentuk leksikal bagi peribahasa ini amatlah ketara seperti berikut:

**Jadual 4.2: Perubahan Makna Dan Bentuk Leksikal (a)**

	Asal	Baharu
Peribahasa	Mendengar guruh di langit, <i>air di tempayan dicurahkan</i>	Mendengar guruh di langit <i>segala tempayan baldi dikeluarkan</i>
Maksud	Jangan mengharapkan sesuatu yang belum pasti	Membuat persediaan lebih awal walaupun perkara tersebut belum tentu pasti.

Perubahan bentuk leksikal yang berlaku dalam peribahasa ini dapat dilihat daripada leksikal *air, di, tempayan, dan dicurahkan* kepada *segala, tempayan, baldi, dan dikeluarkan* menunjukkan bahawa maksud yang ingin disampaikan kepada masyarakat adalah berbeza dengan peribahasa

asal. Peribahasa tersebut ingin menyampaikan maksud bahawa membuat persediaan lebih awal walaupun perkara tersebut belum tentu pasti.

Melalui peribahasa ini dapat dinyatakan bahawa ia diciptakan berdasarkan kepada persekitaran dan peristiwa yang dilalui oleh masyarakat kini. Ketika peribahasa ini ditulis, masyarakat sedang hadapi masalah gangguan bekalan air bersih di sekitar tempat penginapan sehingga mengganggu kelancaran aktiviti harian. Memandangkan bekalan air bersih adalah salah satu sumber yang paling penting dalam kehidupan kini dan ia juga merupakan keperluan dalam kegiatan harian.<sup>1</sup>

Perkara ini bersesuaian dengan konsep perubahan leksikal seperti yang diaplikasikan dalam Teori Relevans yang menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur dan pendengar dengan memastikan bahawa ujaran tersebut benar-benar relevan dan sesuai untuk difahami oleh pendengar (Nor Hashimah Jalaluddin. 1992:33)

Begitu juga dengan peribahasa yang telah membawa kepada perubahan makna seperti *Gajah sama gajah berperang, pelanduk kenyang di tengah-tengah* berbeza dengan peribahasa asal iaitu *Gajah berjuang sama gajah, pelanduk mati di tengah-tengah*. Perbezaan antara leksikal *kenyang* dan *mati* jelas memberikan makna yang berbeza seperti berikut:

---

<sup>1</sup> Masalah bekalan air telah terganggu di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur dan telah merebak ke Shah Alam. Gangguan ini telah melibatkan kira-kira 3.8 juta penduduk di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. (Utusan Malaysia, 20 Disember 2016)

**Jadual 4.3: Perubahan Makna Dan Bentuk Leksikal (b)**

	<b>Asal</b>	<b>Baharu</b>
<b>Peribahasa</b>	Gajah <i>berjuang</i> sama gajah, pelanduk <i>mati</i> di tengah-tengah	Gajah sama gajah <i>berperang</i> pelanduk <i>kenyang</i> di tengah-tengah
<b>Maksud</b>	Golongan atasan berselisih, rakyat mendapat yang kesusahan	Dua golongan sedang berselisih, terdapat pihak lain yang sedang bergembira dan mengaut keuntungan

Berdasarkan kepada peribahasa dan maksudnya di atas, dapat dilihat bahawa perubahan bentuk dan makna yang berlaku pada peribahasa asal dengan peribahasa baharu yang membawa kepada realiti kehidupan kini. Peribahasa tersebut menyampaikan maksud berkaitan dengan keadaan politik tanah air yang kian meruncing apabila terdapat dua pihak yang sedang bertelagah sedangkan ada pihak lain bergembira dan mengaut keuntungan dengan situasi tersebut.

Perubahan bentuk leksikal *berjuang* dengan *berperang* membawa kepada dua pengertian yang berbeza. *Berjuang* bermaksud beradu tenaga, berusaha, manakala *berperang* pula ialah berlawan dengan musuh dan memusuhi. Leksikal *mati* dan *kenyang* turut membawa kepada dua maksud yang berbeza iaitu *mati* membawa maksud tersepit, serba salah manakala *kenyang* pula melambangkan kegembiraan, suka, dan seronok dengan keadaan tersebut. Perubahan leksikal ini turut membawa kepada perubahan makna dalam peribahasa yang telah mengubah maksud peribahasa asal kepada dua golongan sedang berselisih, terdapat pihak lain yang sedang bergembira dan mengaut keuntungan dengan situasi tersebut.



Oleh yang demikian, ungkapan tersebut bersesuaian dengan konsep yang diterapkan dalam teori ini memandangkan bahawa ungkapan tersebut dapat ditanggapi dengan munasabah dan sesuai dengan situasi semasa yang berlaku terhadap politik negara sekarang. Berdasarkan kepada teori Relevans, pendengar atau audiens haruslah memperolehi kesemua tanggapan yang bersesuaian dan munasabah selain membuat rujukan bagi menginterpretasikan ujaran tersebut (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992: 29-30).

Selain daripada itu, peribahasa berikutnya membawa kepada perubahan yang berbeza dari segi makna dengan memperlihatkan bahawa fenomena pihak syarikat produk kecantikan yang seolah-olah bersaing dalam memberi sumbangan berbentuk tajaan program program realiti TV dan juga pasukan sukan negeri atau negara. Contohnya peribahasa *biar putih tulang, jangan putih mata* yang merupakan peribahasa asal telah diubah kepada *biar putih tulang, jangan qu putih taja*. Perbezaan makna dan bentuk leksikal dalam peribahasa ini adalah seperti berikut:

**Jadual 4.4: Perubahan Makna Dan Bentuk Leksikal (c)**

	Asal	Baharu
<b>Peribahasa</b>	Biar putih tulang, <i>jangan putih mata</i>	Biar putih tulang, <i>jangan qu putih taja</i>
<b>Maksud</b>	Lebih baik mati daripada tidak mendapat apa yang diidamkan	Lebih baik tidak mendapat apa-apa kemewahan dari menerima tajaan kewangan dari pihak qu putih.

Lanjutan daripada populariti yang ditaja oleh pihak produk kecantikan Qu Putih, peribahasa di atas digunakan untuk menyatakan isi hati pengguna *Facebook* apabila pihak Qu Putih telah menyuarakan hasrat untuk tidak lagi menjadi penaja utama kepada Persatuan Bola Sepak Kelantan (kafa) berikutan prestasi pasukan tersebut yang tidak menentu.<sup>2</sup>

Oleh yang demikian, peristiwa ini telah membawa kepada perubahan makna dalam peribahasa asal. Daya pemikiran penulis yang berusaha untuk menyampaikan sindiran secara berhemah, sinis dan halus tersebut berjaya memberikan kesan kepada pembaca. Leksikal *mata* telah ditukarkan kepada *qu putih taja* membawa kepada perubahan makna yang ketara terhadap peribahasa ini.

Sejajar dengan itu, ungkapan ini bersesuaian dengan konsep yang telah diterapkan oleh Sperber dan Wilson dalam Teori Relevans yang menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami oleh penutur dan pendengar akan memproses ujaran tersebut tidak hanya berdasarkan kepada ungkapan yang sebelumnya malah menggabungkan ujaran tersebut dan peka terhadap maklumat baharu yang diungkapkan (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992: 35).

Oleh yang demikian, perubahan leksikal yang berlaku terhadap peribahasa di atas bersesuaian diterapkan berdasarkan kepada Teori

---

<sup>2</sup> Pada 24 April 2016, Datuk Seri Hasmiza yang merupakan pengasas produk Qu Putih telah menyatakan kekecewaannya terhadap prestasi pasukan Kelantan dan mengancam untuk menarik balik penajaan sebanyak 16 juta (Utusan Malaysia, 27 Oktober 2016)

Relevans yang menekankan aspek ungkapan lama dan juga ungkapan baharu.

Selain daripada itu, terdapat peribahasa yang digunakan dalam *Facebook* yang telah merubah bentuk leksikal asal namun masih mengekalkan maksud yang sama. Perincian peribahasa adalah seperti di jadual berikut:

**Jadual 4.5: Perubahan Bentuk Leksikal**

Peribahasa asal	Peribahasa baharu
Tepuk dada tanya <i>selera</i>	Tepuk dada tanya <i>akal</i>
kalau kail panjang sejengkal jangan <i>lautan hendak diduga</i>	kalau kail panjang sejengkal jangan <i>cuba tangkap paus</i>
Kalau kail panjang sejengkal jangan <i>lautan hendak diduga</i>	Kalau kail panjang sejengkal jangan <i>mimpi ajak chunli sebantal</i>
Alang-alang seluk pekasam, biar sampai ke pangkal <i>lengan</i>	Alang-alang seluk pekasam, biar sampai ke pangkal <i>bahu</i>
Bagai kacang lupakan <i>kulit</i>	Bagai kacang lupakan <i>tanah</i>
Sikit-sikit lama-lama jadi <i>bukit</i>	Sikit-sikit lama-lama jadi <i>buncit</i>
Sepandai-pandai <i>tupai</i> melompat akhirnya jatuh ke <i>tanah</i> juga	Sepandai-pandai <i>katak</i> melompat akhirnya jatuh ke <i>dalam kolam</i> juga
Kalau takut dilambung ombak jangan <i>berumah</i> di tepi pantai	Kalau takut dilambung ombak jangan <i>baca berita</i> di tepi pantai
Siakap senohong gelama ikan duri bercakap bohong <i>lama-lama mencuri</i>	Bercakap bohong gelama ikan duri bercakap bohong <i>perangai pencuri</i>
Siapa makan cili dia <i>terasa pedasnya</i>	Siapa makan cili dia <i>sentap</i>
Hujan emas di negeri orang, hujan <i>batu</i> di negeri sendiri	Hujan emas di negeri orang, hujan <i>rahmat</i> di negeri sendiri

Ikan di laut, asam di darat dalam <i>periuk</i> bertemu jua	Ikan di laut, asam di darat dalam <i>internet</i> bertemu <b>jodoh</b>
---	--

Daripada peribahasa yang disenaraikan di atas dapat diteliti bahawa kesemua peribahasa yang digunakan dalam laman sosial *Facebook* telah mengalami perubahan bentuk leksikal namun makna yang ingin disampaikan tidak berubah.

Ungkapan *Tepuk dada tanya selera* manakala peribahasa yang telah berubah dari segi bentuk leksikalnya kepada *Tepuk dada tanya akal*. Leksikal *selera* telah digugurkan dengan menggantikan leksikal *akal* yang lebih tepat kerana *akal* merupakan fikiran yang sering digunakan dalam membuat pertimbangan sebelum memutuskan sebarang keputusan. *Akal* membawa erti budi, fikiran, daya upaya, ikhtiar (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015:22). Makna *selera* pula ialah nafsu, kemahuan, keinginan, kehendak (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015:1424).

Kedua-kedua peribahasa tersebut membawa maksud yang sama iaitu *fikir dahulu baru bertindak*. *Selera* dan *akal* walaupun berbeza dari segi maksud namun, dalam peribahasa kedua-dua leksikal ini melambangkan bahawa *selera* tersebut merupakan *akal* yang berfikir dalam menghitung atau membuat pertimbangan sesuatu perkara.

Di samping itu, perubahan makna dan bentuk peribahasa dapat dilihat melalui peribahasa *kalau kail panjang sejengkal jangan lautan hendak diduga* telah ditukar menjadi *kalau kail panjang sejengkal jangan*

*cuba tangkap paus*. Perubahan makna dan bentuk leksikal ini membawa maksud yang sama iaitu jangan lakukan sesuatu yang tidak mampu walaupun kedua-duanya mempunyai perbezaan bentuk leksikal iaitu *jangan lautan hendak diduga* dengan *jangan cuba tangkap paus*.

Peribahasa baharu ini mengubah leksikal asal kepada leksikal *paus* kerana ia merupakan sejenis ikan gergasi yang berada di lautan dalam dan sukar untuk ditangkap tanpa adanya peralatan, kemahiran yang mencukupi serta kekuatan mental dan fizikal. Perubahan ini berlaku kerana pengubahsuaian bentuk peribahasa selaras dengan pemikiran anak-anak muda yang menginterpretasikan sesuatu dengan menggunakan perlambangan yang terdapat dalam fikiran mereka.

Selain itu, peribahasa yang sama turut diolah oleh pengguna *Facebook* turut menggunakan peribahasa yang sama bagi menyatakan isi hati. *Kalau kail panjang sejengkal jangan mimpi ajak Chunli sebantal*. Peribahasa ini telah mengalami perubahan leksikal namun masih mengekalkan maksud yang sama iaitu jangan lakukan sesuatu yang tidak mampu. Leksikal *lautan hendak diduga* telah diubah kepada *mimpi ajak Chunli sebantal* menunjukkan bahawa Chunli merupakan seorang yang sukar untuk didekati.

Chunli merupakan watak wanita dalam cerita animasi *Street Fighter Capcom* iaitu Chun-Li. Beliau merupakan seorang pejuang wanita pertama dalam siri tersebut dan pakar dalam seni mempertahankan diri dan seorang pegawai Interpol yang sedang berusaha untuk membalas dendam

ke atas kematian bapanya. Oleh yang demikian peribahasa ini mengingatkan masyarakat supaya tidak mendedaki mana-mana wanita dengan niat yang tidak baik atau sekadar untuk suka-suka.

*Alang-alang seluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan* merupakan peribahasa yang berbentuk pengajaran kepada masyarakat supaya menjalankan sesuatu kerja hingga sempurna. Peribahasa tersebut telah diubah kepada *alang-alang seluk pekasam biar sampai ke pangkal bahu* memainkan peranan yang sama iaitu menyampaikan pesanan kepada masyarakat supaya menjalankan sesuatu kerja dengan sempurna.

Ikan pekasam merupakan ikan yang telah dijerukkan dengan salutan beras goreng dan disimpan ke dalam tempayan supaya tahan lama kerana zaman dahulu tiada kemudahan penyimpanan barang seperti peti sejuk. Perubahan penggunaan leksikal *lengan* dengan *bahu* menunjukkan bahawa masyarakat mampu memainkan fikiran untuk menjadikan peribahasa tersebut lebih sempurna maksudnya kerana *bahu* melambangkan selukan yang paling dalam ke dalam tempayan tersebut.

Selain daripada itu, perumpamaan bagi *kacang lupakan kulit* turut diolah dengan *bagai kacang lupakan tanah*. Perumpamaan ini mengalami perubahan bentuk leksikal dengan ditukar *kulit* kepada *tanah*.

Walaupun kedua-dua perumpamaan ini mempunyai maksud yang sama, iaitu lupa asal usul atau orang yang membantunya setelah mendapat kesenangan memperlihatkan bahawa unsur *tanah* dan *kulit* merupakan

asas yang penting dan mempunyai keakraban dengan kacang. *Tanah* dan *kulit* merupakan dua unsur yang rapat dengan kacang kerana ia hidup di dalam tanah dengan berlindungkan kulitnya.

Di samping itu, unsur *tanah* dan *kulit* ini tidak jauh berbeza maksudnya kerana asas permulaan kacang adalah dari tanah dan kemudian menjadi kulit sebelum ia membentuk sebiji kacang di dalam kulit yang sempurna.

Peribahasa *sikit-sikit lama-lama jadi bukit* telah ditukar dengan menggunakan daya pemikiran yang kreatif menjadi *sikit-sikit lama-lama jadi buncit*. Peribahasa ini membawa maksud jika sabar dan tekun dalam mengerjakan sesuatu akhirnya akan berjaya juga. Perbezaan leksikal *bukit* dengan *buncit* menunjukkan bahawa bukit merupakan sesuatu yang tinggi dan sukar untuk didaki, manakala *buncit* ialah keadaan tubuh badan manusia yang gendut atau perut yang besar. *Bukit* dan *buncit* melambangkan sesuatu yang besar, bulat dan tinggi.

Oleh yang demikian, peribahasa ini memperlihatkan bahawa *bukit* dan *buncit* merupakan dua perkara yang berbeza dan penyampaiannya mempunyai maksud yang turut berbeza sesuai dengan situasi masa kini kebanyakan masyarakat mengalami masalah berat badan dan obesiti.

Peribahasa *sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah* juga berbeza dengan peribahasa yang telah ditulis oleh pengguna

*Facebook* iaitu *sepandai-pandai katak melompat akhirnya jatuh ke dalam kolam* juga menunjukkan perubahan dalam makna dan bentuk leksikal *tupai* dengan *katak* dan dengan *tanah* dan *kolam*. *Katak* dan *tupai* merupakan dua jenis haiwan yang berbeza habitatnya dan hidup dalam keadaan yang berbeza. *Tupai* sering kali dikaitkan dengan pokok, manakala *katak* dikaitkan dengan air.

Peribahasa ini membawa maksud yang sama iaitu, *sepandai-pandai orang*, kadang kala ada salah juga. Walaupun unsur yang digunakan telah diubah daripada *tupai* kepada *katak* dan *tanah* kepada *kolam*, namun maksud di sebalik peribahasa ini masih sama walaupun ia menggunakan unsur yang berbeza. Peribahasa ini menunjukkan bahawa setiap perbuatan tersebut tak semestinya sempurna walaupun ia merupakan kebiasaan yang dilakukan oleh seseorang itu.

Melalui peribahasa *kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai*, pengguna *Facebook* telah mengolah peribahasa tersebut menjadi *kalau takut dilambung ombak jangan baca berita di tepi pantai*. Peribahasa ini membawa maksud apabila takut pada risiko, jangan dekati bahaya walaupun di sebalik bahaya tersebut terdapat banyak kebaikan.

Perubahan peribahasa ini tercetus apabila tular sebuah video seorang wartawan yang sedang melaporkan keadaan laut yang sedang bergelora di tepi pantai dan ombak tinggi datang mengenai beliau. Walau



bagaimanapun, beliau tetap meneruskan tugas tersebut walaupun dalam keadaan basah kuyup.

Peribahasa ini telah diolah dan dijadikan sebuah peribahasa baharu, namun maksud yang ingin disampaikan tetap sama dan ia meninggalkan pesanan dan pengajaran kepada masyarakat. Perubahan leksikal *berumah* kepada *baca berita* merupakan dua perkara yang berbeza dari segi perbuatan, namun maksud di sebalik penyampaian peribahasa tersebut adalah sama.

Selain daripada itu, peribahasa *siakap senohong gelama ikan duri bercakap bohong lama-lama mencuri* turut diubah oleh pengguna *Facebook* dengan menjadikan peribahasa tersebut sebagai *siakap senohong gelama ikan duri, bercakap bohong perangai pencuri*. Peribahasa ini membawa maksud permulaan dengan pembohongan yang kecil akan membawa kepada perkara yang lebih besar.

Perubahan leksikal *lama-lama mencuri* kepada *perangai pencuri* merupakan dua perkara yang berbeza tetapi tetap membawa kepada maksud yang sama iaitu sikap atau perbuatan yang tidak baik. *Mencuri* ialah dari kata perbuatan manakala *perangai* merupakan kata sifat dan *pencuri* pula ialah kata nama.

Di samping itu, peribahasa *siapa makan cili dia terasa pedasnya* turut berubah leksikal kepada *siapa makan cili dia sentap* membawa maksud, siapa yang terasa dialah yang merasa bersalah. Walaupun makna

pada leksikal *terasa pedasnya* berubah kepada *sentap*, namun maksud yang ingin disampaikan tetap sama.

*Pedas* dan *sentap* merupakan bentuk leksikal yang berbeza, namun ia membawa kepada satu makna yang sama dalam penyampaian peribahasa. Istilah *pedas* bermaksud bersifat menyakitkan hati, keras atau tajam (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015:1157). Manakala *sentap* pula ialah tersentuh hati, terasa hati dan terkesan dari kata-kata yang tajam. *Pedas*, *sentap* membawa kepada konsep perasaan rasa bersalah kerana kedua-dua leksikal ini menyatakan maksud yang sama iaitu terasa hati, tersentuh hati atau terkesan dari kata-kata yang tajam. Selain daripada itu, cara masyarakat kini yang lebih bersifat terbuka untuk membalas sindiran dengan menggunakan media sosial menjadikan leksikal *sentap* digunakan dalam peribahasa ini.

Begitu juga dengan peribahasa *hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri* mengalami perubahan kepada *Hujan emas di negeri orang, hujan rahmat di negeri sendiri*. Kedua-dua peribahasa ini mengalami perubahan bentuk dan makna leksikal iaitu *hujan batu* dengan *hujan rahmat*. Walau bagaimanapun peribahasa ini turut menyampaikan maksud yang sama iaitu meskipun begitu makmur dan mewah di negeri orang, negeri sendiri tetap yang terbaik. *Hujan rahmat* bermaksud kurnia, berkat, hikmah, faedah dan ia merupakan sesuatu kurniaan yang diturunkan oleh Allah.

Selain daripada itu, peribahasa *ikan di laut, asam di darat dalam periuk bertemu jua* turut diubah oleh pengguna akaun *Facebook* menjadi *ikan di laut, asam di darat dalam internet bertemu jodoh*. Perubahan makna dan bentuk leksikal iaitu *periuk* dan *jua* telah diolah menjadi *internet* dan *jodoh*. Walau bagaimanapun kedua-dua peribahasa ini memainkan peranan yang sama bagi menyampaikan maksud kepada masyarakat iaitu lelaki dan perempuan sekiranya sudah jodoh akhirnya bertemu juga. Namun begitu, perbezaan peribahasa *Facebook* tersebut ialah dalam *internet bertemu jodoh*. Walaupun terdapat perbezaan bentuk leksikal yang digunakan, namun tiada perubahan makna yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Maksud peribahasa tersebut juga telah disampaikan secara terus, tanpa bersembunyi.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa peribahasa dalam laman sosial *Facebook* telah membawa kepada perubahan leksikal yang terdiri daripada perubahan makna leksikal dan juga bentuk leksikal. Walaupun perubahan ini tidak membawa kepada perubahan dari aspek makna yang menyeluruh, namun perubahan leksikal tersebut berjaya menghasilkan ungkapan-ungkapan yang terkandung pelbagai makna dan fungsinya dalam masyarakat.

Berdasarkan kepada teori Relevans, pemilihan konteks yang bersesuaian dapat mengembangkan maklumat baharu yang ditambah dan ia memerlukan konteks yang berbeza serta sangat penting bagi menginterpretasikan setiap ujaran yang telah disampaikan. Selain daripada itu, proses pemadanan maklumat yang disampaikan turut memainkan

peranan yang penting supaya ia tidak tersalah anggap semasa proses interpretasi tersebut dijalankan (Nor Hashimah Jalaluddin, 2009:34).

Sehubungan dengan itu, perubahan leksikal yang berlaku dalam peribahasa *Facebook* yang dibincangkan di atas menunjukkan bahawa peribahasa telah melalui proses perkembangan dan penambahan maklumat baharu sejajar dengan keadaan dan situasi semasa untuk menyampaikan sesuatu maksud. Perubahan leksikal tersebut berkesinambungan seperti yang telah dinyatakan dalam teori Relevans iaitu makna keseluruhan ujaran yang eksplisit dan implisit perlu diperhatikan bagi mendapatkan jawapan yang tepat dan pasti (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992:30).

#### **4.2.2 Perubahan Dari Aspek Makna Kolokasi**

Kolokasi merupakan perkataan yang hadir atau menghuraikan dalam sesuatu frasa dan ia merujuk kepada makna yang berkaitan antara kata yang wujud dalam sesebuah ayat tersebut. Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:806), menakrifkan kolokasi sebagai hubungan kedudukan atau kewujudan sesuatu perkataan dengan perkataan yang lain dalam satu susunan ayat dan ia wujud secara bersebelahan atau berdekatan antara satu sama lain.

Asmah Haji Omar (2008:46), menyifatkan kolokasi sebagai perkaitan antara leksikal dalam hubungan sintagmatik yang membawa kepada makna dan ia dapat diterima oleh masyarakat pengguna bahasa tersebut. Beliau turut menyifatkan kolokasi sintagmatik merupakan perkataan yang mempunyai

hubungan yang mendatar dan membawa makna yang tertentu. Paradigmatik pula merupakan mempunyai paksi pilihan dan apabila ia berada dalam sesuatu struktur dan ia boleh memberi pilihan dengan memilih perkataan-perkataan yang sesuai (Asmah Hj. Omar, 2008:11).

Menurut Hasnoor Mohd Noor (2016:76), beliau menyatakan makna kolokatif akan muncul dalam metafora sekiranya terdapat urutan leksikal yang dapat memberikan makna dan ia diterima oleh masyarakat. Kolokasi pula perlu hadir secara berurutan dalam sesuatu kata.

Oleh yang demikian, Kolokasi akan melihat bagaimana leksikal berfungsi dalam ayat dan ia berkait dengan makna yang terbentuk antara perkataan dengan perkataan lain dalam sesebuah ayat. Terdapat dua jenis kolokasi iaitu kolokasi sintagmatik dan kolokasi paradigmatik. Kolokasi sintagmatik merupakan sesuatu leksikal yang menimbulkan makna dan dapat diterima oleh masyarakat manakala kolokasi paradigmatik merupakan unit linguistik yang menjadi hubungan melalui pertentangan atau penggantian dalam sesuatu unit yang sama.

Sehubungan dengan itu, Teori Relevans menekankan bahawa setiap pembinaan konteks adalah bahagian yang penting dalam menginterpretasikan ujaran dengan melahirkan kesan konteks yang sesuai. Kesan konteks yang sesuai adalah penting bagi menghuraikan proses pemahaman sesuatu ujaran dan ia dianggap relevans sekiranya mempunyai kesan konteks yang lebih. Kesan konteks merupakan andaian yang ada pada pendengar (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992:34).

Oleh yang demikian, pada bahagian ini akan menerapkan prinsip yang ditekankan dalam teori Relevans bagi melihat perubahan dari sudut kolokasi. Sehubungan dengan itu, peribahasa yang tersenarai di bawah akan membincangkan perubahan dari aspek makna kolokasi yang berlaku dalam peribahasa laman sosial *Facebook*.

**Jadual 4.6: Perubahan Makna Kolokasi**

Peribahasa asal	Peribahasa baharu
<i>Batu pun empuk, jangankan hati manusia</i>	Yang penting cinta, <i>makan batu pun empuk kaya kerupuk</i>
Ikan di laut, asam di darat <i>di dalam periuk bertemu jua</i>	Ikan di laut, asam di darat <i>dalam internet bertemu jodoh</i>
Biar putih tulang, jangan <i>putih mata</i>	Biar putih tulang, jangan <i>qu putih taja</i>
Kalau takut dipukul ombak jangan <i>berumah</i> di tepi pantai	Kalau takut dipukul ombak jangan <i>baca berita</i> di tepi pantai
Siakap senohong gelama ikan <i>duri</i> , bercakap bohong lama-lama mencuri	Siakap senohong gelama ikan <i>bandaraya</i> , bercakap bohong lama-lama <i>jadi Razman Zakaria</i>
Siakap senohong gelama ikan duri, <i>bercakap bohong lama-lama mencuri</i>	Siakap senohong gelama ikan duri, <i>dengan rakyat berbohong untuk kayakan kroni</i>
Habis madu <i>sepah</i> dibuang	Habis madu <i>bunga</i> dibuang
Cubit peha kanan, peha kiri <i>turut</i> terasa	Cubit peha kanan, peha kiri <i>pun</i> terasa, <i>tukar tayar depan tayar belakang pula bocor</i>
Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana <i>muafakat</i>	Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana <i>menternak lemak</i>
Sepandai-pandai tupai melompat, <i>jatuh ke tanah juga</i>	Sepandai-pandai tupai melompat, <i>akhirnya abang posmen juga yang dicarinya</i>
<i>Bagai menatang minyak yang penuh</i>	<i>Menatang sungguh isi minyak tak penuh-penuh</i>

Peribahasa Melayu adalah bentuk yang tetap sifatnya. Namun perkembangan dan juga peredaran zaman telah menyebabkan berlakunya perubahan kolokasi dalam pembentukan peribahasa baharu. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa terdapat banyak perubahan dari aspek kolokasi yang

melibatkan perubahan dalam peribahasa yang digunakan dalam laman sosial *Facebook*.

Berdasarkan kepada jadual 4.6 di atas, terdapat banyak perubahan dari aspek kolokasi dalam peribahasa *Facebook*. Peribahasa *batu pun empuk, jangankan hati manusia* telah berubah kepada *makan batu pun empuk kaya keropok* memperlihatkan peribahasa tersebut mempunyai kolokasi sintagmatik kerana penyampaiannya mempunyai perkaitan dan dapat difahami maksud yang terkandung di sebalik peribahasa tersebut. Oleh yang demikian, peribahasa ini membawa kepada maksud konotatif kerana maksud penyampaiannya adalah berbeza dan ia mempunyai makna yang tersirat.

Di samping itu, peribahasa yang membawa kepada perubahan kolokasi ialah *Ikan di laut, asam di darat di dalam periuk bertemu jua* telah mengalami perubahan kepada *ikan di laut, asam di darat dalam internet bertemu jodoh*. Peribahasa ini mempunyai hubungan sintagmatik.

Dari aspek makna pula, peribahasa ini pada awalnya tergolong dalam makna konotatif kerana mempunyai ujaran yang berbeza dengan maksud sebenar telah berubah kepada denotatif. Makna denotatif ialah ujaran tersebut mempunyai makna yang sama dengan kata-kata yang sebenar. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa kolokasi *dalam periuk bertemu juga* dan *dalam internet bertemu jodoh* berubah makna kerana kolokasi peribahasa *ikan di laut, asam di darat dalam internet bertemu jodoh* membawa maksud yang sebenar dalam ungkapan tersebut iaitu, lelaki dan perempuan, sekiranya sudah jodoh akhirnya bertemu juga.

Selain daripada itu, dapat dilihat juga perubahan kolokasi yang berlaku pada peribahasa *biar putih tulang, jangan putih mata* yang berubah kepada ungkapan *biar putih tulang jangan qu putih taja*. Hubungan dalam kolokasi peribahasa tersebut adalah hubungan sintagmatik.

Dari sudut makna pula berlaku perubahan daripada makna konotatif kepada makna stilistik kerana pada asalnya peribahasa tersebut mengandungi makna yang tersirat di sebalik ungkapan tersebut yang telah berubah kepada mempunyai hubung kait dengan peristiwa atau situasi yang menghasilkan ujaran iaitu stilistik. Makna stilistik ialah hubung kait antara ungkapan yang dihasilkan berdasarkan kepada situasi dan peristiwa yang telah atau sedang berlaku.

Di samping itu, peribahasa yang turut berlakunya perubahan kolokasi ialah *siakap senohong, gelama ikan duri bercakap bohong lama-lama mencuri* telah berlaku perubahan yang drastik kepada *siakap senohong gelama ikan bandaraya, bercakap bohong lama-lama jadi Razman Zakaria*. Hasil penelitian terhadap peribahasa ini terdapat dua perubahan pada kolokasi *gelama ikan duri* kepada *gelama ikan bandaraya* dan *lama-lama mencuri* kepada *lama-lama jadi Razman Zakaria*. Peribahasa ini tergolong dalam hubungan sintagmatik.

Dari sudut makna pula, berlaku perubahan iaitu daripada makna konotatif kepada makna stilistik memandangkan peribahasa ini diungkapkan berdasarkan kepada peristiwa dan situasi yang telah berlaku.



Di samping itu, peribahasa yang sama turut mengalami perubahan pada kolokasi terakhir iaitu *siakap senohong gelama ikan duri, bercakap bohong untuk kayakan kroni*. Kolokasi yang berubah ialah *bercakap bohong lama-lama mencuri kepada dengan rakyat berbohong untuk kayakan kroni*. Peribahasa ini mempunyai hubungan sintagmatik.

Dari sudut makna kolokasi pula, pada asalnya peribahasa ini mempunyai makna konotatif telah berubah kepada makna stilistik kerana ungkapan ini berlaku berhubung kait dengan situasi yang menyebabkan berlakunya ujaran tersebut.

Selain daripada itu, peribahasa yang turut berubah kolokasinya ialah *cubit peha kanan peha kiri turut terasa* telah berubah kepada *cubit peha kanan, peha kiri pun terasa, tukar tayar depan tayar belakang pula bocor* memperlihatkan perbezaan kolokasi yang berlaku dalam ayat tersebut. Walaupun begitu, hubungan kolokasi dalam peribahasa ini adalah hubungan sintagmatik. Peribahasa yang turut diubah ini merupakan kesinambungan daripada peribahasa asal yang ditambah kolokasi di bahagian belakangnya iaitu *tukar tayar depan tayar belakang pula bocor*.

Oleh yang demikian, dari sudut makna peribahasa ini pada asalnya mempunyai makna konotatif iaitu makna yang disampaikan mempunyai maksud yang berbeza kepada makna denotatif dan stilistik. Makna denotatif merupakan makna kata sebenar yang ingin yang disampaikan dan makna stilistik pula ia berhubung kait dengan situasi atau peristiwa semasa ujaran tersebut dilakukan.

Perubahan kolokasi dapat dilihat juga daripada peribahasa *bulat air kerana pembentung bulat manusia kerana muafakat* telah berubah menjadi *bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana menternak lemak* dan perubahan tersebut turut berlakunya perubahan pada kolokasi *bulat manusia kerana menternak lemak*. Hubungan kolokasi dalam peribahasa ini adalah kolokasi sintagmatik. Secara amnya, kolokasi *menternak* merupakan kata kerja yang perlu hadir dengan kata nama dan ia mempunyai fungsi dengan peliharaan haiwan seperti *menternak kambing, menternak lembu atau menternak ayam* namun peribahasa ini berubah kepada *menternak lemak* yang membawa kepada makna yang berbeza dan ia merupakan kolokasi sintaktik.

Dari sudut makna pula, peribahasa ini mengalami perubahan makna daripada makna konokatif kepada makna denotatif iaitu pada awalnya mempunyai maksud yang berbeza daripada ungkapan sebenar telah berubah kepada ungkapan yang mempunyai maksud yang sebenar.

Selain itu, peribahasa *sepandai-pandai tupai melompat, jatuh ke tanah juga* telah berlaku perubahan kolokasinya kepada *sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya abang posmen juga yang dicarinya*. Perubahan kolokasi *jatuh ke tanah juga* kepada kolokasi *akhirnya abang posmen juga yang dicarinya* memperlihatkan peribahasa ini mempunyai hubungan kolokasi sintagmatik. Walau bagaimanapun, peribahasa ini mempunyai maksud konokatif iaitu mengandungi maksud yang tersirat di sebalik ungkapan tersebut.

Di samping itu, peribahasa *bagai menatang minyak yang penuh* turut mengalami perubahan dari sudut kolokasinya iaitu *menatang sungguh isi minyak tak penuh-penuh*. Kedua-dua peribahasa mempunyai hubungan sintagmatik memandangkan ujaran tersebut mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, dari sudut makna kolokasi pula, peribahasa ini berubah daripada makna konotatif kepada denotatif.

Selain daripada itu, melihat pula dari sudut kolokasi bagi peribahasa baharu yang semakin rancak digunakan dalam media sosial *Facebook* seperti di jadual berikut:

**Jadual 4.7: Makna Kolokasi Peribahasa Baharu**

Peribahasa baharu	Makna
Kaki <i>gosip</i>	Orang yang suka menyampai atau bercakap tentang khabar angin
Memukau hati	Rasa terpegun, pesona
<i>Harga</i> runtuh	Jualan murah, lelongan barang
Menambat hati	Berkenan, suka, tertarik

Dapat dilihat daripada peribahasa yang disenaraikan di atas *Kaki gosip* membawa kepada makna konotatif kerana kolokasi *kaki gosip* merupakan gabungan anggota badan *kaki* dengan perbuatan atau perlakuan iaitu *gosip*. Oleh yang demikian ia membawa makna konotatif kerana mempunyai maksud yang tersirat di sebalik ungkapan tersebut. Ungkapan ini memberi maksud seseorang yang suka menceritakan sesuatu khabar angin atau sesuatu berita yang belum sah benarannya atau dalam erti kata lain ialah mengumpat.

Di samping itu, kolokasi *memukau hati* turut membawa makna konotatif dalam ungkapan tersebut. Kolokasi tersebut telah membawa kepada perubahan kepada makna iaitu terpegun, terpengaruh dan tertarik dan kolokasi *memukau* digabungkan dengan kolokasi *hati* bukan merupakan aktiviti tidak baik yang menggunakan jampi tetapi sesuatu yang berjaya menarik perhatian supaya orang tertarik dan terpegun.

Selain itu, kolokasi *harga runtuh* juga turut membawa kepada makna konotatif kerana mempunyai maksud yang berbeza dengan ungkapan sebenar. *Harga runtuh* diambil dari simpulan bahasa *durian runtuh* yang membawa makna mendapat rezeki atau keuntungan yang tidak disangka-sangka<sup>3</sup>. Oleh yang demikian, makna kolokasi *harga runtuh* ini membawa kepada maksud jualan murah dan penurunan harga yang terendah.

Di samping itu, *menambat hati* merupakan peribahasa baharu yang digunakan oleh pengguna *Facebook*. Melihat dari aspek makna kolokasi, ungkapan ini tergolong dalam makna konotatif kerana mengandungi maksud yang tersirat disebalik ungkapan tersebut. Kolokasi *menambat hati* membawa maksud kepada perasaan suka atau berkenan terhadap sesuatu barang atau perkara.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa peribahasa laman sosial *Facebook* turut mengalami perubahan dari segi kolokasi dan juga makna kolokasinya. Walaupun perubahan ini tidak terlalu ketara, namun ia berjaya

---

<sup>3</sup> Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2006). *Kamus Peribahasa Kontemporari*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.

mengubah makna kolokasi dengan menggunakan peribahasa tanpa menghilangkan fungsi penyampaian peribahasa tersebut.

Oleh yang demikian, sejajar dengan Teori Relevans yang memberi tumpuan terhadap perubahan bentuk dan makna dalam ujaran, teori ini bersesuaian digunakan untuk menganalisis perubahan kolokasi peribahasa kerana ia menekankan bahawa setiap ujaran adalah penting dan mampu menghubungkan konteks supaya menjadikan sesebuah ujaran yang relevan. Selain itu, teori ini turut menyatakan bahawa menghasilkan kesan konteks yang berbeza akan turut melahirkan sebuah interpretasi yang turut berbeza (Nor Hashimah Jalaluddin:35).

#### **4.2.3 Perubahan Dari Aspek Semantik Kognitif**

Teori Relevans menekankan aspek kognitif dalam kajian makna dengan mengkaji kedalaman maksud yang ingin disampaikan dalam sesebuah pernyataan. Teori ini menyatakan bahawa dalam memproses ujaran, pendengar berusaha untuk melakukan interpretasi yang relevans secara optimum. Setiap interpretasi tersebut harus mencapai kesan kognitif bagi menarik perhatian pendengar. Selain itu, teori ini turut menekankan semua input yang terdapat dalam sesebuah pernyataan tersebut akan dikaitkan dengan latar belakang individu. Oleh itu, teori ini digunakan untuk menganalisis perubahan makna kognitif dalam peribahasa *Facebook*.

Kognitif merupakan aktiviti yang dijalankan oleh mental dalam berfikir, menganalisis, membentuk sesuatu perkara dan menyelesaikan masalah. Selain itu,

ia turut memainkan peranan yang penting dalam menentukan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Noor Hasnoor Mohd Noor (2001), menyatakan kognisi merupakan satu aktiviti mental yang memindahkan input pancaindera yang berpunca dari ransangan ke dalam bentuk yang mempunyai makna dan ia memerlukan bahasa untuk tujuan penjanaan. Proses penjanaan melibatkan proses pengamatan yang tinggi seperti penaakulan, pemahaman, penilaian, pembinaan konsep dan penyelesaian masalah. Proses ini bergantung kepada tahap kecerdasan seseorang individu dalam kemahiran berfikir.

Peribahasa Melayu secara umumnya mengandungi makna yang terselindung atau tersirat bagi bertujuan untuk menyampaikan nasihat, teladan, sindiran dan teguran kepada masyarakat. Walaupun masyarakat kini telah melalui fasa arus kemodenan, namun peribahasa tetap segar dan masih digunakan hingga ke hari ini dengan perubahan-perubahan yang dilakukan mengikut situasi semasa.

Hassan Ahmad (2016:99), menyatakan bahawa tatabahasa mental manusia tidak mempunyai struktur atau model tatabahasa yang digunakan untuk mencipta ayat yang kreatif dan mengandungi makna yang luar biasa. Ciptaan akal atau pemikiran kreatif manusia untuk menyampaikan sesuatu maksud hanya bercorak kepada figuratif atau metafora tetapi tidak bercorak kepada harfiah atau literal. Oleh yang demikian, beliau merumuskan bahawa manusia dapat mencipta makna baharu yang tidak terhad jumlahnya dengan berlandaskan kepada perkataan yang

sama serta struktur dan pola ayat yang sama tetapi manusia tidak berhenti-henti mencipta perkataan bagi menyatakan sesuatu makna yang baharu.

Jadual berikut menunjukkan perubahan terhadap makna kognitif dalam peribahasa *Facebook*.

**Jadual 4.8: Perubahan Kognitif Dalam Peribahasa**

<b>Peribahasa asal</b>	<b>Peribahasa baharu</b>
Bagai pinang di <i>belah dua</i>	Bagai pinang <i>tak terbelah</i>
Seperti bulan jatuh ke <i>riba</i>	Seperti bulan jatuh ke <i>tanah</i>
Seperti tikus jatuh ke <i>beras</i>	Seperti tikus jatuh ke <i>air</i>
Bagai kacang lupakan <i>kulit</i>	Bagai kacang lupakan <i>tanah</i>
Bagai aur dengan <i>tebing</i>	Bagai aur dengan <i>burung</i>
Seperti katak dibawah <i>tempurung</i>	Seperti katak di bawah <i>kaca</i>
Sikit-sikit lama-lama jadi <i>bukit</i>	Sikit-sikit lama-lama jadi <i>buncit</i>
gajah berjuang sama gajah, pelanduk <i>mati</i> di tengah-tengah	Gajah sama gajah berperang, pelanduk <i>kenyang</i> di tengah-tengah

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat bahawa terdapat banyak perubahan dan perkembangan dalam peribahasa *Facebook*. Perubahan yang berlaku dalam peribahasa tersebut turut membawa kepada perubahan dari aspek

makna kognitif seperti perumpamaan *bagai pinang di belah dua* yang telah berubah kepada *bagai pinang tak terbelah*.

Perumpamaan *bagai pinang di belah dua* melambangkan bahawa sesuatu atau pasangan yang sepadan, cantik, molek dan bersesuaian manakala, peribahasa dalam *Facebook* telah membawa kepada perubahan dari aspek kognitif iaitu *bagai pinang tak terbelah*. Peribahasa ini dicipta bagi menyampaikan maksud bagi sesuatu atau pasangan yang tidak sepadan atau tidak bersesuaian. Peribahasa ini dicipta oleh pengguna *Facebook* bagi menyuarakan pandangan terhadap pasangan pengantin atau suami isteri yang tidak setaraf, tidak sepadan dan tidak bersesuaian.

Dapat dilihat melalui fenomena ini terdapat ramai pasangan lelaki atau perempuan yang berkahwin dengan pasangan yang berusia atau lanjut usia. Contohnya perempuan yang usianya dalam lingkungan empat puluhan berkahwin dengan lelaki muda dua puluhan, begitu juga dengan perempuan yang muda usianya telah berkahwin dengan lelaki yang lanjut usianya.

Fenomena ini telah melahirkan buah pemikiran pengguna *Facebook* yang berniat untuk menyindir pasangan tersebut. Dapat dilihat juga, motif ungkapan *bagai pinang di belah dua* digunakan untuk memuji pasangan yang sama cantik sama padan tetapi telah berlaku perubahan fungsi peribahasa tersebut daripada pujian kepada sindiran dengan menggunakan ungkapan *bagai pinang tak terbelah*.



Selain daripada itu, ungkapan *seperti bulan jatuh ke riba* turut berubah kepada *seperti bulan jatuh ke tanah*. Perubahan ini melambangkan perbezaan dari aspek makna kognitif daripada keuntungan atau beruntung dan bertuah kepada kemusnahan dan kehancuran. Ungkapan ini melahirkan kognitif yang berbeza dengan sesuatu yang bersifat positif kepada negatif.

Di samping itu, peribahasa yang melibatkan habitat haiwan turut menjadi buah pemikiran masyarakat untuk menghasilkan perubahan makna kognitif dalam peribahasa. Sebagai contoh ungkapan *seperti tikus jatuh ke beras* telah berubah kepada *seperti tikus jatuh ke air*. Ungkapan ini telah membawa perubahan makna kognitif daripada beruntung, kemewahan kepada kematian, kesusahan dan kemusnahan.

Selain itu, peribahasa yang berfungsi sebagai sindiran kepada masyarakat turut mengalami perubahan dari aspek kognitif melalui pemerhatian dan pemikiran masyarakat kini. Peribahasa *bagai kacang lupakan kulit* yang disampaikan untuk menyindir golongan tertentu telah berubah makna kognitif kepada *bagai kacang lupakan tanah*. Dari aspek makna, peribahasa ini tidak banyak berbeza, namun dapat dilihat bahawa *tanah* melambangkan sesuatu yang memberi kehidupan dan tanpanya orang tersebut mungkin tidak ada atau tidak wujud.

Peribahasa ini bertujuan untuk menyindir golongan tertentu yang lupa asal usul akan tanggung jawabnya kepada ibu bapa. Leksikal *tanah* melambangkan ibu bapa kerana tanpa ibu dan bapa seseorang itu tidak mungkin wujud atau

dilahirkan. Perbezaan kognitif dalam peribahasa ini menunjukkan bahawa fenomena kini berlakunya anak-anak yang meninggalkan ibu bapanya seorang diri tanpa jagaan atau meninggalkan mereka di rumah kebajikan orang-orang tua.

Dapat dilihat juga perubahan yang berlaku dalam peribahasa Facebook dengan ungkapan *bagai aur dengan tebing* telah berubah kepada *bagai aur dengan burung*. Peribahasa ini telah membawa maksud *bagai aur dengan tebing* yang melambangkan sesuatu yang akrab, tidak berpisah dan sentiasa bersama namun ianya telah berubah kepada *bagai aur dengan burung* yang melambangkan tidak akrab, sentiasa berpisah dan hadir seketika sekiranya diperlukan.

Oleh yang demikian peribahasa ini membawa maksud *burung* akan datang menghirngap *aur* sekiranya ingin mendapatkan air dari sungai dan akan pergi setelah hajatnya tercapai. Peribahasa ini melambangkan sindiran kepada golongan tertentu yang hanya hadir sekiranya memerlukan bantuan dan akan pergi sekiranya hajat yang dikehendaki telah tercapai. *Burung* melambangkan seseorang yang datang sekiranya memerlukan pertolongan dan akan pergi meninggalkan setelah memperolehi apa yang dikehendakinya. *Aur* pula merupakan akar yang sentiasa mengikat tebing sungai daripada dimakan arus sungai.

Selain daripada itu, perubahan makna kognitif juga dapat dilihat dalam peribahasa Facebook seperti ungkapan perumpamaan *seperti katak di bawah tempurung* yang berjaya diubah kepada *seperti katak di bawah kaca*. *Katak di bawah tempurung* melambangkan kepada sesuatu yang tertutup, tidak terbuka

kepada dunia luar, atau berada dalam pemikiran yang sempit. Walau bagaimanapun, pengguna *Facebook* telah mengalih makna tersebut daripada sesuatu yang sempit, tidak tertutup kepada sesuatu yang lebih berharga, bernilai dan berjaya menarik perhatian dengan ungkapan *seperti katak di bawah kaca*. Perubahan kognitif bagi leksikal *tempurung* kepada *kaca* telah membawa kepada satu perubahan yang ketara dalam kognitif asal peribahasa tersebut.

Di samping itu, *kaca* telah melambangkan sesuatu yang berharga, mahal dan menarik perhatian. Seperti yang dapat dilihat sekiranya di pasar raya, barang-barang yang tinggi nilainya, mahal dan berkualiti hanya akan diletakkan di dalam kaca dan tertutup rapi bagi mengelakkan ia daripada mudah untuk disentuh, dibeleg atau dicuba. Dalam perkara ini, *katak di bawah kaca* melambangkan seorang wanita perlu menjadi seorang yang bernilai tinggi, menjaga maruah, tidak mudah disentuh dan menjadi sesuatu aset yang mahal dan berharga. Oleh yang demikian, peribahasa ini telah merubah fungsinya daripada sindiran kepada didikan yang mengajak seseorang untuk menjadi sesuatu yang lebih berharga dan bernilai tinggi.

Selain itu, peribahasa yang turut mengalami perubahan dari sudut kognitif ialah *sikit-sikit lama-lama jadi bukit* telah diubah kepada *sikit-sikit lama-lama jadi buncit*. Peribahasa ini pada asalnya adalah bertujuan untuk memberi nasihat atau didikan kepada masyarakat supaya gigih dan terus berusaha dalam menjalankan sesuatu kerja dan ia akan berhasil setelah bersusah payah. Namun begitu, *sikit-sikit lama-lama menjadi buncit* memainkan peranannya dalam menyindir golongan yang malas bersenam dan mengabaikan kesihatan diri dan

mengakibatkan diri mengalami obesiti atau masalah berat badan yang menjadi punca kepada penyakit-penyakit kronik.

Peribahasa *gajah berjuang sama gajah, pelanduk mati di tengah-tengah* turut mengalami perubahan dari aspek semantik kognitif apabila pengguna *Facebook* telah mengubah peribahasa tersebut menjadi *gajah sama gajah berperang, pelanduk kenyang di tengah-tengah*. Perubahan kognitif bagi leksikal *mati* dan *kenyang* melihat kepada dua situasi yang berbeza. *Mati* membawa maksud menjadi mangsa, huru-hara dan kesusahan manakala *kenyang* pula bermaksud suka, gembira, seronok dan bahagia. Peribahasa ini menggambarkan rakyat sebagai *pelanduk* dan keharmonian rakyat adalah bergantung kepada *gajah-gajah* yang melambangkan sebagai orang yang berkuasa atau ahli politik.

Oleh yang demikian, perubahan dari aspek kognitif dalam peribahasa ini menunjukkan bahawa masyarakat kini semakin prihatin dengan keadaan sekeliling dan berhasrat untuk menjadikan peribahasa terus berkembang supaya ia tidak mudah dilupakan. Di samping itu, penggunaan peribahasa semakin aktif di laman sosial terutamanya laman *Facebook* dengan membawa kepada perubahan makna kognitif yang mampu menyampaikan sesuatu yang baik kepada masyarakat dan berjaya memberikan impak positif kepada masyarakat kini.

Sejajar dengan teori Relevans yang menekankan aspek makna atau semantik dalam penghasilan idea, perubahan ini menunjukkan bahawa pemikiran masyarakat kini sentiasa berkembang bagi menghasilkan idea yang baharu dalam memperkatakan sesuatu secara tersembunyi. Jelas dilihat bahawa proses yang

diketengahkan dalam teori ini iaitu penggabungan, pengukuhan, pertentangan dan pengguguran telah digunakan oleh remaja dalam menyatakan sesuatu melalui peribahasa. Teori ini berusaha untuk memastikan bahawa maklumat dapat diproses dengan kesan kognitif yang tinggi bagi menghasilkan sebuah interpretasi yang selaras dengan hasrat atau tujuan ungkapan tersebut disampaikan oleh penutur.

Menurut Hasmidar Hassan dan Jafizah Jaafar (2016:105) kesan kognitif yang positif akan berubah-ubah akibat daripada penerimaan maklumat baharu oleh pendengar dan maklumat tersebut akan disesuaikan dengan andaian sedia ada melalui penggabungan, pengukuhan, pertentangan dan pengguguran. Proses ini turut berlaku dalam subtugas yang telah diketengahkan oleh Speber dan Wilson iaitu proses pemahaman ujaran.

#### **4.2.4 Penciptaan Peribahasa Baharu**

Penciptaan perkataan baharu merupakan satu aspek yang diketengahkan dalam teori Relevans dengan memberi penekanan terhadap sesuatu ujaran itu dimanifestasikan. Dalam hal ini, setiap perkataan yang diciptakan mampu menyampaikan makna kepada pendengar dan dapat difahami oleh masyarakat. Teori ini menekankan bahawa kepada pemilihan konteks yang sesuai dan dapat diperkembangkan dengan maklumat baharu yang ditambah dan ia memerlukan tambahan konteks yang berbeza. Perkara ini penting bagi menginterpretasikan ujaran bagi mengelakkan ujaran yang disampaikan tersebut disalah tanggapi (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992:34).

Di samping itu, ia juga turut mengelakkan berlakunya salah faham semasa proses mendapatkan makna yang sebenar. Oleh yang demikian, teori ini turut mencadangkan supaya konsep *ad hoc* dan Rangka Rujuk Silang digunakan secara serentak supaya dapat menghasilkan satu interpretasi makna yang telus. Peribahasa yang dianalisis dengan menggunakan kaedah ini adalah bagi mendapatkan maklumat budaya yang lebih mendalam dan ia mampu menghasilkan huraian dalam peribahasa tersebut (Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan, 2017: 71).

Menurut Asmah Hj. Omar, manusia dikurniakan akal fikiran bagi menciptakan atau melahirkan sesuatu yang baharu dan ia memerlukan bahasa. Penciptaan sesuatu yang baharu ini boleh berupa idea-idea yang baharu atau bentuk-bentuk bahasa yang baharu (Asmah Hj. Omar, 1993:36).

Dalam kajian ini penciptaan perkataan baru banyak ditemui dalam data. Selain daripada perubahan yang berlaku terhadap leksikal, kolokasi dan kognitif, peribahasa dalam laman sosial turut menghasilkan peribahasa baharu yang diciptakan sejajar dengan perkembangan tahap pemikiran masyarakat kini. Antara peribahasa baharu yang tercipta pada masa kini adalah seperti berikut:

**Jadual 4.9: Peribahasa Baharu**

Peribahasa lama	Peribahasa baharu	Maksud
Kaki <i>botol</i>	Kaki <i>gosip</i>	Orang yang suka menyampai atau bercakap tentang khabar angin
	Memukau hati	Rasa terpegun, pesona
	Menambat hati	berkenan, suka

<i>Durian</i> runtuh	<i>Harga</i> runtuh	Jualan murah, lelongan barang
<i>Kulit halus bak sutera</i>	<i>Gigi kuning bak mentega</i>	Gigi yang tidak digosok atau kuning, tidak bersih

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat bahawa pemikiran masyarakat kini sentiasa berkembang dan menghasilkan makna dalam setiap tutur kata. Selain itu, ungkapan-ungkapan baharu turut digunakan seperti ungkapan *kaki gosip* tergolong dalam simpulan bahasa. Ungkapan ini hasil daripada interpretasi bagi ungkapan simpulan bahasa asal iaitu *kaki botol* yang membawa maksud seseorang yang kuat minum arak. Leksikal *gosip* merupakan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris iaitu *gossip* yang membawa maksud cakap-cakap yang mengisahkan tentang khabar angin atau berbicara tentang desas desus keburukan seseorang (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015:482)

Oleh yang demikian, ungkapan *kaki gosip* bermaksud orang yang suka menyampai atau bercakap tentang khabar angin dan sesuatu yang belum pasti. Ungkapan ini kebiasaannya disampaikan untuk menyindir golongan tertentu yang suka bercerita atau menyampaikan berita yang tidak sahih atau khabar angin tentang sesuatu perkara.

Hassan Ahmad (2003:9), menyatakan bahawa leksikal *kaki* pada dasarnya merupakan konsep kepada kuat. *Kaki* merupakan kata nama yang telah berubah kepada kata sifat bagi menjelaskan tentang perubahan dan proses kognitif yang terdapat dalam minda masyarakat Melayu. Kuat merupakan makna yang bersifat harfiah iaitu kuat dari sudut tenaga manusia dan leksikal *kaki* ini diperluaskan bagi mencakupi makna kekuatan. Oleh yang demikian, *kaki gosip* mencakupi kepada

golongan tertentu yang kuat berbicara tentang khabar angin atau menyampaikan sesuatu yang tidak pasti tentang kesahihan sesuatu berita tersebut.

Selain itu, simpulan bahasa yang baharu dicipta turut memainkan peranannya yang tersendiri seperti *memukau hati*, *harga runtuh* dan *menambat hati*. *Memukau hati* menyampaikan maksud satu perasaan yang teruja, terpegun dan terpesona terhadap sesuatu perkara. *Memukau hati* yang diungkapkan ini melambangkan sebuah perasaan suka dan menarik yang berlaku secara semulajadi tanpa adanya galakan atau sokongan daripada pihak lain.

Di samping itu, simpulan bahasa *menambat hati* turut membawa maksud kepada perasaan suka atau berkenan terhadap sesuatu barang atau perkara. Kebiasaannya ungkapan ini digunakan apabila seseorang berkenan atau suka terhadap seseorang atau barang.

Manakala ungkapan *harga runtuh* pula merupakan sebuah simpulan bahasa yang menunjukkan sesuatu aktiviti perniagaan yang dijalankan secara lelongan atau menurunkan kadar harga yang mendadak dari harga asal. Pengguna *Facebook* telah meinterpretasikan ungkapan *harga runtuh* daripada simpulan bahasa *durian runtuh* yang membawa maksud keuntungan, rezeki yang datang secara tiba-tiba.

Walaupun ungkapan *harga runtuh* membawa maksud yang berlainan dengan ungkapan asal *durian runtuh*, namun maksud penyampaiannya dapat difahami oleh masyarakat dan ungkapan ini hanya akan digunakan dalam bidang perniagaan bagi menarik perhatian masyarakat supaya tertarik dengan kadar harga yang ditawarkan.



Selain daripada itu, perumpamaan turut dihasilkan oleh masyarakat kini dalam memperkayakan dan mengembangkan lagi peribahasa-peribahasa baharu yang mampu menyampaikan makna yang tersirat kepada masyarakat. Perumpamaan *gigi kuning bak mentega* membawa maksud sesuatu yang kotor, gigi yang tidak digosok atau kuning, tidak bersih. Ungkapan ini berkonsepkan berterus terang dengan menggunakan perlambangan yang mudah dicapai.

Peribahasa baharu ini berjaya menunjukkan bahawa masyarakat kini mampu melahirkan buah pemikiran yang kreatif dengan menggunakan sumber-sumber yang diperolehi sekitar kehidupan. Hassan Ahmad (2016:275) menyatakan bahawa bahasa Melayu mempunyai acuan linguistik yang tidak terbatas untuk membuat pecahan (menjabarkan) perkataan dan istilah baharu tanpa bergantung kepada perkataan atau pun istilah yang terdiri daripada bahasa asing.

Sejajar dengan teori Relevans yang menekankan terhadap perkembangan konteks dan ia melihat kepada titik permulaan sesuatu konteks itu diujarkan sebagai punca terhadap proses ujaran dan kemudiannya menghasilkan perluasan dengan meneliti semula ujaran yang sedia ada. Selain itu, ia turut ditambah dengan andaian yang telah dihasilkan berdasarkan kepada pengalaman yang terdahulu. Berdasarkan teori ini terdapat tiga perkara yang memperlihatkan ke arah perkembangan konteks iaitu, melihat ke arah ujaran yang terdahulu, melihat ke arah alam persekitaran dan merujuk kepada catatan ensiklopedia bagi istilah-istilah yang telah digunakan (Nor Hashimah Jalaluddin, 1999:38).

Oleh yang demikian, bahagian ini menepati sasaran yang dinyatakan dalam Teori Relevans yang menekankan aspek pembinaan atau penciptaan peribahasa baharu bagi melahirkan sebuah bentuk komunikasi yang berkesan. Teori ini menekankan tiga aspek bagi membentuk maklumat baharu supaya ia berinteraksi dengan maklumat lama iaitu penggabungan maklumat baru dan konteks bagi menghasilkan kesan konteks, menguatkan andaian yang sedia ada, dan menggugurkan andaian sedia ada apabila berlakunya pertentangan maklumat (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992: 35).

### **4.3 Kesimpulan**

Hasil daripada perbincangan di atas, dapat dilihat bahawa peribahasa dalam laman sosial *Facebook* telah berubah mengikut arus semasa yang sesuai dengan pemikiran dan situasi yang dialami oleh masyarakat kini. Perubahan dari bentuk dan makna leksikal, kolokasi, kognitif dan juga penciptaan peribahasa baharu telah membawa kepada perubahan kepada peribahasa dan turut menghasilkan sebuah peribahasa yang mengikut peredaran zaman.

Teori Relevans didapati amat sesuai dalam menganalisis perubahan bentuk dan makna dalam peribahasa. Teori ini menekankan aspek makna yang dihasilkan dalam peribahasa bagi merealisasikan sesuatu ungkapan supaya memberikan kesan secara terus kepada masyarakat. Selain itu, ia turut memperlihatkan setiap ungkapan yang dihasilkan oleh pengguna *Facebook* mengandungi makna yang eksplisit dan implisit bagi menyampaikan sesuatu secara realiti.

Selain itu, teori ini turut menghuraikan makna yang ingin disampaikan secara menyeluruh setelah interpretasi makna telah dilakukan. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa analisis yang dijalankan menepati objektif kajian bagi melihat bentuk perubahan makna yang terdapat dalam peribahasa *Facebook* dengan menerapkan teori Relevan dalam analisis yang dijalankan.

University of Malaya

## **BAB 5: KERELEVANAN PERIBAHASA PADA HARI INI**

### **5.1 Pendahuluan**

Pemikiran Melayu mencerminkan pandangan hidup atau sistem pemikiran Melayu dengan membuat kajian tentang metafora yang terdapat dalam bahasa Melayu (Hassan Ahmad, 2016:189). Pemikiran Melayu juga mempunyai kesinambungan yang tidak dapat dipisahkan oleh ruang tempat dan waktu, ruang sejarah, kawasan atau peribadi. Masyarakat Melayu secara umumnya dapat memahami ungkapan peribahasa kerana telah berlakunya proses perkongsian ilmu, budaya dan pandangan hidup secara kebersamaan dalam masyarakat. Metafora Melayu lahir melalui pengalaman hidup yang dapat difahami secara bersama dan mereka turut mempunyai daya fikiran dan renungan yang tajam untuk memahami metafora tersebut (Hassan Ahmad, 2003:39-40).

Teori Relativiti Linguistik yang diasaskan oleh Sapir dan Whorf, melihat kerelevanan peribahasa pada generasi hari ini kerana ia mendasari pemikiran dan juga perkembangan sesebuah bahasa. Pendapat Sapir dan Whorf yang dipetik dari Hassan Ahmad (2016:40) menyatakan bahawa sekiranya terdapat dua budaya yang mengungkapkan sesuatu konsep dengan menggunakan perkataan dan ayat yang berbeza, maka mereka akan memahami konsep tersebut secara berlainan kerana pemikiran mereka telah dibatasi oleh bahasa dan budaya yang berlainan.

Selain itu, teori Relativiti Linguistik turut menekankan tatabahasa sesuatu bahasa bukan sahaja sebagai alat produksi bagi menyuarakan idea-idea, tetapi juga sebagai pembentuk kepada idea-idea tersebut. Menurut Simanjuntak, Pandangan dunia bangsa-bangsa Austronesia di Nusantara seperti Indonesia, Malaysia, Brunei, Filipina

dan beberapa bangsa lain di Asia Pasifik mempunyai struktur yang sama dan ia berbeza dengan pandangan dunia bangsa-bangsa lain seperti di China, Eropah, Jepun dan Afrika. Perbezaan ini adalah kerana mereka melihat dunia dan menggariskan realiti penglihatan mereka dengan cara yang berbeza (Mangantar Simanjuntak, 2009:169-170).

Sejajar dengan itu, pandangan Asmah Hj Omar (1993:37) pula menyatakan bahawa bahasa tidak hanya terbatas kepada peranan sebagai alat komunikasi semata-mata, malah turut mencerminkan persepsi iaitu cara kita memahami dan bertindak balas kepada keadaan alam sekeliling. Oleh yang demikian, beliau menyimpulkan bahawa bahasa menentukan penglihatan dunia kita yang tersendiri. Orang Melayu melihat dunia dengan cara dan sikap yang berbeza dari orang lain kerana ia mempunyai unsur-unsur dan sistem yang berbeza dari yang lain.

Selain itu, akal dan fikiran manusia sentiasa terbuka serta berkembang tetapi ia tidak dihadkan oleh sistem bahasanya. Manusia turut mempunyai kebebasan untuk mengubah sistem bahasa atau struktur tatabahasa sehingga kestabilan linguistik atau struktur bahasa tidak teratur kerana berlakunya proses kognitif dalam pemikiran dan penghayatan manusia. Maka penghasilan bentuk-bentuk peribahasa juga turut mengalami perkembangan yang membawa kepada perubahan penggunaan kata dan fungsinya dalam bahasa (Hassan Ahmad, 2016:99-100).

Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011), mengatakan bahawa bahasa turut memainkan peranan yang penting bagi menunjukkan pemikiran, sikap, dan perilaku bangsa. Memandangkan bahasa menunjukkan sesuatu bangsa, ia mempunyai hubungan yang intrinstik antara bahasa dengan sikap dan perilaku masyarakat seterusnya dapat

dikenal pasti melalui penggunaan peribahasa. Bahasa dan pemikiran penutur ditentukan oleh cara dan perlakuan terhadap setiap sesuatu yang dipandang dan diamati oleh mereka di dunia ini. Setiap satu perlakuan yang dipandang telah mendorong penutur itu membina pemahaman yang bermakna tentang alam sekeliling dan mengungkapkan dengan menggunakan bahasa.

Dalam bab ini akan membincangkan secara menyeluruh tentang kerelevanan peribahasa *Facebook* yang masih digunakan sehingga hari. Berdasarkan kepada data yang telah dikumpul, bahagian ini akan menjawab persoalan kedua seperti yang telah dinyatakan dalam bab 1. Pengkaji memilih untuk mengaplikasikan teori Relativiti Linguistik yang telah diasaskan oleh Sapir dan Whorf kerana mendapati terdapat aspek lain dalam peribahasa yang tidak boleh mengaplikasikan dengan menggunakan teori Relevans seperti yang telah diterapkan dalam bab 4.

Oleh yang demikian, teori Relativiti Linguistik akan digunakan untuk mengaplikasikan dan meneliti peribahasa *Facebook* dari aspek pemikiran kerana ia dilihat bersesuaian dengan data yang diperolehi. Oleh yang demikian, sepanjang kajian ini dijalankan, teori ini akan menjawab persoalan kajian kedua bagi melihat sejauhmana peribahasa yang digunakan pada hari ini masih relevan dalam menyampaikan fungsinya kepada masyarakat. Selain itu, bahagian ini turut memberi penekanan dari sudut pemikiran yang merupakan salah satu perkara penting dalam pengaliran dan penciptaan peribahasa yang perlu dibahaskan secara lanjut.

## 5.2 Sejauh Manakah Peribahasa Masih Relevan Dengan Generasi Pada Hari Ini

Melalui penelitian yang telah dibuat, dapat dilihat bahawa peribahasa kini masih utuh dan relevan digunakan walaupun arus kemodenan dan percambahan bahasa dengan istilah-istilah baharu, pinjaman bahasa asing dan juga penggunaan bahasa pasar dalam peribahasa sosial media *Facebook*.

Di samping itu, peribahasa pada hari ini turut memainkan peranan yang sama iaitu menyampaikan kata-kata pesanan dan didikan, sindiran, pujian, dan hiburan kepada masyarakat bukan sahaja sebagai garis panduan dalam kehidupan, malah turut menjadikan peribahasa sebagai medan untuk meluahkan maksud yang tersirat dan tersurat. Perkembangan era teknologi kini kian meningkatkan lagi saluran penyampaian peribahasa kepada masyarakat secara lebih pantas berbeza dengan dahulu kala yang disampaikan secara mulut ke mulut tetapi kini kaedah penyampaiannya hanya di hujung jari.

Walau bagaimanapun, peribahasa dahulu dengan kini tetap bermotifkan kepada penyampaian pesanan dan nasihat, didikan, pujian, sindiran dan larangan. Hasil kajian yang telah dibuat terhadap peribahasa dalam laman *Facebook*, dapat dilihat bahawa peribahasa hari ini turut memainkan peranan yang sama iaitu sebagai pesanan dan nasihat, pendidikan, sindiran, larangan, protes dan juga jenaka kepada masyarakat walaupun kaedah penyampaiannya telah berubah dari mulut ke mulut (lisan) kepada tulisan alam maya (*Facebook*).

Oleh yang demikian, bahagian ini akan membincangkan peranan penyampaian peribahasa pada hari ini dengan menggunakan pendekatan Teori Relativiti Linguistik seperti berikut:

- i. Peribahasa Berperanan Menyampaikan Pesanan Dan Nasihat
- ii. Peribahasa Berperanan Menyampaikan Didikan
- iii. Peribahasa Berperanan Menyampaikan Sindiran
- iv. Peribahasa Berperanan Menyampaikan Larangan
- v. Peribahasa Berperanan Menyampaikan Rasa Protes
- vi. Peribahasa Berperanan Sebagai Jenaka

### **5.2.1 Peribahasa Berperanan Menyampaikan Pesanan dan Nasihat**

Teori Relativiti Linguistik menyatakan bahawa terdapat hubungan antara bahasa, budaya dan pemikiran manusia memandangkan setiap ujaran atau ungkapan yang diujarkan adalah berbeza kerana ia bergantung kepada pemikiran mereka yang turut berbeza (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011:37). Oleh yang demikian, hasil penelitian yang telah dibuat, peribahasa kini masih bermotifkan menyampaikan pesanan dan nasihat kepada masyarakat meskipun arus kemodenan dan teknologi telah berkembang maju sejajar dengan konsep dunia jalur lebar.

Bagi menyampaikan pesanan dan nasihat kepada masyarakat, pengguna *Facebook* telah mencipta peribahasa-peribahasa yang berbaur pesanan kepada umum supaya masyarakat dapat mengambil panduan, ikhtibar atau pengajaran disebalik masud kata-kata puitis tersebut.



Contoh peribahasa yang menyampaikan pesan dan nasihat ialah *sepandai-pandai katak melompat akhirnya jatuh ke dalam kolam juga*. Peribahasa ini menyampaikan pesan kepada masyarakat supaya sentiasa merendah diri, tidak bongkak dengan apa yang dimiliki kerana sebijak-bijak atau sepandai-pandai seseorang kadang-kala terdapat juga salah silap yang dilakukan. Selain itu, ungkapan ini turut membawa maksud bahawa sebijak-bijak seseorang itu, akan kembali ke tempat asalnya juga. Penggunaan unsur *katak* dalam ungkapan ini membawa erti bahawa katak tidak dapat dipisahkan dengan habitat asalnya iaitu memerlukan air untuk meneruskan kehidupan.

Oleh yang demikian, peribahasa ini diungkapkan untuk menyampaikan pesan dan nasihat kepada masyarakat supaya tidak sombong dan angkuh dengan sesuatu keistimewaan yang dimiliki kerana setiap seseorang itu akan tetap memerlukan antara satu sama lain.

Ungkapan *mendengar guruh di langit air di tempayan jangan ditumpah* menyampaikan pesan supaya masyarakat tidak mengharap kepada sesuatu yang belum pasti. Peribahasa ini menyampaikan pesan dan nasihat kepada masyarakat supaya tidak bergantung atau mengharap sesuatu yang belum pasti supaya tidak kecewa.

Selain itu, peribahasa yang turut menyampaikan pesan kepada masyarakat ialah *tepek dada tanya hati*. *Hati* melambangkan kesucian, ketelusan dan kebersihan dalam pelbagai perkara. Oleh yang demikian, peribahasa ini menyampaikan maksud membuat pilihan dan mempertimbangkan sesuatu keputusan dengan sebaik mungkin.

Peribahasa *hujan emas di negeri orang, hujan rahmat di negeri sendiri* turut menyampaikan pesanan dan nasihat kepada masyarakat bahawa walaupun negara lain begitu makmur dan mewah, namun negeri sendiri tetap yang terbaik. Peribahasa ini menyampaikan mesej kepada masyarakat supaya tidak membangga-banggakan dengan kemajuan, kemodenan negara orang dan sedar akan asal usul diri dan tempat yang dilahirkan.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa peribahasa dalam laman sosial *Facebook* masih mempunyai peranan yang sama dengan peribahasa dahulu dari sudut fungsinya kepada masyarakat untuk menyampaikan pesanan dan nasihat. Masyarakat dahulu menggunakan peribahasa mengikut pandangan atau *world view* mereka, berbeza dengan masyarakat moden hari ini yang berkomunikasi secara maya. Oleh itu, penggunaan peribahasa telah berbeza kerana suasana dan pemikiran mereka yang turut berbeza. Perkara ini menunjukkan bahawa masyarakat dahulu dan sekarang merupakan dua entiti yang berbeza kerana corak kehidupan dan pemikiran yang telah berubah.

### **5.2.2 Peribahasa Berperanan Menyampaikan Didikan**

Penghasilan peribahasa juga adalah bertujuan untuk menyampaikan motif didikan kepada masyarakat supaya masyarakat dapat mengambil ikhtibar dan panduan ke atas kata-kata puitis yang diungkapkan tersebut. Motif penyampaian peribahasa berbentuk didikan ini adalah supaya masyarakat sentiasa menjadikan ia sebagai panduan dan peringatan dalam menjalani kehidupan seharian.

Sejajar dengan itu, teori Relativiti Linguistik yang memperlihatkan bahawa penggabungan linguistik dan penggunaan bahasa dapat menentukan pemikiran seseorang tanpa ada batasan pada kepelbagaian struktural sesuatu bahasa. Oleh yang demikian, bahasa ditentukan oleh corak pemikiran dan kemahiran berfikir seseorang tersebut berdasarkan kepada penggunaan perkataan yang meluas manakala fungsi penyampaian pula adalah untuk mengungkapkan idea (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011:37).

Peribahasa yang menyampaikan motif didikan ialah seperti *berakit-berakit ke hulu berenang ketepian, cantik-cantik ibu guru yang penting tetap dalam kebersamaan*. Peribahasa ini menyampaikan maksud kesenangan akan datang selepas bersusah payah dan sentiasa bermuafakat dan bekerjasama untuk menghasilkan sesuatu perkara.

Selain daripada itu, contoh peribahasa berkonsepkan didikan yang telah dikutip dari *Facebook* seperti *yang penting cinta, makan batu pun empuk kaya kerupuk* merupakan sebuah peribahasa yang telah dipengaruhi oleh bahasa Indonesia. Peribahasa ini bertujuan untuk menyampaikan didikan kepada masyarakat supaya sentiasa berkata-kata lembut dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Kata-kata yang lembut ini mampu menawan sebuah hati yang keras.

Di samping itu, peribahasa *tepek dada tanya hati* turut bermotifkan didikan supaya masyarakat sentiasa berfikir semasak-masaknya sebelum membuat keputusan. Peribahasa ini menyampaikan didikan kepada masyarakat

supaya sentiasa berfikir dan membuat perhitungan antara baik dan buruk sebelum memilih untuk membuat sesuatu perkara.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa peribahasa dalam laman sosial *Facebook* masih berperanan yang sama dengan peribahasa dahulu dari sudut fungsinya kepada masyarakat untuk menyampaikan didikan. Walaupun berlaku perubahan dari sudut pemikiran, namun ia tetap menunjukkan penyampaian peribahasa dari dahulu hingga sekarang kekal membawa motif yang positif dalam kehidupan masyarakat.

Ilmu Melayu merupakan proses yang dibentuk melalui pengalaman seseorang yang hasilnya membawa kepada abstrak dan disampaikan dalam bentuk metafora. Menurut Za'ba yang dipetik dalam Hassan Ahmad (2003:40), metafora melayu telah diuji melalui pengalaman atau pemerhatian empirikal dan ia terkeluar dari mulut seseorang yang bijak dan mempunyai akal fikiran yang cergas sehingga melahirkan kata-kata yang mempunyai maksud sebaliknya.

Oleh yang demikian, peribahasa yang disampaikan dalam laman sosial *Facebook* turut mempunyai peranan dalam menyampaikan didikan kepada masyarakat. Walaupun peribahasa tersebut mengalami perubahan dari sudut leksikal atau kata dan makna namun fungsinya kepada masyarakat tetap tidak berubah.

Bersesuaian dengan teori yang digunakan bagi menganalisis bahagian ini memperlihatkan bahawa manusia dari dua budaya yang berlainan akan mengungkapkan idea yang berbeza kerana fikiran mereka telah dibatasi oleh

bahasa, pengalaman dan budaya yang turut berbeza. Oleh yang demikian, hipotesis ini memperlihatkan bahawa pemikiran manusia disamakan dengan bahasa yang digunakan oleh penutur tersebut (Hassan Ahmad, 2016:40).

### **5.2.3 Peribahasa Berperanan Menyampaikan Sindiran**

Peribahasa yang berperanan sebagai medan penyampaian sindiran turut digunakan dalam laman sosial *Facebook* yang memperlihatkan bahawa pemikiran masyarakat dalam melahirkan idea yang berbeza dan merealisasikan ungkapan tersebut supaya berjaya menghasilkan kesan kepada masyarakat.

Sejajar dengan itu, Teori Relativiti Linguistik yang menekankan penggabungan linguistik yang dapat menentukan tahap pemikiran penutur dengan cara yang tersendiri. Selain itu, bahasa yang diujarkan akan tergambar melalui penggunaan perkataan dengan meluas dan mereka cuba untuk memaksimumkan fungsi penggunaan perkataan tersebut semasa mengungkapkan atau mengutarakan idea yang ingin disampaikan dalam peribahasa (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011:37).

Oleh yang demikian, bahagian ini akan membincangkan motif sindiran dalam peribahasa yang disampaikan untuk menyatakan sesuatu maksud secara tersembunyi dengan cara yang tersendiri. Ungkapan *diberi betis nak peha, diberi sejengkal nak sedepa*. Peribahasa ini menyampaikan kata-kata sindiran kepada golongan yang bersikap tamak dan tidak rasa cukup dengan bantuan yang dihulurkan.

Selain daripada itu, peribahasa yang bertujuan bagi menyampaikan sindiran kepada masyarakat ialah *harapkan pagar, pagar tak boleh harap, harapan pagar si pagar makan padi* yang bermotifkan untuk menyampaikan sindiran kepada golongan yang mengkhianati dengan kepercayaan yang telah diberikan.

Begitu juga dengan peribahasa yang digunakan dalam *Facebook* untuk menyindir orang tertentu seperti *siakap senohong gelama ikan bandaraya, bercakap bohong, lama-lama jadi Razman Zakaria*. Melalui peribahasa yang disampaikan ini dapat dilihat bahawa tujuan penggunaan peribahasa bagi menyindir orang tertentu. Namun begitu, peribahasa ini secara lantang menyindir Razman Zakaria kerana kesilapan yang telah dilakukannya.

Di samping itu, pengguna *Facebook* turut memuat naik status dengan menyindir seperti ungkapan *siakap senohong, gelama ikan duri, bercakap bohong untuk kayakan kroni*. Peribahasa ini turut secara lantang menyindir golongan tertentu yang menjalankan sesuatu tugas atau urusan secara tidak telus dengan memberi kepentingan kepada rakan-rakan atau saudara-maranya sahaja.

Selain daripada itu, *bagai kacang lupakan tanah* pula merupakan peribahasa yang disampaikan untuk menyindir golongan yang lupa akan asal usul atau orang yang membantunya setelah memperolehi kesenangan. Peribahasa ini bertujuan untuk menyampaikan sindiran kepada masyarakat yang mula lupa diri, lupa asal usul, kesusahan yang pernah dilalui atau melupakan seseorang yang telah banyak membantunya seketika dahulu.

*Habis madu bunga dibuang* turut merupakan sebuah peribahasa yang digunakan untuk menyindir orang atau golongan tertentu yang hanya menyayangi seseorang ketika masih diperlukan atau masih cantik manakala ditinggalkan setelah tidak cantik atau sudah tidak diperlukan lagi.

Dapat dilihat bahawa peribahasa bermotifkan sindiran ini relevan digunakan dalam penyampaian peribahasa Melayu. Walaupun peribahasa ini bermotifkan sindiran dan mengandungi maksud yang pedas, namun penyampaiannya berjaya mengelak dari menggunakan kata-kata atau bahasa yang kesat, kasar dan keras dalam menyampaikan sindiran tersebut. Oleh yang demikian, peribahasa bermotifkan sindiran ini telah membawa perlambangan bahawa identiti masyarakat Melayu yang penuh dengan budi bahasa dan berlemah lembut dalam berbicara walaupun perkara yang disampaikan itu bermotifkan sindiran.

Sejajar dengan pendapat yang disampaikan Asmah Hj. Omar (1993:41-42), menyifatkan bahawa pemikiran terjalin erat dengan kebudayaan dan ia tergambar melalui bahasa yang tidak sahaja menggambarkan perbuatan atau kebudayaan, tetapi juga melibatkan konteks pergaulan antara ahli masyarakat. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa bahasa sebagai sistem perlambangan yang bersifat produktif.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa peribahasa pada hari ni masih mempunyai fungsi yang sama untuk memberikan motif sindiran kepada masyarakat. Masyarakat dahulu sering menggunakan bahasa bagi menyampaikan

*world view* mereka dengan cara yang tersendiri untuk melahirkan pemikiran dalam menyampaikan sesuatu bagi menyindir seseorang.

#### **5.2.4 Peribahasa Berperanan Menyampaikan Larangan**

Peribahasa yang berperanan sebagai medan penyampaian unsur larangan turut digunakan dalam laman sosial *Facebook* turut memperlihatkan bahawa pemikiran masyarakat dalam melahirkan idea bagi merealisasikan sesuatu ungkapan tersebut sehingga berjaya memberikan kesan kepada masyarakat.

Bahagian ini mengambil pendekatan yang diasaskan oleh Sapir dan Whoft melalui hipotesis mereka dalam teori Relativiti Linguistik yang menekankan bahawa struktur bahasa yang dilahirkan merupakan bukti yang telah mempengaruhi cara seseorang itu berkelakuan dan juga berfikir. Bahasa merupakan sebahagian daripada hidup manusia yang menyerap dalam fikiran dan memperlihatkan cara mereka memandang dunia yang berada di sekelilingnya (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011:37)

Dapat dilihat melalui ungkapan peribahasa yang bertujuan untuk menyampaikan motif larangan kepada masyarakat supaya tidak melakukan apa yang tidak termampu seperti yang terhasil melalui ungkapan *kalau kail panjang sejengkal jangan cuba tangkap paus*. Pesanan yang bermotifkan larangan ini disampaikan kepada masyarakat supaya mengukur dahulu kemampuan diri sebelum membuat sesuatu yang di luar jangkaan atau boleh mendatangkan bahaya kepada diri sendiri.



Peribahasa *siakap senohong gelama ikan duri, bercakap bohong perangai pencuri* turut menyampaikan larangan kepada masyarakat supaya sentiasa berhati-hati dan tidak melakukan sesuatu perkara yang salah kerana setiap kesalahan kecil yang dianggap kecil akan mengakibatkan sesuatu yang lebih buruk berlaku.

Oleh yang demikian, pendekatan yang diasaskan dalam teori Relativiti Linguistik yang menekankan aspek pemikiran dalam pengaliran idea dan bahasa amat bersesuaian dengan penyampaian peribahasa yang bermotifkan larangan. Ini adalah kerana pendekatan Relativiti Linguistik yang menyifatkan bahawa fikiran manusia ditentukan dan dibatasi oleh bahasa masing-masing serta perbezaan pengalaman budaya menyebabkan mereka berfikir secara berbeza. Oleh itu, pemikiran manusia dapat disamakan dengan bahasa yang digunakan oleh penutur tersebut (Hassan Ahmad, 2016:40).

Maka, dapat disimpulkan bahawa peribahasa pada hari ini masih mempunyai fungsi yang sama iaitu menyampaikan kata-kata larangan kepada masyarakat dengan menggunakan bahasa yang halus, berhemah dan tersirat. Oleh yang demikian, peribahasa dalam laman sosial *Facebook* tetap berperanan sebagai menyampaikan kata-kata larangan kepada masyarakat walaupun telah berbeza medium penyampaiannya.

### 5.2.5 Peribahasa Berperanan Menyampaikan Rasa Protes

Penciptaan peribahasa pada hari ini turut berperanan bagi menyampaikan rasa protes kepada pihak tertentu. Penghasilan ungkapan bagi menyatakan protes ini memperlihatkan bahawa pemikiran masyarakat sentiasa berusaha untuk melahirkan idea yang berbeza bagi merealisasikan sesuatu ungkapan.

Sejajar dengan itu, teori Relativiti Linguistik menekankan bahawa struktur bahasa yang mempengaruhi cara seseorang tertentu berfikir dan berkelakuan. Selain itu, teori ini turut menyatakan bahawa bahasa menyerap dalam pemikiran masyarakat melalui pandangan mereka tentang alam atau dunianya (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011:37).

Oleh yang demikian, bahagian ini akan membincangkan motif protes dalam peribahasa untuk menyatakan isi hati kepada pihak tertentu. Peribahasa yang memainkan peranan bagi menyampaikan rasa protes seperti ungkapan *menatang sungguh isi minyak tak penuh-penuh*. Ungkapan ini digunakan oleh pengguna laman sosial *Facebook* bagi menyatakan rasa protes terhadap kenaikan harga minyak dan ia telah membebankan rakyat.

Selain daripada itu, ungkapan *siakap senohong gelama ikan duri, bercakap bohong untuk kayakan kroni* turut digunakan oleh masyarakat bagi menyatakan perasaan protes kepada pihak atau individu lain yang tidak jujur dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Luahan rasa protes ini diujarkan dalam bentuk peribahasa supaya makna dan motif

penyampaiannya dapat difahami oleh masyarakat walaupun ia secara tersurat dan halus bahasanya.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa peribahasa yang dihasilkan bagi menyampaikan motif protes mengandungi maksud yang tertentu supaya ungkapan yang dihasilkan dapat disampaikan dengan sempurna kepada masyarakat. Selain itu, penyampaian ini turut mengandungi kata-kata sinis dan ia disampaikan secara terus dengan membawa perlambangan bahawa masyarakat Melayu penuh dengan budi bahasa dalam melahirkan bicara. Walaupun penyampaian ungkapan tersebut adalah untuk menyatakan rasa protes kepada pihak tertentu, namun kaedah penyampaian dengan menggunakan peribahasa berjaya disampaikan kepada masyarakat.

#### **5.2.6 Peribahasa Berperanan Sebagai Jenaka**

Peribahasa yang berperanan sebagai medan jenaka turut diciptakan oleh pengguna *Facebook* bagi menyatakan idea dan pemikiran secara saluran yang berbeza. Melalui peribahasa ini memperlihatkan bahawa pemikiran masyarakat yang berbeza dalam melahirkan idea dan ungkapan yang turut berbeza bagi merealisasikan motif dan maksud yang tertentu. Penyampaian ini bertujuan supaya idea dan pemikiran yang diungkapkan tersebut berjaya memberikan kesan kepada masyarakat.

Berdasarkan kepada Teori Relativiti Linguistik yang menekankan aspek pemikiran dan pengalihan idea dalam berkomunikasi yang dibatasi oleh cara pemikiran dan kelakuan berdasarkan kepada pengaruh yang dilaluinya. Teori ini

turut menyatakan bahawa pola pemikiran manusia telah dipengaruhi oleh bahasa pertama mereka dan juga budaya setempat iaitu alam sekeliling yang didiami mereka (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011:37).

Dapat dilihat daripada ungkapan yang dihasilkan oleh pengguna *Facebook* iaitu *cubit peha kanan peha kiri pun terasa Tukar tayar depan tayar belakang pulak bocor!* memaparkan unsur jenaka dalam peribahasa tersebut. Walaupun pada awalnya ungkapan tersebut telah menimbulkan rasa prihatin di hati pembaca, namun ia berjaya menyampaikan kesan jenaka melalui pemikirannya yang menggunakan peribahasa bagi menyatakan dan menyampaikan peristiwa yang telah dilaluinya secara berjenaka.

Di samping itu, ungkapan *menatang sungguh isi minyak tak penuh-penuh* turut melahirkan kesan jenaka dalam penyampaian. Walaupun peribahasa ini disampaikan secara berjenaka, namun maksud di sebaliknya penyampaian adalah berbeza. Unsur jenaka terserlah dalam ungkapan tersebut dalam masa yang sama menyampaikan maksud yang berbeza iaitu cacian atau marah kerana kenaikan harga minyak. Walau bagaimanapun peribahasa ini dapat disampaikan secara berjenaka, namun di sebaliknya ungkapan tersebut terkandung maksud yang tersirat dan dapat difahami oleh masyarakat akan motif penyampaian peribahasa tersebut.

Selain daripada itu, peranan jenaka dalam peribahasa *Facebook* dapat dilihat melalui ungkapan *bulat air kerana pembentung bulat manusia kerana menternak lemak* yang pada awalnya ia adalah bermotifkan sindiran, namun menghasilkan kesan jenaka dalam kaedah penyampaian. Oleh yang

demikian, ungkapan tersebut telah memberikan kesan kepada pengguna *Facebook* yang melihat peribahasa sebagai salah satu saluran untuk berjenaka dalam melahirkan idea bagi menyampaikan sesuatu maksud.

Dapat dilihat juga melalui ungkapan *sepandai-pandai tupai melompat akhirnya abang posmen juga yang dicarinya* yang turut membawa unsur jenaka dalam penyampaian peribahasa dalam *Facebook*. Ungkapan tersebut menyampaikan peranan jenaka di samping membawa maksud yang berbeza iaitu sebijak-bijak seseorang itu berdikari, namun tetap memerlukan bantuan posmen dalam sesuatu perkara. Dapat dilihat daripada ungkapan ini mungkin ditujukan kepada pembeli barang atas talian yang semakin popular di kalangan wanita. Oleh yang demikian, ungkapan ini ditujukan kepada wanita yang sentiasa menunggu barang belian mereka tiba ke pangkuan mereka dengan selamat.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada teori Relativiti Linguistik yang memperlihatkan pemikiran masyarakat dalam menyampaikan sesuatu perkara adalah berkait rapat dengan hubungannya dengan bahasa, budaya dan juga alam. Manusia mampu melahirkan sesuatu idea dan mengungkapkan ungkapan berdasarkan kepada batasan bahasa yang diperolehinya. Ungkapan yang dizahirkan tersebut adalah berbeza-beza memandangkan mereka mempunyai pemikiran yang berbeza berdasarkan kepada pengaruh yang diperolehi daripada realiti bahasa pertama, amalan budaya setempat dan cara mereka memandang terhadap dunia (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011:37).

Sejajar dengan itu, Teori Relativiti Linguistik yang menekankan bahawa struktur bahasa yang lahir merupakan bukti yang mempengaruhi pemikiran seseorang dan juga perilakunya. Oleh itu, bahasa merupakan pelengkap dan perlu menjadi sebahagian daripada hidup dan ia menyerap dalam pemikiran manusia melalui cara penutur tersebut memandang dunianya (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011:37).

Oleh yang demikian, penyampaian peribahasa bagi tujuan jenaka melahirkan idea dan memperlihatkan pemikiran masyarakat yang sentiasa berjenaka bagi menyatakan sesuatu maksud secara tersirat. Di sebalik kejenaan yang diungkapkan terkandung sebuah maksud yang tersembunyi yang berhasrat untuk menyatakan sesuatu secara berhemah dan dapat difahami oleh masyarakat. Unsur jenaka digunakan adalah bagi mengelakkan supaya berlakunya perselisihan faham dalam berkomunikasi.

### **5.3 Kesimpulan**

Teori Realitiviti Linguistik didapati amat sesuai dalam menganalisis aspek pemikiran masyarakat dalam penglahiran dan penciptaan peribahasa *Facebook*. Teori ini pada dasarnya menekankan aspek pemikiran turut terbukti melalui penghasilan peribahasa oleh pengguna *Facebook* yang memperlihatkan bahawa bahasa dan pemikiran masyarakat Melayu bergerak seiringan dan hubungan ini terjadi secara relatif. Selain itu, ia turut memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu masih menggunakan bahasa halus untuk mempamerkan bahawa keindahan dalam menyatakan sesuatu secara tersembunyi melalui bahasa.

Peribahasa yang digunakan oleh masyarakat pada hari ini di laman *Facebook* masih memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan fungsinya kepada masyarakat. Walaupun terdapat sedikit perubahan dalam peribahasa-peribahasa yang digunakan, namun ia masih mengekalkan fungsi dan peranan yang sama bagi menyampaikan didikan, teladan, panduan dan sindiran dan protes dan juga jenaka kepada masyarakat.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa peribahasa dalam laman sosial *Facebook* tetap mempunyai peranan yang sama dengan peribahasa yang diciptakan oleh nenek moyang terdahulu dari sudut fungsinya kepada masyarakat bagi menyampaikan motifnya yang tersendiri. Masyarakat dahulu menggunakan peribahasa mengikut penglihatan dunia atau *world view* yang mereka lalui, berbeza dengan masyarakat hari ini yang menggunakan alam maya untuk melahirkan idea dan juga berkomunikasi. Oleh itu, penggunaan peribahasa turut mengalami perubahan kerana perbezaan dari sudut suasana dan juga pemikiran mereka. Sejalan dengan itu, perkara ini menunjukkan bahawa corak kehidupan dan pemikiran masyarakat dahulu dan sekarang yang telah berubah.

Di samping itu, dapat dilihat bahawa peribahasa yang dicipta oleh masyarakat lalu masih relevan untuk digunakan oleh masyarakat kini. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perubahan yang disokong oleh faktor-faktor terhadap perkembangan bahasa dan perubahan budaya dalam peribahasa. Sungguhpun peribahasa kini berbeza dari sudut medium penyampaian dengan peribahasa dahulu, namun penggunaan peribahasa tetap utuh dan memainkan peranan yang penting dalam masyarakat pada hari ini.

Walaupun masyarakat kini lebih terbuka dalam berbicara, namun peribahasa tetap menjadi medan penyampaian yang berkesan kepada masyarakat untuk diambil pengajaran, didikan dari pesanan-pesanan yang terkandung dalam peribahasa tersebut. Keterbukaan minda dan pemikiran masyarakat kini telah menjadikan peribahasa sebagai salah satu medan penyampaian makna tersirat dan tersurat yang terus berkembang serta menjadikan peribahasa ini tidak luput dalam ingatan masyarakat.

Sejajar dengan itu, Alias Sidek (1999:143-144) menyatakan bahawa peribahasa masih relevan digunakan oleh masyarakat hari ini kerana falsafah yang terkandung di dalam peribahasa masih boleh diterima dan digunakan oleh masyarakat hari ini. Selain itu, pemikiran dan falsafah yang terdapat di sebalik peribahasa Melayu tersebut sesuai dimanfaatkan oleh masyarakat pada masa akan datang.

Selain itu, Aion Mohd dan Abdullah Hassan (2006:3), menegaskan bahawa setiap generasi akan mencipta bahasa kiasan yang tersendiri berikutan bahasa kiasan yang telah dirakam dalam bentuk buku atau karya tidak lagi difahami dan digunakan oleh generasi pada hari ini. Oleh itu, sejajar dengan pernyataan ini, ia menunjukkan bahawa kehidupan hari ini memerlukan pengalihan peribahasa baharu yang dapat difahami dan berkaitan dengan kehidupan masyarakat era semasa yang pantas berubah ke arah kemodenan.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa peribahasa dalam laman sosial *Facebook* masih mempunyai fungsi yang sama dengan masyarakat dahulu bagi menyampaikan pesanan, nasihat, didikan, sindiran, larangan, protes dan unsur jenaka. Oleh yang demikian, fungsi peribahasa masyarakat dahulu masih relevan digunakan pada hari ini dengan fungsi yang sama malah, ia tetap utuh dan kukuh dalam



menyampaikan sesuatu secara berselindung dan tersirat tanpa melukakan hati mana-mana pihak.

University of Malaya

## **BAB 6: RUMUSAN**

### **6.1 Pendahuluan**

Berdasarkan perbincangan yang telah dibuat dalam bab 1 hingga 5, dapatan kajian menunjukkan bahawa memang terdapat perubahan makna dalam peribahasa yang digunakan dalam laman sosial *Facebook*. Oleh yang demikian, bab ini akan menghuraikan rumusan hasil daripada dapatan kajian yang telah dijalankan. Selain daripada itu, sumbangan kajian dan juga cadangan kajian pada masa akan datang akan turut dibincang sebagai penutup yang akan mengakhiri bahagian ini.

### **6.2 Rumusan Dapatan Kajian**

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dibuat dalam bab 4 dan 5, hasil kajian yang diperolehi sangat menarik dan membawa kepada pengkajian yang menyeluruh dari aspek makna dalam peribahasa laman sosial *Facebook*. Perubahan peribahasa yang terdapat dalam laman *Facebook* memperlihatkan bahawa masyarakat hari ini masih menggunakan peribahasa sebagai medium penyampaian suara hati secara halus, berhemah dan tersendiri tanpa melukakan hati mana-mana pihak.

Analisis data yang telah dibuat dalam bab 4 dan 5 jelas menunjukkan bahawa perubahan fungsi dan makna peribahasa boleh dirumuskan kepada kategori berikut:

- i. Perubahan Peribahasa Mengikut Zaman
- ii. Kerelevenan Peribahasa Dengan Generasi Hari Ini

### 6.2.1 Perubahan Peribahasa Mengikut Zaman

Seperti yang telah dibincangkan dalam bab 4, perubahan peribahasa dapat dilihat dari sudut leksikal, kolokasi dan juga kognitif. Perubahan peribahasa yang terdapat dalam laman sosial agak ketara memandangkan corak pemikiran masyarakat kini serta percambahan dan perkembangan penggunaan leksikal baharu yang membawa kepada perubahan terhadap makna peribahasa Melayu. Secara amnya seperti yang telah diketahui bahawa peribahasa disampaikan adalah untuk menyatakan sesuatu secara halus dan berselindung supaya tidak melukai mana-mana pihak.

Dari sudut perubahan penggunaan bentuk dan juga makna leksikal, kolokasi dan kognitif mendapati bahawa peribahasa mengalami perubahan yang positif serta perkembangannya berjaya membawa kepada penggunaan yang berterusan. Selain itu, penggunaan peribahasa turut bertujuan bagi menyampaikan maksud yang tersirat dan tersurat, malah masyarakat hari ini pintar menggunakan leksikal-leksikal baharu yang bersesuaian dengan kehidupan kini.

Nor Hashimah Jalaludin (1992), menyatakan bahawa dalam disiplin linguistik, semantik merupakan ilmu yang khusus dalam kajian makna. Bahasa tanpa makna akan menjadi tidak bermakna manakala makna yang ditangani oleh ilmu semantik lebih menjurus kepada makna harfiah. Dalam perkara ini, banyak aspek makna yang tersirat perlu diberi tafsiran lanjut.

Asmah Hj Omar (1993), menyatakan bahawa manusia berbicara berdasarkan kepada lambang dan lambang merupakan wahana bagi pemikiran yang merujuk kepada benda atau sifat yang tertentu dan ia mengandungi makna. Melalui lambang, pemikiran akan dibentuk manakala akal pula akan memproses pemikiran tersebut tanpa henti.

Oleh yang demikian, melihat dari aspek perubahan penggunaan leksikal dalam peribahasa berpunca dari perkembangan dan pemikiran serta permainan akal manusia yang sentiasa berfikir untuk menyatakan sesuatu melalui saluran yang berbeza. Pendapat Clark dan Clark (1977) yang dipetik dari Hassan Ahmad (2016:65), menyatakan bahawa bahasa yang digunakan untuk menyampaikan idea dan fikiran dan fungsinya mestilah menggambarkan fikiran tersebut. Oleh yang demikian, bahasa yang diucapkan haruslah dapat difahami dengan mudah dan cekap dan fungsinya tidak tersasar daripada batasan kemampuan manusia untuk berfikir.

Sehubungan dengan itu, berbalik kepada perubahan aspek bentuk dan makna dari sudut leksikal dan kognitif dalam peribahasa *Facebook* ternyata masyarakat hari ini menggunakan pemikiran dalam pengaliran idea dan pendapat bagi menyatakan sesuatu secara berhemah dan tidak mengguriskan mana-mana pihak. Perkembangan dan perubahan ini menjadikan peribahasa Melayu terus hidup dan berkembang sejajar dengan perkembangan teknologi dan arus kemodenan kini.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa hasil kajian telah menemui terdapat makna-makna yang tersendiri dalam peribahasa yang digunakan dalam laman sosial *Facebook*. Walaupun peribahasa tersebut telah mengalami perubahan dari sudut leksikal, kolokasi dan juga kognitif, namun penyampainya turut mengandungi makna yang tersendiri dan setiap makna yang disampaikan tersebut berkaitan antara satu sama lain.

Sejajar dengan itu, perubahan ini berlaku berikutan bahasa Melayu kini yang kian berkembang dan mencorakkan perubahan dalam penggunaan peribahasa. Selain itu, ia turut menambah warna dengan pengwujudan perkataan-perkataan baharu dalam Melayu yang amat bersesuaian dengan perkembangan peribahasa masa kini.

### **6.2.2 Kerelevanan Peribahasa Dengan Generasi Hari Ini.**

Seperti mana yang telah dibincangkan dalam bab 5, jelas bahawa peribahasa masih relevan digunakan oleh generasi hari ini malah ia sentiasa berkembang dengan perubahan-perubahan yang telah dilakukan bagi menyesuaikan dengan situasi hari ini. Melihat kepada fungsi penyampaian peribahasa seketika dahulu, ia disampaikan oleh nenek moyang secara lisan dari satu generasi ke generasi adalah untuk memberikan didikan, panduan, pedoman, sindiran dan juga pengajaran kepada anak cucu.

Walau bagaimanapun, kaedah penyampaian secara lisan telah berubah sejajar dengan perkembangan semasa, malah fungsi peribahasa pada hari ini masih sama iaitu untuk menyampaikan didikan, pesanan, panduan hidup,

sindiran dan juga larangan kepada masyarakat. Walaupun penggunaan dari sudut bahasa agak berbeza dengan masyarakat dahulu, tetapi motif penyampaiannya tetap sama iaitu memberi mesej kepada masyarakat secara halus dan berhemah supaya tidak mengguris atau melukakan mana-mana pihak.

Hassan Ahmad (2016:88), menyatakan bahawa bahasa merupakan cerminan fikiran dan budaya manusia yang mungkin sama ataupun berbeza. Manusia yang menggunakan bahasa yang berlainan juga berfikir secara berlainan dan melalui alam sekitar dan ia membentuk sebuah pandangan yang berbeza melalui pemerhatian alam sekitar. Setiap bahasa yang digunakan juga dapat difahami kerana ia melalui proses terjemahan atau proses penjelasan bagi membentuk sebuah makna.

Di samping itu, pendapat Alias Sidek turut menyatakan bahawa walaupun peribahasa telah diciptakan sekian lama, namun falsafah yang terkandung di sebalik ungkapan peribahasa tersebut masih boleh diterima oleh masyarakat hari ini. Sebahagian besar pemikiran dan falsafah yang terkandung dalam peribahasa masih sesuai dimanfaatkan oleh masyarakat pada masa akan datang (Alias Sidek, 1999:143-144).

Peranan yang dimainkan oleh peribahasa sangatlah besar supaya masyarakat kini boleh mengambil pengajaran, didikan, panduan dan pedoman melalui maksud atau makna yang terdapat dalam peribahasa tersebut. Makna dalam peribahasa menggambarkan *world view* masyarakat dahulu dan sekarang yang sentiasa melahirkan pemikiran yang kreatif dalam berbahasa secara halus.

### 6.3 Cadangan Kajian Akan Datang

Dewasa ini, kajian terhadap peribahasa bagaikan *cendawan tumbuh selepas hujan* dan ramai pengkaji yang melihat perbezaan peribahasa mengikut bahasa, elemen haiwan, anatomi, analisis berdasarkan unsur-unsur dalam peribahasa dan juga pengkajian terhadap makna dalam peribahasa. Namun begitu, kajian yang dilakukan dengan menggunakan peribahasa dalam media sosial sebagai medium utama untuk melihat aspek perkembangan pemikiran dan juga perubahan penggunaan peribahasa dalam masyarakat hari ini masih jauh ketinggalan.

Di samping itu, pada masa akan datang dicadangkan supaya pengkaji yang membuat kajian terhadap penggunaan peribahasa dalam laman sosial dengan memberi penelitian terhadap perubahan dan percambahan penggunaan peribahasa sedia ada dan penciptaan peribahasa baharu. Masyarakat kini menzahirkan pemikiran mereka melalui laman sosial memandangkan ia merupakan salah satu medium penyampaian yang paling pantas era ini. Berdasarkan kepada penulisan, kita dapat melihat perkembangan pemikiran dan minda masyarakat kini yang aktif menggunakan laman sosial untuk menyuarakan pendapat, cadangan, sindiran dan juga unsur protes kepada pihak-pihak tertentu.

Oleh yang demikian, pengkaji mengharapkan agar pemikiran masyarakat dan juga perubahan makna dalam peribahasa terus dikaji dengan menggunakan medium penulisan mereka dalam media sosial sebagai salah satu sasaran untuk melihat perubahan dan juga perkembangan positif. Memandangkan penggunaan peribahasa merupakan salah satu medium penyampaian yang paling berkesan untuk menanggapi makna dan motif penyampaian tersebut dilakukan.

Selain itu, pemikiran manusia juga sering berubah-ubah mengikut situasi, keadaan semasa dan zaman maka, pengkajian berdasarkan kepada pemikiran harus dijalankan secara berterusan untuk melihat secara dengan lebih dekat mengenai perubahan pemikiran masyarakat terutamanya dalam penggunaan bahasa-bahasa kreatif dan juga peribahasa.

#### **6.4 Kesimpulan**

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa perubahan ini memainkan perkembangan yang baik untuk mengangkat peribahasa Melayu supaya tidak ketinggalan zaman seterusnya tenggelam dimamah arus kemodenan. Kita mengharapkan agar peribahasa Melayu terus berada di puncak sejajar dengan perkembangan bahasa dan pemikiran bangsa Melayu dengan mengangkat peribahasa sebagai panduan dan pedoman dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan data kajian yang dikumpulkan, memperlihatkan bahawa penggunaan peribahasa masih meluas walaupun telah mengalami sedikit perubahan dari segi struktur kata, ayat dan sedikit sebanyak telah membawa kepada perubahan makna, namun penyampaian peribahasa tersebut tetap mempunyai tujuan yang sama iaitu menyampaikan maksud yang implisit dan eksplisit kepada masyarakat.

Perubahan peribahasa yang turut membawa kepada perbezaan corak pemikiran masyarakat kini yang dipengaruhi oleh alam sekitar dan suasana kehidupan secara amnya mampu mengangkat peribahasa Melayu ke arah yang lebih tinggi dan tidak tenggelam oleh arus kemodenan.



Oleh yang demikian, setiap penghasilan peribahasa mengandungi penglihatan dunia (*world view*) yang tersendiri bagi menyampaikan manfaat kepada masyarakat. Walaupun pada hakikatnya kini, perkembangan minda dan pemikiran masyarakat kian berkembang dan semakin berubah, namun penglihatan dunia yang ingin disampaikan dalam peribahasa harus berterusan hingga ke akhir zaman sebagai pedoman dan panduan kepada generasi yang akan datang.

University of Malaya

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hussain. (2006). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alias Sidek. (1999). *Penglihatan Dunia Orang Melayu Dalam Peribahasa*. (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah Hussain. (2006). *Canai Budi*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fuad Mat Hassan. (2016). Warisan Budaya Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Peradaban*, Jilid. 9, 1-10. ISSN 1985-6296.  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/ADAB/article/view/4586>
- Ainon Mohd. & Abdullah Hassan. (2006). *Koleksi Terindah Peribahasa Melayu (Edisi Kemas Kini)*. Selangor, Malaysia: PTS Publication.
- Aishah Rohani Nahar (1998). *Perlambangan Dalam Peribahasa Melayu Sarawak*. (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Amirah Ahmad & Rozaimah Rashidin. (2011). Terjemahan ‘Air’ Dalam Peribahasa Melayu-Inggeris: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik*, Jilid 13 Jun 2011. ISSN 1823-9242.  
<https://drive.google.com/file/d/0B-wrYh4qK0CHZmIzZGI4MzYtMmNiNC00OGYyLThkMTUtYmZhMjQ0YTQ0YzAy/view>
- Awang Sariyan. (1992). *Koleksi Warisan Tikaman Bahasa*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1993). *Bahasa dan Alam Peikiran Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2008). *Nahu Kemaskini Panduan Bahasa yang Baik*. Kuala Lumpur, Malaysia: PTS Professional Publishing.
- Darwis Harahap & Abdul Jalil Anuar. (2000). *Kumpulan Kertas Kerja: Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Ding Choo Ming. (2009). Beberapa Sifat, Asal Usul dan Kepengarangan Peribahasa Melayu. *Sari-International Journal of The Malay World and Civilisation* 27 (2) (2009) 3-26.  
[http://journalarticle.ukm.my/1171/1/SARI27%5B2%5D2009\\_%5B01%5D.pdf](http://journalarticle.ukm.my/1171/1/SARI27%5B2%5D2009_%5B01%5D.pdf)
- Faradillah Iqmar Omar (2014). Penerimaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Dalam Kalangan Mahasiswa KUIS. *E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014)*, 26-27 Mei 2014  
<http://www.kuis.edu.my/comm2014/e proceedings/C007%20PENERIMAAN%20MEDIA%20SOSIAL%20SEBAGAI%20MEDIUM%20DAKWAH%20DALAM%20KALANGAN%20MAHASISWA%20KUIS.pdf>
- Haji Yahya Haji Samah, Haji Amir Hamzah Shamsuddin & Haji Zainal Mokhtar. (1992). *Ceritera Peribahasa*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.
- Harun Mat Piah. (1997). *Puisi Melayu Tradisional Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2004). *Puisi Melayu Tradisional Nasihat dan Pengajaran*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna Dan Membentuk Epistemologinya*. Selangor, Malaysia: Akademi Kajian Ketamadunan
- Hassan Ahmad. (2016). *Bahasa dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Hj. Musa et. all. (2012). Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Jilid 12(1), January 2012.  
[http://journalarticle.ukm.my/3269/1/pp\\_163\\_182.pdf](http://journalarticle.ukm.my/3269/1/pp_163_182.pdf)
- Hishamudin Isam & Mashetoh Abd Mutalib (2015). Memahami Pemikiran Melayu Melalui Pembingkaian Makna Leksis Darah Dalam Peribahasa. *Jurnal Melayu Bil.14 (2) 2015*.  
<http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/11444/3705>
- Hishamudin Isam & Norsimah Mat Awal. (2011). Pemahaman Kognitif Dalam Menjelaskan Skema Imej: Analisis Leksis Setia Berdasarkan Data Korpus. *Jurnal Linguistik*. Jilid 13 Jun 2011. ISSN 1823-9242.  
<http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/11444/3705>

- Hishamudin Isam & Norsimah Mat Awal. (2011). Analisis Berasaskan Korpus Dalam Menstruktur Semula Kedudukan Makna Teras Leksikal Setia. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Jilid 11(1) 2011. ISSN: 1675-8021. Dari: <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/72/66>
- Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar. (2016). Penginterpretasian Peribahasa dan hubungannya Dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*. Jilid 16 Bil 1 2016. <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/07/5-Peribahasa.pdf>
- Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid. (2015). Akal budi Melayu dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Melayu*. Bil.14 (2) 2015. ISSN 1675-7513. <http://journalarticle.ukm.my/9459/1/11448-31075-1-SM.pdf>
- Hishamudin Isam & Mashetoh Abd. Mutalib. (2017). Simbol “Minyak” Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Makna Dari Perspektif Linguistik Kognitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Jilid. 10 Bil. 2 Julai 2017. <http://jurnalmelayu.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2017/07/3.pdf>
- Ismail Ali. (2016). Pembudayaan Elemen-elemen Maritim dalam Peribahasa Melayu. *Utusan Borneo*. 10 Okt 2016.
- Imran Ho-Abdullah. (2011). Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing (Canis Familiaris). *Gema Online Journal of Language Studies*. Bil. 11(1)2011: 125-141. [http://journalarticle.ukm.my/994/1/pp125\\_141.pdf](http://journalarticle.ukm.my/994/1/pp125_141.pdf)
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan (2017). Elemen Dualisme Dalam Peribahasa: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Jilid 10 Bil. 1 Januari 2017. <http://jurnalmelayu.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2017/01/eleme.pdf>
- Junaini Kasdan. (2015). Unsur Asam dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Kertas kerja dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX 2015*, Universiti Putra Malaysia, 3–4 November 2015. <http://jurnalmelayu.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2017/01/eleme.pdf>
- Johardy Ibrahim. (14 Disember 2014), *Harapkan Pagar Bukan Pagar*. Utusan Malaysia. <http://www.utusan.com.my/rencana/harapkan-pegar-bukan-pegar-1.36051>

- Kamarziyah Binti Masri. (2005). *Perbandingan Masukan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (1989) Dengan Kamus Peribahasa Kontemporari (2001)*. (Disertasi Sarjana). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak
- Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Tatabahasa Bahasa Melayu*. (2003). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Pelajar Edisi Kedua* (2016). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khusnul Hanafi & Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2017). Penggunaan Media Sosial Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Terbentuknya Gerakan Sosial Oleh Pemimpin Pelajar Universiti Di Bandar Pekan Baru, Riau, Indonesia. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Jilid 12 (2) 087-101, ISSN: 1823-884x. [ejournal.ukm.my/ebangi/article/download/20396/6435](http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/download/20396/6435)
- Mangantar Simanjuntak. (2016). *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak. (2009). *Pengantar Neuropsikolinguistik: Menelusuri Bahasa, Pemerolehan Bahasa dan Hubungan Bahasa Dengan Otak*. Indonesia: Perpustakaan Nasional Republik Indonesia.
- Martin. P & Marjolijn. H. V. (Ed.). (1955). *Explorations in Linguistic Relativity*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Mohd Rasdi & Abu Hassan (2015) Persamaan Lambang dan Makna dalam Peribahasa Semai dan Peribahasa Melayu. *International Seminar "Language Maintenance and Shift V"* 2-3 September 2015. <http://eprints.undip.ac.id/55416/>
- Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Adli. (2016). Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, Bil. 15(1), 26-49. <http://journalarticle.ukm.my/9956/>

- Nor Aziah Mohd Amin & Nor Azam Abdul Rahman. (2016). Peribahasa Melayu Dalam Pendidikan Bahasa Melayu: Perlukan Transformasi Peribahasa Seiring Peredaran Zaman?. *International Conference on Education and Regional Development 2016, Indonesia*. 31 Oktober & 1 November 2016, Bandung, Indonesia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Peribahasa ‘Parasit’ dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisif. *Seminar Bahasa dan Satera 2015 UKM*.  
[https://www.researchgate.net/publication/308691823\\_UNSUR\\_ASAM\\_DAN\\_AKAL\\_BUDI\\_MELAYU\\_ANALISIS\\_SEMANTIK\\_INKUISITIF](https://www.researchgate.net/publication/308691823_UNSUR_ASAM_DAN_AKAL_BUDI_MELAYU_ANALISIS_SEMANTIK_INKUISITIF)
- Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin & Zaharani Ahmad. (2012). Peluasan Makna Alim: Analisis Semantik Kognitif. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Jilid 12(2), Mei 2012. ISSN: 1675-8021.  
<http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/621>
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Afiqah Wan Mansor, Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi Dan Semantik. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, Jilid 32(1), 189-206.
- Noor Hasnoor Mohamad Noor. (2001). *Perkaitan Antara Kognisi, Bahasa dan Komunikasi: Satu Kajian Kes*. (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noor Hasnoor Mohamad Noor. (2016). *Metafora anatomi dalam Bahasa Melayu*. (Tesis PhD). Universiti Malaya: Kuala Lumpur
- Salinah Jaafar. (2005). Fungsi Leksikal “Bunga” Dalam Simpulan Bahasa Dan Peribahasa Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa DBP*. Jilid 5(4), 40-47.
- Saidatul Nornis & Mohd Rasdi (2013). Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Peribahasa Orang Semai. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Volume 13(1), Februari 2013. ISSN: 1675-8021.  
<http://journalarticle.ukm.my/6045/1/2224-4401-1-SM.pdf>
- Salina Husain. (2007). *Peribahasa Bahasa Melayu dan Bahasa Sepanyol: Satu Perbandingan Makna dan Amalan*. (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Siti Ezaleila Mustafa. (2005). *Media Jaringan Sosial: Penggunaan dan Pengaruhnya*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya

Suraiya Chapakiya. (2015). *Asas Linguistik*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors.

Tengku Azeezeen Tengku Shamsudden. (2008). *Unsur Haiwan dalam Peribahasa Melayu dan Cina: Satu Perbandingan*. (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohammad Rozaidi Zulkifli. (27 Oktober 2016). *Jodoh Qu Puteh, Kelantan Berakhir*. *Utusan Malaysia*.  
(<http://www.utusan.com.my/sukan/bola-sepak/jodoh-qu-puteh-kelantan-berakhir-1.400033>)

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Bahasa Dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu*. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Jilid 11(3) September 2011.  
[http://journalarticle.ukm.my/2760/1/pp31-51\\_latest.pdf](http://journalarticle.ukm.my/2760/1/pp31-51_latest.pdf)

Zulkifley Hamid. (1996). *Bahasa Konsep, Fungsi dan Penguasaannya oleh Penutur*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka

Zainal Abidin Ahmad. (2000). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I - III*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Ahmad. (2002) *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(20 Disember 2016). *Masalah Gangguan Air Merebak ke Shah Alam*. *Utusan Malaysia*  
<http://www.utusan.com.my/berita/komuniti/masalah-gangguan-air-merebak-ke-shah-alam-1.422147>